

**PERSEPSI MASYARAKAT BACHOK, KELANTAN
TERHADAP MAKYUNG TRADISIONAL DAN MAKYUNG
PATUH SYARIAH**

MAIZATUL NAYLI BINTI MIOR MURTAZIAN

UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2025



**PERSEPSI MASYARAKAT BACHOK, KELANTAN
TERHADAP MAKYUNG TRADISIONAL DAN MAKYUNG
PATUH SYARIAH**

Oleh :

MAIZATUL NAYLI BINTI MIOR MURTAZIAN

Projek penyelidikan ini disediakan untuk memenuhi syarat kelayakan bagi
Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian


Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2025

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam laporan ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah yang lebih tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.



TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis ini boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh).



SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.



SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*



TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan

Maizatun Nayli Binti Mior Murtazian

Tarikh: 24 Februari 2025

Tandatangan Penyeja Utama

Dr. Ainul Wahida binti Radzuan

Dr. Ainul Wahida Binti Radzuan

Senior Lecturer
Department of Heritage Studies
Faculty of Creative Technology and Heritage
Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
16300, Kelantan, Malaysia

Tarikh:

Nota * Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila keipilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan

25/2/2025

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaan-Nya telah mengizinkan saya untuk menyelesaikan projek penyelidikan saya yang bertajuk “Persepsi Masyarakat Bachok, Kelantan Terhadap Makyung Tradisional Dan Makyung Patuh Syariah” ini mengikut jangka masa yang telah ditetapkan. Jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada Dr Ainul Wahida Binti Radzuan kerana tidak pernah lelah memberi tunjuk ajar dan bimbingan serta idea kepada saya sepanjang saya menyiapkan Projek Penyelidikan ini. Tanpa bantuan daripada beliau, saya mungkin tidak akan mampu untuk menyiapkan tugas ini dengan baik dan cemerlang.

Setinggi penghargaan turut saya ucapkan kepada kedua ibu bapa saya dan ahli keluarga saya di atas segala sokongan dan dorongan yang mereka berikan kepada saya sepanjang menyiapkan tugas ini. Doa dan kata semangat dari ahli keluarga saya menjadi penguat untuk saya meneruskan kajian ini dengan sempurna walaupun pelbagai cabaran telah saya hadapi. Jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada sahabat seperjuangan saya yang sentiasa memberikan semangat ketika saya berada dalam keadaan tekanan dan kesukaran. Kesudian mereka untuk membantu saya dalam menjalankan kajian ini sangat bermakna dan memberi impak yang besar terhadap kelancaran proses penyelidikan saya. Sokongan dan pengorbanan mereka bukan sahaja membantu dalam menyiapkan kajian ini tetapi juga membentuk kenangan yang tidak ternilai.

Penghargaan ini juga ditujukan kepada semua pihak yang secara langsung atau tidak langsung telah membantu dalam menjayakan penyelidikan ini. Saya amat menghargai setiap bentuk sumbangan, sama ada dalam bentuk bimbingan, perkongsian ilmu, sokongan moral, atau kemudahan yang diberikan sepanjang proses penyelidikan ini dijalankan. Bantuan dan dorongan yang saya terima telah menjadi pemangkin semangat untuk saya terus berusaha menyiapkan kajian ini dengan sebaik mungkin. Akhir sekali, saya berharap agar kajian ini dapat membantu saya dan orang ramai untuk memperoleh lebih banyak ilmu baharu tentang kajian ini

PERSEPSI MASYARAKAT BACHOK KELANTAN TERHADAP MAKYUNG TRADISIONAL DAN MAKYUNG PATUH SYARIAH

ABSTRAK

Makyung tradisional merupakan salah satu warisan yang berasal dari negeri Kelantan. Keunikan yang terdapat dalam warisan ini menyebabkan ia telah diiktiraf oleh UNESCO sebagai warisan budaya tidak ketara. Walau bagaimanapun, persembahan Makyung tradisional sering dikaitkan dengan unsur mistik. Oleh itu, pihak kerajaan negeri Kelantan telah mewujudkan makyung patuh syariah untuk memastikan warisan makyung terus terpelihara dan diperkenalkan kepada masyarakat. Kajian ini telah memfokuskan kepada tiga objektif utama iaitu mengenal pasti perbezaan antara makyung tradisional dan makyung patuh syariah di Kelantan, mengkaji persepsi masyarakat terhadap makyung tradisional dan makyung patuh syariah di Kelantan dan menganalisis langkah yang perlu dilakukan oleh masyarakat Bachok bagi melestarikan makyung tradisional dan makyung patuh syariah dalam kalangan masyarakat Kelantan. Bagi mendapatkan data untuk kajian ini, pendekatan campuran telah digunakan iaitu temu bual, analisis video dan borang soal selidik. Seramai 17 orang informan yang telah ditemu bual dan 340 orang responden yang telah dikumpulkan bagi menjawab borang soal selidik. Daripada data yang diperoleh, analisis data yang digunakan adalah analisis tematik bagi kaedah kualitatif dan analisis deskriptif bagi kaedah kuantitatif. Terdapat lapan tema yang telah dikeluarkan bagi kajian ini, antaranya ialah makyung tradisional, makyung patuh syariah, adat dan pantang larang, perbezaan makyung tradisional dan makyung patuh syariah, persepsi masyarakat terhadap makyung tradisional dan makyung patuh syariah, cabaran melaksanakan makyung, pelestarian seni persembahan makyung dan kepentingan makyung kepada masyarakat. Oleh itu, pengkaji mengharapkan penyelidikan berterusan dijalankan berkaitan makyung tradisional dan makyung patuh syariah. Pihak yang bertanggungjawab juga perlu memperbanyakkan lagi persembahan makyung tradisional dan makyung patuh syariah supaya dikenali oleh lebih ramai masyarakat.

Kata Kunci : Makyung, Makyung Patuh Syariah, Seni persembahan, Persepsi, Pemeliharaan

PERCEPTION OF SOCIETY TOWARDS TRADITIONAL MAKYUNG AND SYARIAH-COMPLIANT MAKYUNG IN BACHOK, KELANTAN

ABSTRACT

Traditional makyung is one of the performing arts that originated from the state of Kelantan. The uniqueness of makyung has led to its recognition by UNESCO as an intangible cultural heritage in 2005. However, traditional makyung performances are often associated with mystical elements and conflict with Islam, prompting the creation of syariah-compliant makyung to ensure that this art form is preserved and can be introduced to the younger generation. Hence, this study was conducted to gain a deeper understanding of the significance of traditional makyung and syariah-compliant makyung through three main objectives: identifying the differences between traditional makyung and syariah-compliant makyung in Kelantan, examining the society's perception of both forms of makyung in Kelantan, and analysing the necessary steps for the Bachok's society to preserve both traditional and syariah-compliant makyung in Kelantan. This research adopts a mixed-methods approach and employs case studies to gather both qualitative and quantitative data. The research methods utilised include interviews, video analysis, and surveys. A total of 17 informants and 340 respondents participated in this study. All data obtained were analysed using thematic and descriptive analysis. Eight themes were found in the study: traditional makyung, syariah-compliant makyung, customs and taboos, distinctions between traditional makyung and syariah-compliant makyung, society perceptions of both forms, challenges in implementing makyung, the preservation of makyung performance, and the importance of makyung to the society. Thus, this study contributes to the documentation of traditional and syariah-compliant makyung and aims to preserve makyung performances among academics, stakeholders, and the younger generation.

Keywords: Intangible Cultural Heritage, Makyung, Performing Arts, Preservation, Shariah Compliant Makyung, Safeguarding

ISI KANDUNGAN

PERAKUAN TESIS.....	I
PENGHARGAAN.....	II
ABSTRAK.....	III
ABSTRACT.....	IV
SENARAI RAJAH.....	VIII
SENARAI JADUAL.....	IX

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan.....	1
1.2 Latar Belakang.....	2
1.3 Permasalahan Kajian.....	4
1.4 Persoalan Kajian.....	6
1.5 Objektif Kajian.....	7
1.6 Kepentingan Kajian.....	7
1.6.1 Negara.....	7
1.6.2 Masyarakat.....	8
1.6.3 Individu.....	8
1.7 Skop Kajian.....	9
1.8 Lokasi Kajian.....	10
1.9 Struktur Penyelidikan.....	12

BAB 2 : KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan.....	13
2.2 Warisan Budaya.....	13
2.2.1 Warisan Budaya Ketara.....	14
2.2.2 Warisan Budaya Tidak Ketara.....	15
2.3 Seni Persembahan.....	16
2.4 Seni Teater.....	16
2.5 Makyung.....	17
2.5.1 Definisi Makyung.....	17
2.5.2 Sejarah Makyung.....	18
2.5.3 Peranan Makyung Dalam Masyarakat.....	19
2.5.4 Makyung Tradisional Dan Makyung Patuh Syariah.....	20
2.5.5 Perkembangan Makyung Patuh Syariah.....	21
2.6 Pelestarian Seni Persembahan.....	22
2.7 Aplikasi Teori: Teori Persepsi.....	23

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan.....	24
3.1 Pendekatan Kajian : Kaedah Campuran (Mixed Method).....	24
3.1.1 Kaedah Kualitatif.....	25
3.1.2 Kaedah Kuantitatif.....	26
3.2 Reka Bentuk Kajian : Kajian Kes Dan Tinjauan.....	26
3.3 Kaedah Kajian.....	27
3.3.1 Temu Bual.....	28
3.3.2 Analisis Kandungan.....	29
3.3.3 Tinjauan Atau Survei.....	29
3.3.4 Borang Soal Selidik.....	30
3.4 Pensampelan Kajian.....	31
3.5 Kaedah Pengumpulan Data.....	33
3.5.1 Data Primer	34
3.5.2 Data Sekunder.....	34
3.6 Analisis Data.....	34
3.6.1 Analisis Tematik.....	35
3.6.2 Analisis Deskriptif.....	39
3.7 Kesimpulan.....	40

BAB 4 : DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan.....	41
4.2 Demografi Responden.....	41
4.2.1 Jantina Responden.....	42
4.2.2 Umur Responden.....	42
4.2.3 Sektor Pekerjaan	43
4.2.4 Pengetahuan Tentang Makyung Tradisional.....	44
4.2.5 Pengetahuan Tentang Makyung Patuh Syariah.....	45
4.3 Makyung Tradisional.....	46
4.3.1 Sejarah Makyung Tradisional dan Pengharaman Makyung.....	46
4.3.2 Punca Makyung diharamkan.....	49
4.3.3 Waktu Persembahan Makyung Dijalankan.....	50
4.3.4 Jenis Persembahan.....	55
4.3.5 Struktur Persembahan Makyung Tradisional.....	57
4.3.6 Elemen dalam persembahan Makyung Tradisional.....	61
4.4 Makyung Patuh Syariah.....	79
4.4.1 Proses Wujudnya Makyung Patuh Syariah	79
4.4.2 Syarat wujudnya Makyung Patuh Syariah.....	86

4.4.3 Waktu persembahan makyung patuh syariah.....	90
4.4.4 Struktur Persembahan Makyung Patuh Syariah.....	91
4.4.5 Elemen dalam persembahan Makyung Patuh Syariah.....	94
4.5 Adat Dan Pantang Larang.....	109
4.6 Perbezaan Dan Persamaan Makyung Tradisional Dan Makyung Patuh Syariah.....	112
4.7 Persepsi Masyarakat Terhadap Makyung Tradisional Dan Makyung Patuh Syariah	115
4.7.1 Persepsi Masyarakat Terhadap Elemen Yang Terdapat Dalam Makyung.....	116
4.7.2 Persepsi Masyarakat Terhadap Struktur Yang Terdapat Dalam Makyung.....	117
4.7.3 Persepsi Masyarakat Terhadap Muzik Dan Nyanyian Yang Terdapat Dalam Makyung.....	119
4.7.4 Persepsi Masyarakat Terhadap Lakonan Dan Persembahan Yang Terdapat Dalam Makyung.....	120
4.7.5 Persepsi Masyarakat Terhadap Tarian Makyung.....	121
4.7.6 Persepsi Masyarakat Terhadap Persembahan Makyung.....	122
4.8 Cabaran Melaksanakan Makyung.....	124
4.9 Pelestarian Persembahan Makyung.....	129
4.9.1 Langkah Melestarikan Makyung Tradisional.....	129
4.9.2 Langkah Melestarikan Makyung Patuh Syariah.....	149
4.10 Kepentingan Makyung Kepada Masyarakat.....	153
a) Hiburan.....	153
b) Perubatan Tradisional.....	155
c) Persembahan Istana.....	157
d) Nasihat.....	158
4. 11 KESIMPULAN.....	160
 BAB 5 : KESIMPULAN	
5.1 Pengenalan.....	161
5.2 Rumusan Bab.....	161
5.3 Dapatan Utama.....	163
5.4 Cadangan.....	165
 RUJUKAN.....	 167

SENARAI RAJAH

RAJAH	HALAMAN
Rajah 1.1 : Peta 10 Jajahan Negeri Kelantan	10
Rajah 1.2 : Peta Jajahan Bachok	11
Rajah 3.1 : Proses Analisis Data	35
Rajah 3.2 : Proses Triangulasi	39
Rajah 3.3 : Analisis deskriptif menggunakan Microsoft Excel	40
Rajah 4.1 : Struktur persembahan makyung tradisional	60
Rajah 4.2 : Struktur persembahan makyung patuh syariah	94
Rajah 4.3 : Program Mengadap rebab	139
Rajah 4.4 : Mempromosikan makyung patuh syariah di Facebook JKKN	152

SENARAI JADUAL

JADUAL	HALAMAN
Jadual 3.1 : Kaedah Kajian	31
Jadual 3.2 : Demografi Informan	32
Jadual 3.3 : Transkripsi temu bual pengkaji	36
Jadual 3.4 : Proses pengekodan	37
Jadual 3.5 : Proses penentuan tema	38
Jadual 4.1 : Jantina responden	42
Jadual 4.2 : Umur responden	42
Jadual 4.3 : Sektor pekerjaan	43
Jadual 4.4 : Pengetahuan tentang makyung tradisional	44
Jadual 4.5 : Pengetahuan tentang makyung patuh syariah	45
Jadual 4.6 : Perbezaan dan persamaan makyung tradisional dan makyung patuh syariah	112
Jadual 4.7 : Elemen yang terdapat dalam makyung	116
Jadual 4.8 : Struktur yang terdapat dalam makyung	117
Jadual 4.9 : Muzik dan nyanyian persembahan makyung	119
Jadual 4.10 : Lakonan dan persembahan makyung	120
Jadual 4.11 : Tarian persembahan makyung	121
Jadual 4.12 : Persembahan makyung	122
Jadual 4.13 : Langkah melestarikan makyung tradisional	130
Jadual 4.14 : Langkah melestarikan makyung patuh syariah	149

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Warisan merupakan sesuatu perkara yang dilakukan secara berterusan dari satu generasi ke generasi yanglain. Menurut laman sesawang Kementerian Komunikasi Malaysia (2024), warisan ditakrifkan sebagai sesuatu yang diamalkan oleh individu dan juga kumpulan masyarakat dari satu zaman ke zaman seterusnya. Budaya pula didefinisikan sebagai cara hidup sesuatu masyarakat. Budaya juga boleh dianggap sebagai cara hidup sekumpulan orang tertentu dalam tempoh tertentu, terutamanya amalan dan kepercayaan biasa mereka (Nord,1997). Malaysia adalah salah satu negara yang kaya dengan pelbagai warisan dan budaya serta mempunyai masyarakat yang berbilang kaum dan agama. Malaysia juga masih mampu mengekalkan keharmonian dan berkongsi warisan yang sedia ada secara bersama. Kepelbagaian ini muncul hasil daripada pengaruh penjajah dari negara Portugis, British dan juga Jepun yang telah memberikan kesan yang mendalam kepada masyarakat. Walaupun kedatangan mereka sedikit sebanyak memberi coretan sejarah hitam kepada rakyat Tanah Melayu, namun tidak dapat disangkal lagi bahawa kedatangan mereka juga telah mewujudkan adat dan budaya yang unik di Malaysia terutama sekali dalam konteks seni persembahan.

Seni persembahan merupakan satu seni yang dipersembahkan di depan orang seperti muzik, tarian, drama, teater dan sebagainya. Seni persembahan juga bermaksud teori dan amalan tarian, muzik, drama, teater dan filem. Ianya merupakan sebahagian daripada industri kreatif dan mengetengahkan individu yang mempunyai bakat dalam bidang seni, produk artistik dan kemudahan persembahan termasuk ruang dalaman dan luaran seperti panggung, dewan, konsert dan juga amfiteater (Dainal, 2023). Menurut Kahn (2011), masyarakat Melayu pada zaman 90-an membahagikan seni kepada empat bahagian iaitu seni suara (nyanyian), permainan tradisional, seni rupa (ukiran) dan juga

seni gerak (tarian). Dalam proses mengekalkan sesuatu warisan, masyarakat merupakan salah satu organisasi yang berpengaruh dalam memelihara warisan kerana tanpa masyarakat sesuatu warisan itu tidak mampu dikekalkan sehingga hari ini.

Masyarakat berperanan dalam memastikan setiap warisan yang ada di Malaysia terus dikenali dan berkembang dengan lebih pesat. Antara kaedah yang boleh dilakukan oleh masyarakat dalam melestarikan warisan yang sedia ada adalah dengan menggunakan teknologi seperti memperkenalkan warisan Malaysia di dalam media sosial seperti Tiktok atau Instagram. Kaedah ini mampu membantu mengembangkan warisan supaya diketahui oleh seluruh masyarakat di dalam dan luar negara. Oleh itu, kajian ini memfokuskan kepada seni persembahan makyung yang pernah menjadi salah satu warisan yang sangat popular di sebuah negeri iaitu negeri Kelantan.

1.2 Latar Belakang

Kelantan merupakan sebuah negeri yang terletak di kawasan pantai timur. Negeri Kelantan atau nama lainnya negeri serambi Mekah merupakan sebuah negeri yang sangat terkenal dengan warisan dan budaya. Salah satu warisan yang disanjung pada suatu ketika dahulu ialah makyung. Makyung merupakan salah satu warisan yang diperolehi dari negara Thailand dan juga Indonesia. Walaubagaimanapun, masyarakat tidak pernah menganggap warisan tersebut sebagai warisan yang asing. Masyarakat di negeri Kelantan telah mengambil peluang ini dengan menjadikan persembahan makyung sebagai salah satu warisan yang terkenal di negeri mereka. Kewujudan makyung sehingga hari ini adalah bukti yang menunjukkan bahawa masyarakat di negeri Kelantan masih menjaga dan memelihara makyung. A'idrus dan Mahmad (2016) mengatakan makyung yang berkembang di negeri Kelantan merupakan makyung yang diasaskan dari Kerajaan Patani yang merupakan sebahagian daripada Thailand.

Makyung sebagai sebuah teater tradisional Melayu Kelantan mempunyai ciri-ciri persembahan yang unik. Keunikan makyung terserlah apabila teater ini menggabungkan elemen lagu, watak, gerakan, muzik, kostum, penceritaan dan

unsur-unsur ritual dalam persembahannya. Keunikan makyung menimbulkan keindahan yang pelbagai dan menjadikan persembahan makyung sebagai persembahan yang luar biasa. Menurut Yousof (1976) makyung merupakan teater yang paling cantik dan strukturnya paling kompleks di Semenanjung Malaysia. Makyung kebiasaannya dipersembahkan di negeri Terengganu, Kelantan, Kedah, Perlis, dan juga di Kepulauan Riau-Indonesia. Menurut Shafii (2004) walaupun persembahan makyung dipersembahkan di negeri selain Kelantan tetapi dialek yang digunakan masih sama iaitu dialek Kelantan. Masyarakat di negeri lain sukar untuk memahami loghat yang digunakan semasa persembahan dipersembahkan kerana perbezaan dialek. Justeru, persembahan makyung sukar berkembang secara meluas di negeri-negeri luar Kelantan untuk tempoh masa yang lama kerana faktor loghat yang berbeza (Shafii, 2004). Tujuan makyung dipersembahkan adalah sebagai upacara perubatan dan juga hiburan kepada masyarakat. Selain daripada upacara hiburan dan juga merawat orang sakit, makyung juga dipersembahkan sebagai upacara raja-raja. Persembahan makyung akan dipersembahkan di kawasan istana apabila tetamu hadir dan diarahkan oleh raja.

Perkataan makyung berasal daripada 'Mak Hyang' yang bermakna semangat ibu padi yang dipuja oleh masyarakat pada zaman dahulu (Yousof, 1976). Walaupun ada yang mengatakan bahawa persembahan makyung bertujuan untuk tujuan perubatan tetapi sebenarnya para sejarawan tidak begitu pasti sama ada tarian ini berasal dari tradisi rakyat atau teater istana (A'idrus dan Mahmad, 2016). Makyung telah wujud sebelum kedatangan Islam di Tanah Melayu dan telah dipersembahkan sebagai pementasan diraja di bawah Kesultanan Kelantan sehingga tahun 1920-an (Helmy, 2021). Persembahan makyung wujud sebelum kedatangan Islam dan masyarakat pada hari ini mengekalkan tradisi persembahannya yang asli. Sejak perkembangan Islam di negeri Kelantan, makyung telah diharamkan atas alasan mempunyai unsur yang bercanggah dengan ajaran Islam (Farhan, 2024) seperti mempunyai unsur khurafat di dalam upacara membuka panggung. Persembahan ini telah diharamkan pada tahun 1991 oleh kerajaan negeri Kelantan selepas dipimpin oleh Parti Islam Se-Malaysia (PAS). Walaupun warisan tersebut telah diharamkan tetapi makyung telah memperoleh pengiktirafan di peringkat dunia apabila Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa

Bersatu atau *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* (UNESCO) telah mengangkat makyung sebagai salah satu warisan kebudayaan tidak ketara (Intangible Cultural Heritage of Humanity) pada tahun 2005. Justeru, masyarakat perlu terus menjaga dan memelihara warisan tempatan yang diiktiraf agar pengiktirafan tersebut tidak ditarik kembali. Menurut Rahim (2020), setelah sekian lama makyung diharamkan di negeri Kelantan, tradisi kesenian itu telah diberi nafas baharu dengan wujudnya makyung patuh syariah. Makyung patuh syariah merupakan persembahan makyung yang telah ditambah baik oleh kerajaan negeri Kelantan mengikut ciri-ciri dan ajaran yang telah ditetapkan dalam Islam. Kewujudan makyung patuh syariah bertujuan untuk mengekalkan warisan yang sedia ada tetapi hanya membuang elemen-elemen persembahan yang melanggar ajaran Islam seperti tidak memulakan persembahan dengan upacara membuka panggung tetapi memulakan persembahan dengan aktiviti selawat.

1.3 Permasalahan Kajian

Pada tahun 1990, makyung telah diharamkan di Kelantan dan makyung tidak boleh lagi dipersembahkan atau dimainkan di mana-mana upacara. Menurut Idris (2020) makyung telah diharamkan oleh Parti Islam Se-Malaysia (PAS) kerana mempunyai unsur khurafat yang telah melanggar garis panduan Islam. Menurut Tahir (2009), kebanyakan pengamal atau pemain makyung yang terlibat telah berpecah untuk mendapatkan maklumat tentang persekitaran mereka. Maklumat yang dicari bertujuan untuk memperkenalkan makyung di kawasan yang baharu dengan cara yang berbeza. Persembahan makyung dikatakan bercanggah dengan agama islam. Menurut Yadim (2018) makyung dikatakan bercanggah dengan agama islam kerana mempunyai unsur pemujaan. Walaupun unsur pemujaan sudah dihapuskan tetapi ada beberapa perkara lagi yang tidak mengikuti syariat seperti cara pemakaian penari, jalan cerita persembahan dan watak yang dimainkan. Oleh yang demikian, makyung tidak dapat lagi dipersembahkan di Kelantan dan menyebabkan makyung akan pupus. Sekiranya, persembahan makyung terus dibiarkan dan tidak dipersembahkan, suatu hari nanti persembahan makyung ini akan hilang identiti warisan tidak ketara. Justeru itu, langkah-langkah pelestarian terhadap makyung perlu dijalankan bagi memastikan makyung dapat dipersembahkan

dan diwariskan kepada generasi muda. Kesannya, makyung akan hilang dari ingatan masyarakat.

Seterusnya, generasi pada masa kini juga kurang berminat untuk mempelajari dan mewarisi persembahan makyung. Hal ini adalah kerana masyarakat telah hilang rasa minat untuk mempelajari seni persembahan tersebut disebabkan makyung kurang dipersembahkan. Abdullah (2009), pihak pengurusan Istana Budaya pernah menyatakan bahawa bilangan pengunjung yang hadir bagi menonton persembahan makyung asli adalah sedikit terutamanya generasi baru. Hal ini adalah kerana, masyarakat beranggapan bahawa seni persembahan tersebut sudah tidak mempunyai kepentingan lagi kepada mereka. Menurut akhbar Bernama (2016), masyarakat tidak didedahkan dengan keunikan seni persembahan makyung terutamanya dari segi gabungan tarian, nyanyian dan lakonan disebabkan terlalu banyak halangan dalam menjalankan seni persembahan makyung. Hal ini telah menyebabkan masyarakat kini terutama generasi muda hilang minat dalam seni persembahan makyung .

Di samping itu, makyung pada masa kini juga kurang tenaga mahir dan pengajar. Punca seni persembahan makyung kurang tenaga mahir kerana pengamal pada masa dahulu tidak menurunkan ilmu yang mereka ada kepada generasi seterusnya. Sekiranya terdapat tokoh yang masih hidup, belum tentu mereka mampu menurunkan semua ilmu yang mereka ada atas faktor umur yang sudah terlalu tua dan ada kemungkinan di antara mereka yang sudah lupa tentang ilmu makyung. Menurut Abdullah (2009), kebanyakan pengamal yang sedia ada sudah uzur dan tidak mampu untuk menyampaikan ilmu-ilmu mengenai makyung kepada generasi muda selain daripada mengalami masalah kesihatan yang lain seperti mudah lupa dan nyanyok. Selain itu, banyak kumpulan makyung yang tidak aktif (Abdullah, 2019) sejak akhir 1960-an kerana generasi muda pada ketika itu tidak mahu mempelajari ilmu seni tarian makyung (A'idrus dan Mahmad, 2016). Kekurangan ilmu dan tokoh yang hebat menyebabkan sesuatu warisan itu sukar untuk dikekalkan.

Seterusnya, makyung merupakan salah satu warisan yang hampir pupus. Menurut Muhamad Jefri (2023) antara warisan yang hampir pupus adalah bahasa dan persuratan, seni halus dan kraf, permainan tradisional, adat, permainan tradisional dan juga seni persembahan. Makyung merupakan salah satu warisan yang termasuk dalam kategori seni persembahan. Walaupun warisan makyung merupakan warisan yang telah diiktiraf akan tetapi masyarakat zaman kini kurang kesedaran tentang memelihara warisan makyung agar warisan ini terus dikenali dan diamalkan oleh generasi muda. Buktinya Arifin (2015) menyatakan bahawa makyung telah kurang diberi perhatian oleh masyarakat dan sekiranya tiada pelapis berkemungkinan warisan ini akan pupus. Justeru itu, langkah-langkah pelestarian terhadap makyung perlu dijalankan bagi memastikan makyung dipersembahkan dan diwariskan kepada generasi muda. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk mengetahui kepentingan makyung tradisional dan makyung patuh syariah dengan lebih mendalam bagi melestarikan warisan makyung kepada generasi akan datang.

1.4 Persoalan Kajian

Terdapat tiga persoalan kajian dalam kajian ini iaitu:

1. Apakah perbezaan antara makyung tradisional dan makyung patuh syariah di Kelantan?
2. Bagaimanakah penerimaan masyarakat terhadap makyung tradisional dan makyung patuh syariah di Kelantan?
3. Apakah langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh masyarakat Bachok bagi melestarikan makyung tradisional dan makyung patuh syariah di kalangan masyarakat Kelantan?

1.5 Objektif Kajian

Terdapat tiga objek kajian bagi kajian ini iaitu:

1. Mengenal pasti perbezaan antara makyung tradisional dan makyung patuh syariah di Kelantan.
2. Mengkaji penerimaan masyarakat terhadap makyung tradisional dan makyung patuh syariah di Kelantan.
3. Menganalisis langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh masyarakat Bachok bagi melestarikan makyung tradisional dan makyung patuh syariah di kalangan masyarakat Kelantan.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini memberi kepentingan terhadap negara, masyarakat dan individu.

1.6.1 Negara

Setiap negara mempunyai warisan yang tersendiri sama ada warisan ketara atau warisan tidak ketara. Makyung merupakan salah satu warisan tidak ketara yang terkenal di Malaysia. Makyung juga merupakan salah satu warisan Malaysia yang telah diiktiraf oleh UNESCO kerana keunikan yang terdapat pada warisan makyung tersebut. Sesuatu warisan yang telah diiktiraf perlu dijaga dengan sebaiknya supaya pihak yang mengiktirafnya tidak menarik semula pengiktirafan yang telah diberikan. Kajian ini juga bertujuan untuk mengukuhkan identiti budaya yang ada di Malaysia. Makyung merupakan warisan budaya yang penting bagi masyarakat Melayu kerana keunikan yang terdapat pada seni persembahan tersebut. Dengan adanya kajian ini, makyung mampu menjadi salah satu seni persembahan yang dapat mengeratkan hubungan dengan negara luar

melalui silang budaya. Kajian ini juga penting dalam membuktikan kewujudan makyung patuh syariah dan kepentingannya dalam pelestarian makyung.

1.6.2 Masyarakat

Masyarakat merupakan orang yang mempunyai peranan sangat penting dalam menjaga warisan di negara. Sekiranya masyarakat tidak memelihara warisan yang sedia ada, warisan tersebut akan hilang ditelan zaman. Masyarakat perlu bersatu dan bersama-sama dalam melindungi warisan yang kian pupus. Dengan adanya kajian ini, masyarakat akan sedar tentang kewujudan makyung terutamanya makyung patuh syariah. Jika suatu ketika dahulu masyarakat hanya mengenali makyung tradisional sahaja akan tetapi tujuan kajian ini dijalankan bagi menyedarkan masyarakat tentang wujudnya makyung yang baharu iaitu makyung patuh syariah. Kesedaran ini perlu dipupuk dalam diri masyarakat supaya mereka tidak leka dan meninggalkan warisan yang sedia ada. Selain itu, kajian ini juga penting bagi menanamkan rasa sayang terhadap warisan negara. Apabila wujudnya rasa sayang kepada sesuatu warisan, masyarakat akan berusaha untuk terus memelihara warisan tersebut. Warisan makyung perlulah dipelihara dan dijaga dari satu generasi ke generasi yang lain. Sekiranya masyarakat tidak memelihara warisan ini, identiti masyarakat yang mengamalkannya juga akan hilang dan menyebabkan masyarakat kurang berpengetahuan tentang warisan tersebut.

1.6.3 Individu

Dalam kajian ini, individu juga memperoleh manfaat seperti dapat menambah ilmu pengetahuan mengenai warisan makyung dan makyung patuh syariah. Maklumat yang terdapat di dalam kajian ini juga dapat

membantu individu yang ingin membuat kajian berkenaan makyung. Selain dari menambah ilmu pengetahuan juga, kajian ini mampu mewujudkan rasa tanggungjawab seorang individu kepada sesuatu warisan. Hal ini kerana, individu akan berusaha untuk memelihara dan menjaga warisan makyung untuk generasi akan datang.

1.7 Skop Kajian

Kajian ini memfokuskan kepada penerimaan masyarakat Bachok, Kelantan mengenai makyung tradisional dan makyung patuh syariah. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti samada masyarakat di Bachok, Kelantan sedar atau tidak akan kewujudan makyung tradisional dan makyung patuh syariah. Terdapat tiga objektif utama di dalam kajian ini, iaitu mengenal pasti perbezaan makyung tradisional dan makyung patuh syariah di Kelantan, mengkaji persepsi masyarakat terhadap makyung tradisional dan makyung patuh syariah di Kelantan dan juga menganalisis langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh masyarakat Bachok bagi melestarikan makyung tradisional dan makyung patuh syariah di kalangan masyarakat Kelantan. Dalam kajian ini, teori persepsi telah digunakan bagi menghubungkan aspek seni persembahan dari segi komunikasi dan juga ekspresi subjek. Seterusnya bagi kajian ini menggunakan kaedah campuran. Kaedah campuran merupakan kaedah yang menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Reka bentuk kajian yang digunakan bagi kaedah kualitatif ialah kajian kes manakala kaedah kuantitatif ialah kaedah tinjauan. Bagi mendapatkan maklumat beberapa kaedah dijalankan seperti menemu bual dan mengedarkan borang soal selidik kepada penduduk yang tinggal di Bachok, Kelantan. Analisis tematik dan analisis deskriptif telah digunakan bagi menganalisis data yang telah diperoleh sepanjang kajian dijalankan. Akhir sekali, tempoh kajian ini mengambil masa lebih kurang lima bulan bagi pengumpulan data.

1.8 Lokasi Kajian



Rajah 1.1 : Peta 10 Jajahan Negeri Kelantan

Kajian ini dijalankan di Bachok, Kelantan. Kelantan merupakan sebuah negeri yang berada di Timur Laut Semenanjung Malaysia dan berada di hadapan dengan Laut China Selatan. Negeri Kelantan mempunyai keluasan sebesar 15,104.62 km persegi. Negeri ini bersempadan dengan sebuah negara jiran iaitu negara Thailand. Seperti Rajah 1.1 di atas terdapat 10 jajahan iaitu Tumpat, Pasir Mas, Tanah Merah, Jeli, Kuala Krai, Machang, Pasir Putih, Bachok, Kota Bharu dan juga Gua Musang di Kelantan. Jajahan Bachok merupakan salah satu daerah yang terdapat di dalam negeri Kelantan. Jajahan Bachok merupakan sebuah pekan kecil yang berjarak 35 KM dari Kota Bharu, Kelantan.



Rajah 1.2 : Peta Jajahan Bachok

Menurut Pejabat Tanah dan Jajahan Bachok (2024), jajahan Bachok mempunyai keluasan sebanyak 264.64 Km persegi. Jika dilihat pada Rajah 1.2, jajahan Bachok juga mempunyai 8 daerah dan 56 Mukim. Bilangan penduduk di kawasan Bachok adalah sebanyak 157, 291 orang. Daerah ini juga merupakan sebuah daerah yang sedang membangun daripada pelbagai aspek. Lokasi kajian ini dipilih untuk melihat bagaimana persepsi masyarakat Bachok tentang makyung tradisional dan makyung patuh syariah.

MALAYSIA
KELANTAN

1.9 Struktur Penyelidikan

Projek penyelidikan ini mengandungi lima bab yang akan memberikan penerangan tentang kajian yang dijalankan. Bab satu merupakan bahagian pengenalan kajian. Bahagian ini akan menerangkan tentang latar belakang kajian, permasalahan, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian dan kepentingan kajian. Bab satu merupakan asas kepada kajian yang ingin dijalankan. Bab kedua pula mengenai kajian literatur. Pelbagai sumber artikel atau jurnal digunakan untuk dijadikan sebagai bahan untuk mengukuhkan kajian yang dijalankan. Bahagian ini juga membincangkan tentang teori yang digunakan bagi menyokong kajian tersebut. Seterusnya, bab ketiga merupakan bab yang membincangkan tentang metodologi kajian. Dalam bab ini, pendekatan dan kaedah yang digunakan untuk menjalankan kajian diterangkan dengan terperinci termasuk reka bentuk kajian, kaedah kajian, kaedah pengumpulan data, serta cara analisis data. Bab ini penting untuk memastikan kajian dilaksanakan secara sistematik dan saintifik. Bab keempat merupakan dapatan kajian yang diperoleh daripada informan dan responden. Semua data yang dikumpulkan akan diterangkan dalam bab ini. Beberapa subtopik juga telah disenaraikan bagi memastikan data yang dikeluarkan tepat. Akhir sekali ialah bab lima berkaitan dapatan utama. Beberapa cadangan diberikan untuk menambah baik kepada isu yang berlaku dalam persembahan makyung tradisional dan makyung patuh syariah.

Kajian mengenai persepsi masyarakat Bachok, Kelantan mengenai makyung tradisional dan makyung patuh syariah perlu dijalankan. Kajian ini secara tidak langsung membantu meningkatkan ilmu tentang kewujudan makyung tradisional dan makyung patuh syariah. Kebimbangan para pengamal terhadap seni persembahan makyung membuktikan bahawa mereka sangat menyayangi dan menghargai budaya warisan Malaysia. Rasa sayang akan warisan ini juga menyebabkan mereka berusaha untuk memelihara warisan makyung agar terus relevan dan diterima oleh masyarakat. Dengan memahami persepsi masyarakat terhadap seni persembahan makyung ini, langkah yang lebih efisien boleh dilaksanakan bagi memelihara seni makyung agar terus menjadi sebahagian identiti budaya negara.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bab dua membincangkan mengenai warisan budaya, warisan budaya ketara dan warisan budaya tidak ketara. Bahagian ini menerangkan definisi dan contoh warisan-warisan yang berkaitan. Seterusnya bab dua menerangkan konsep warisan budaya, seni persembahan dan seni teater. Bab ini juga memperkenalkan makyung sebagai salah satu seni persembahan yang terdapat di Malaysia. Di dalam bahagian ini sejarah makyung, peranan makyung, jenis-jenis makyung seperti makyung tradisional dan makyung patuh syariah diterangkan. Akhir sekali, bab ini merumuskan pelestarian seni persembahan dan teori persepsi diaplikasikan dalam kajian ini bagi melihat persepsi masyarakat.

2.2 Warisan Budaya

Warisan merupakan peninggalan lama yang ditinggalkan oleh nenek moyang sesebuah komuniti. Malaysia merupakan negara yang mempunyai pelbagai warisan dan budaya. Oxford English Dictionary (2024) mendefinisikan warisan sebagai harta yang boleh diwariskan atau mungkin diwariskan. Warisan dianggap sebagai benda bernilai seperti bangunan bersejarah yang telah diwarisi dari generasi terdahulu. Warisan juga termasuk benda-benda budaya atau sejarah penting yang perlu dipelihara. Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa *Bersatu* atau *The United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* (UNESCO, 2024) memberi maksud warisan sebagai “... *legacy from the past, what we live with today, and what we pass on to future generations. Our cultural and natural heritage are both irreplaceable*

sources of life and inspiration”. Daripada pernyataan tersebut, UNESCO menerangkan tentang warisan sebagai salah satu legasi pada masa dahulu yang masih lagi boleh dijumpai pada hari ini. Warisan pada masa lalu juga telah membentuk identiti masyarakat kini di mana masyarakat berinteraksi dengan warisan tersebut. Seterusnya masyarakat pada masa kini perlu bertanggungjawab untuk menyampaikan warisan yang telah dipertanggungjawabkan kepada mereka dan generasi yang seterusnya. Walaubagaimanapun pernyataan tersebut juga menyatakan bahawa warisan budaya dan semula jadi bukanlah sesuatu perkara yang boleh berubah dari masa ke masa.

Menurut Harrison (2010), warisan merupakan sesuatu perkara yang boleh diwarisi dan bernilai. Warisan juga merujuk kepada perkara yang mempunyai nilai sejarah atau budaya yang perlu dipelihara. Menurut Akta Warisan Kebangsaan (2005), seksyen 2, menyatakan “Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pemuliharaan dan pemeliharaan Warisan Kebangsaan, warisan semula jadi, warisan kebudayaan ketara dan tidak ketara, warisan kebudayaan di bawah air, harta karun dan bagi perkara-perkara yang berkaitan”. Kementerian Komunikasi Malaysia (2024) telah menyatakan warisan dibahagikan kepada dua jenis iaitu warisan budaya ketara dan juga warisan budaya tidak ketara.

2.2.1 Warisan Budaya Ketara

Warisan budaya ketara adalah warisan yang kekal, boleh dilihat dan juga disentuh. Menurut Kementerian Komunikasi Malaysia (2024), warisan budaya ketara dikategori kepada dua bahagian iaitu warisan statik dan juga mudah alih. Warisan budaya ketara statik merujuk kepada sesuatu objek yang sukar untuk dialihkan seperti artifak dan struktur fizikal yang merupakan cerminan budaya dan sejarah sesuatu kumpulan atau masyarakat (Sitas dan Stewart, 2023). Tapak warisan, bangunan dan monumen juga termasuk di bawah senarai warisan kebudayaan ketara (Akta Warisan Kebangsaan, 2005). Manakala warisan budaya ketara mudah alih pula merupakan artifak yang boleh dialihkan atau dibawa

seperti batu nisan, tekstil, ukiran kayu, manik dan manuskrip (Kementerian Komunikasi Malaysia, 2024). Pemuliharaan dan pemeliharaan warisan budaya ketara penting bagi memastikan ianya berterusan untuk dihayati dan dipelajari oleh generasi masa hadapan (Waelde, 2022).

2.2.2 Warisan Budaya Tidak Ketara

Warisan budaya tidak ketara adalah warisan yang tidak boleh disentuh secara nyata dan mempunyai nilai estetika yang tinggi. Warisan ini diturunkan dari generasi ke generasi melalui lisan atau percakapan untuk memastikan adat budaya dapat dipelihara dengan baik (UNESCO, 2008). Selain itu, warisan budaya tidak ketara juga ditakrifkan sebagai pengetahuan dan kepakaran yang disampaikan melalui tradisi lisan, nilai budaya dan adat, bahasa dan tulisan (Kementerian Komunikasi Malaysia, 2024).

Akta Warisan Kebangsaan (2005) mentafsirkan warisan kebudayaan tidak ketara sebagai,

...mana-mana bentuk ungkapan, bahasa, sebutan lidah, pepatah, lagu yang dihasilkan melalui muzik, not, lirik yang boleh didengar, nyanyian, lagu rakyat, tradisi lisan, puisi, muzik, tarian sebagaimana yang dihasilkan melalui seni pentas, persembahan teater, penggubahan bunyi dan muzik, seni mempertahankan diri...

Warisan budaya tidak ketara mempunyai empat kategori antaranya adat dan budaya, seni persembahan, bahasa dan persuratan, serta seni halus dan kraft (Jabatan Warisan Negara, 2024). Setiap warisan budaya tidak ketara menghubungkan masa lalu dan masa depan dengan mengekalkan kesinambungan struktur masyarakat melalui pengalaman seperti peralihan (Petronela, 2016). Peralihan yang dimaksudkan ialah proses perubahan sesuatu warisan secara berperingkat dari satu zaman ke zaman yang seterusnya. Menurut Jabatan Warisan Negara (2023), warisan budaya tidak ketara mampu mengekalkan nilai

estetik yang dibentuk oleh masyarakat setempat. Warisan tidak ketara pada zaman kini kian diancam kepupusan kerana perubahan zaman dan kekurangan sokongan (Khan et al., 2018b). Salah satu warisan tidak ketara yang kian pupus adalah berbentuk seni persembahan.

2.3 Seni Persembahan

Seni persembahan merupakan aktiviti kesenian yang dipersembahkan di pentas. Menurut Jabatan Warisan Negara (2024), seni persembahan dipersembahkan di hadapan penonton atau khalayak yang melibatkan empat elemen utama iaitu ruang, masa, tempat dan hubungan antara artis dan penonton. Selain itu, seni persembahan juga didefinisikan sebagai persembahan yang dipertunjukkan dalam bidang tari, teater dan muzik, serta persembahan yang mengandungi suara atau nyanyian (Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negara, 2022). Nawyi (2017) menyatakan bahawa seni persembahan diklasifikasikan sebagai seni tampak kerana boleh dilihat dan dihayati melalui persembahan yang disampaikan kepada orang lain oleh seseorang atau kumpulan. Seni persembahan juga dianggap sebagai warisan yang menjadi bukti kebijaksanaan dan inovasi yang ditunjukkan oleh orang Melayu (Hissham et al., 2019). Secara khususnya, seni persembahan terdiri daripada beberapa genre iaitu seni alat muzik, seni muzik, seni tarian dan juga seni teater (Hissham et al., 2019).

2.4 Seni Teater

Seni teater merupakan salah satu genre dalam bidang seni persembahan yang melibatkan gabungan beberapa elemen. Antara elemen yang dimaksudkan adalah skrip atau naskah, pelakon, pengarah, set pentas, kostum, pencahayaan, bunyi dan muzik, koreografi, props atau penonton. Menurut Jabatan Warisan Negara (2024), seni teater merupakan, "... satu kombinasi lakonan (dialog pertuturan, gerak isyarat, mimik muka, emosi), muzik, nyanyian, tarian, bunyi-bunyian, unsur ritual, pencahayaan, set, props, kostum, mekap pencahayaan dan unsur kekaguman pentas". Menurut Zakia et al., (2013), teater diibaratkan sebagai lakonan semula yang mampu menceritakan tentang kehidupan

manusia melalui cerita yang mempunyai makna dan moral. Perkataan teater wujud daripada perkataan “theatron” yang berasal daripada bahasa Yunani purba dan memberi maksud aksi atau lakonan. Mat Hayin (2018) mengatakan teater dunia bermula daripada Mesir, Yunani dan juga India. Walaupun bermula dari negara luar, teater telah tersebar ke negara-negara lain seperti di Malaysia (Jamil, 2016). Teater tradisional bermula pada tahun 1940-an manakala teater moden pula bermula pada tahun 1960-an (Kemad, 2006). Menurut Mat Hayin (2018), seni teater telah wujud sejak ribuan tahun dan mempunyai empat jenis teater seperti muzikal, gerak, dramatik dan puisi. Namun begitu, menurut Jamil (2016) teater tradisional di Malaysia bermula dengan Wayang Kulit, Mak Yong, Menora dan Mek Mulung.

2.5 Makyung

2.5.1 Definisi Makyung

Makyung merupakan salah satu warisan seni persembahan yang terkenal di negeri Kelantan. Makyung bukan sekadar persembahan tarian tetapi ia adalah persembahan seni teater tradisional yang sangat unik (Mohammed Azanan et al., 2021). Kesenian teater makyung adalah gabungan nyanyian, tarian, lakonan, instrumental, cerita, lagu, teks percakapan formal (Yousof, 1976; Daud, 2013) dan ritual (Shafii, 2004). Kepelbagaian elemen yang terdapat dalam teater makyung menjadikan teater ini menarik dan diiktiraf sebagai “Warisan Mistik Malaysia” oleh UNESCO bagi anugerah warisan dunia (Warisan Budaya Lisan dan Tidak ketara Kemanusiaan) pada tahun 2005 (Zahari dan RS, 2011). Menurut Daud (2013) tujuan makyung diperkenalkan adalah sebagai hiburan dan juga sebagai upacara perubatan. Abdullah (2009) juga menyatakan bahawa persembahan makyung adalah budaya tradisional masyarakat Kelantan, Terengganu, Patani dan juga Sumatera di Kepulauan Riau yang mengandungi elemen nyanyian, tarian dan lakonan yang dipersembahkan di pentas kosong tanpa *prop* dengan menggunakan dialek Kelantan-Patani.

2.5.2 Sejarah Makyung

Kewujudan seni persembahan makyung mempunyai banyak sejarah yang berbeza. Menurut Azlan et al. (2018), makyung dikatakan sebagai warisan Melayu yang telah dipersembahkan selama lebih seratus tahun. Bagi sesetengah masyarakat, asal usul makyung adalah dari Pattani dan telah dibawa masuk lebih kurang 200 tahun yang lalu ke negeri Kelantan (Mohammed Azanan et al., 2021). Menurut Nasruddin (1994) dan Shafii (2004), pada 400 tahun yang lalu persembahan makyung dipercayai telah wujud di Istana Melayu Patani dan kemudian telah meluas ke negeri Kelantan. Shafii (2004) juga menyatakan bahawa pada abad ke-17, makyong dipersembahkan di kampung Melayu Patani dan Kelantan. Helmy (2021) menyatakan tarikh sebenar kewujudan makyung tidak dapat disahkan kerana tiada bukti kukuh dan maklumat yang sukar diperolehi kerana terdapat perbezaan pendapat daripada pelbagai pengkaji. Perkataan makyung berasal daripada perkataan ‘Mak-Hyang’ yang membawa maksud semangat ibu padi yang dahulunya dipuja oleh beberapa kumpulan masyarakat Melayu tradisional (Yusof, 1976). Masyarakat pada zaman dahulu mempercayai ‘Mak-Hyang’ menjaga tanaman padi dan telah memikul tanggungjawab yang lebih luas (Sheppard, 1969). Majoriti para sejarawan dan juga masyarakat tidak dapat mengenal pasti sama ada tarian makyung berasal daripada teater istana atau tarian rakyat. Menurut Zahari dan RS (2011) makyung adalah persembahan hiburan yang dipersembahkan kepada pembesar kesultanan Kelantan dan juga persembahan utama bagi golongan raja dan bangsawan kerajaan kuno. Menurut Tan dan Shafii (2021), makyung dipercayai berasal dari kerajaan Patani, yang terletak di bahagian selatan Thailand dan berkembang pesat di Bukit Serkam, Patani.

2.5.3 Peranan Makyung Dalam Masyarakat

Seni persembahan makyung sering dikaitkan dengan sebuah upacara hiburan dan menyembuhkan pesakit yang mengalami gangguan. Menurut Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan (2003), persembahan makyung merupakan persembahan yang berasal daripada upacara pemujaan roh-roh, mak inang atau roh ibu yang juga merupakan roh padi. Persembahan makyung sering dikaitkan dengan aspek kepercayaan, pantang larang dan adat resam. Yousof (1976) menyatakan persembahan makyung berfungsi sebagai upacara ritual dan hiburan. Helmy (2021), makyung juga dikatakan boleh menyembuhkan pesakit adalah melalui lagu, tarian dan roh manakala untuk hiburan pula akan dipersembahkan di perkarangan istana Kelantan dan Pattani kepada kerabat diraja dan golongan bangsawan. Kewujudan teater makyung berasal daripada kisah ‘Cerita Tiga Beranak’ (Shafii, 2004). Semasa persembahan berlangsung, makyung akan berlakon menjadi perantara mewakili raja dan rakyat yang ingin meminta sesuatu (Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, 2003). Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (2003) juga menyatakan bahawa terdapat seorang bomoh yang berfungsi sebagai seorang *Shaman* atau orang perantaraan pada permulaan persembahan makyung. Selain daripada itu, muzik makyung juga dikatakan berperanan dalam menguat, memperjelas atau memperindahkan jalan cerita yang ingin disampaikan. Menurut Ahmad (2019), muzik berfungsi sebagai latar belakang yang membantu jalan cerita dan dialog yang ingin disampaikan. Setiap babak dalam cerita makyung diiringi dengan muzik yang sesuai untuk menonjolkan emosi dan perasaan. Walaubagaimanapun, sebelum meneruskan persembahan, terdapat beberapa adat atau upacara yang perlu dilakukan. Menurut Shafii (2004) upacara makyung mempunyai adat seperti buka dan tutup panggung dan juga persembahan Main Puteri. Makyung juga dikatakan berfungsi dalam psikologi dan terapi. Jones

(2007) mengatakan seni persembahan banyak membantu individu mengatasi trauma dan meningkatkan kesejahteraan mental mereka. Seni persembahan juga dapat mengekspresikan emosi dengan cara yang selamat dan kreatif. Menurut Samsuddin (2012), persembahan makyung dan mek mulung menunjukkan prinsip perlambangan dalam masyarakat Melayu. Akhir sekali, makyung juga berperanan sebagai memberi tenaga batin dalam diri seseorang (Nasuruddin dan Ishak, 2014). Tenaga batin dapat diaktifkan melalui cara menghadiri atau mengambil bahagian dalam persembahan makyung.

2.5.4 Makyung Tradisional Dan Makyung Patuh Syariah

Makyung boleh dikategorikan kepada dua jenis iaitu makyung tradisional dan makyung patuh syariah. Makyung tradisional merupakan persembahan makyung yang dipersembahkan mengikut cara lama iaitu dimulakan dengan mengadap rebab, tarian, lakonan dan muzik (Sukirman, 2020). Menurut Sukirman (2020) masyarakat Melayu pada zaman dahulu berpegang pada kepercayaan animisme sehingga memasukkan unsur-unsur pemujaan ke dalam tarian makyung. Acara seperti buka panggung, berjamu dan tutup panggung diadakan bagi menunjukkan kepercayaan masyarakat kepada alam lain seperti roh atau semangat yang boleh memberi kesan kepada kehidupan manusia (Mohd Shariff, 2023). Walaupun upacara tersebut sering dilakukan pada zaman dahulu tetapi ianya tidak lagi diteruskan kerana bertentangan dengan ajaran Islam. Walaubagaimanapun, makyung semakin dilupakan, bahkan sesetengah generasi muda kini sudah meninggalkan dan tidak mengetahui mengenai seni persembahan makyung (Bernama, 2019). Usaha mengembalikan makyung tradisional telah diganti dengan mewujudkan satu makyung yang baharu iaitu makyung patuh syariah. Makyung patuh syariah merupakan satu seni persembahan makyung yang telah mengikut pematuan syarat di bawah enakmen hiburan negeri Kelantan (Idris, 2020). Menurut

Sripaoraya (2022), penari lelaki dan perempuan mesti menjaga jarak antara satu sama lain, dan pemain makyung mesti berpakaian mengikut prinsip Islam kerana ibadah bukan Islam adalah dilarang dalam persembahan makyung

2.5.5 Perkembangan Makyung Patuh Syariah

Kaedah persembahan makyung tidak berubah sejak kewujudannya. Namun, perubahan makyung terjadi setelah politik negeri Kelantan berubah. Negeri Kelantan telah mengubah undang-undang hiburan dengan melarang aktiviti-aktiviti yang bertentangan dengan Islam (Mustafa et al., 2020). Menurut Hardwick (2009), Enakmen Kawalan Hiburan Kelantan pada tahun 1998 telah diwujudkan mengikut permintaan kerajaan negeri. Setelah wujudnya enakmen tersebut, persembahan makyung telah diharamkan kerana pengurus yang mengurus persembahan makyung tidak mahu mengubah aktiviti yang bertentangan dengan ajaran Islam dalam persembahan tersebut. Sebagai contohnya, beberapa pengamal makyung enggan mengubah watak asal dalam persembahan makyung, walaupun telah dimaklumkan mengenai perubahan undang-undang negeri Kelantan (Mustafa et al., 2020). Selain itu, Hardwick (2014) juga menyatakan bahawa Persatuan Islam Se-Tanah Melayu (PAS) telah menghalang wanita dalam mempersembahkan persembahan makyung kerana wanita tidak patut berada di atas pentas untuk tujuan hiburan. Antara faktor lain yang menyebabkan persembahan makyung diharamkan adalah kerana persembahan tersebut mempunyai unsur ritual atau khurafat, memperlihatkan aurat wanita dan juga berlaku percampuran jantina semasa persembahan (Mohammed Azanan et al., 2021). Tehrani (2019) menyatakan bahawa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah menggesa negeri Kelantan untuk membatalkan pengharaman kepada tarian makyung. Setelah sekian lama diharamkan, negeri Kelantan telah membenarkan semula persembahan makyung tetapi

dengan peraturan yang baharu (Zahari dan Zakaria, 2021). Hal ini dapat disahkan daripada Zulkafli et al., (2023) dengan menyatakan bahawa surat kelulusan makyung patuh syariah telah dikeluarkan pada 23 Mei 2019 dan tarikh pertama persembahan makyung di Kelantan adalah pada 21 September 2019.

2.6 Pelestarian Seni Persembahan

Seni persembahan di Malaysia semakin lama semakin terhakis. Oleh itu, usaha atau langkah-langkah pelestarian perlu diambil bagi melindungi warisan negara. Pelestarian bermaksud tindakan atau cara untuk menjaga sesuatu supaya ia kekal seperti biasa (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005). Menurut Mohd Noordin (2009) makyung merupakan teater tradisional asli Melayu Kelantan yang mempunyai nilai estetika dalam persembahan, bentuk dan isinya. Antara langkah yang diambil bagi melestarikan persembahan makyung adalah dengan mewujudkan cilik makyung. Contohnya, Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Wilayah Persekutuan bersama Akademi Seni Kebangsaan dan Tunggal Sayangku Enterprise telah mengadakan program Makyung yang dipanggil “Dewa Kecil” (Ismail et al., 2023). Langkah ini diambil bagi melahirkan lebih ramai anak muda yang tahu akan kewujudan makyung. Langkah lain yang dilakukan adalah dengan mewujudkan makyung patuh syariah bagi menggantikan makyung tradisional. Watak yang digunakan berbeza tetapi jalan cerita masih sama dan juga beberapa elemen sahaja yang tidak diambil. Walaupun ada sedikit perbezaan antara makyung tradisional dan makyung patuh syariah tetapi warisan makyung masih mampu dikekalkan. Kaedah lain yang telah dilakukan adalah dengan menggunakan teknologi yang ada pada masa kini. Menurut Md Azahri et al. (2014) media baharu telah digunakan untuk melestarikan makyung melalui teknologi holografi. Teknologi ini mampu menjadikan masyarakat lebih dekat dengan makyung dan membantu negara mempromosikan makyung di peringkat antarabangsa. Makyung juga dikomersialkan bagi memastikan persembahan ini terus dikenali oleh masyarakat. Menurut Shafii (2004) walaupun tujuan asal teater komersil makyung untuk menyara kehidupan mereka tetapi cara ini mampu untuk mengekalkan persembahan makyung. Menurut Abdullah (2009), cara lain yang boleh

digunakan adalah dengan memperkenalkan seni makyung dengan menggunakan aspek visual dan berpendapat bahawa elemen moden dapat menjadikan persembahan ini lebih menarik. Pendokumentasian seni persembahan makyung juga penting bagi memastikan persembahan tersebut terus kekal, terjaga dan tidak terabai (Khan et al. , 2018a).

2.7 Aplikasi Teori: Teori Persepsi

Persepsi merujuk kepada proses yang berlaku dalam diri seseorang individu ketika menerima dan memahami pengaruh daripada persekitarannya. Persepsi adalah gabungan pemikiran serta perasaan yang dijadikan asas dalam membuat pertimbangan terhadap tingkah laku (Smith et al., 2005). Perkataan ini berasal daripada bahasa Latin iaitu “percepto” dan “percipio” yang membawa maksud kepada proses menyusun, mengenal pasti dan mentafsir maklumat yang diperoleh melalui deria manusia bagi mencapai kefahaman serta pemahaman terhadap persekitaran (Hasanah et al., 2024). Teori ini sesuai dengan kajian ini kerana untuk mengetahui persepsi atau pandangan masyarakat terhadap seni persembahan makyung tradisional dan makyung patuh syariah yang telah wujud. Data kajian yang diperoleh semasa sesi temu bual dan tinjauan dijalankan dapat disokong melalui teori yang digunakan. Persembahan makyung merupakan sebuah persembahan yang merangkumi aspek cerita, tarian, lakonan dan pelbagai lagi. Daripada persembahan masyarakat akan memberikan persepsi mereka terhadap perkara yang mereka lihat. Terdapat tiga jenis penerapan dalam teori persepsi, antaranya ialah penerapan melalui penglihatan, penerapan melalui pendengaran dan penerapan melalui pembicaraan (Hasanah et al., 2024). Menurut Zahari dan Zakaria (2021) dalam temu bual bersama Rosnan persembahan makyung seseorang itu perlu menguasai atau mahir dalam pelbagai perkara, antaranya bidang nyanyian, lakonan dan juga menari agar mampu menjadi pemain makyung professional. Setiap masyarakat bebas membuat persepsi sendiri dan setiap masyarakat membuat persepsi dari pelbagai cara seperti melalui pendengaran, penglihatan dan juga pembicaraan. Persembahan yang dipersembahkan akan mempengaruhi persepsi mereka terhadap persembahan makyung tradisional dan makyung patuh syariah. Majoriti cerita makyung mempunyai elemen nasihat dan pengajaran yang baik untuk penonton (Mohammed Azanan et al., 2021).

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan

Bab tiga membincangkan mengenai beberapa metodologi yang digunakan sepanjang kajian berkaitan persepsi masyarakat Bachok, Kelantan terhadap makyung tradisional dan makyung patuh syariah. Bab ini menghuraikan kaedah bagi mendapatkan dan mengumpul maklumat dengan menggunakan pendekatan campuran. Antara kaedah yang digunakan seperti temu bual, analisis kandungan dan tinjauan dengan mengedarkan borang soal selidik bagi mendapatkan sumber maklumat. Terdapat dua jenis data yang diperoleh iaitu data primer dan juga data sekunder. Data primer merupakan data yang diperoleh secara terus daripada responden atau informan manakala data sekunder merupakan data yang diperoleh daripada buku, kajian lepas, laman sesawang atau internet. Bagi pensampelan kajian, kajian ini menggunakan pensampelan bertujuan. Kaedah ini digunakan bagi memastikan informan dan responden yang dipilih adalah tepat. Akhir kajian ini telah menggunakan analisis tematik bagi menganalisis data kualitatif dan analisis deskriptif bagi kaedah kuantitatif.

3.1 Pendekatan Kajian : Kaedah Campuran (Mixed Method)

Pendekatan kajian yang digunakan dalam kajian ini merupakan pendekatan campuran. Penggunaan kaedah campuran bertujuan untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang tajuk yang dikaji. Menurut George et al. (2022), kaedah campuran menggabungkan dua kaedah iaitu kaedah kualitatif dan juga kuantitatif. Penggunaan kaedah campuran membantu kajian ini dalam memperoleh pelbagai perspektif, kefahaman yang mendalam, menerangkan keputusan secara lebih terperinci dan mengkaji dari pelbagai sudut (Catalyst, 2021). Kaedah campuran sangat penting bagi memastikan kaedah yang digunakan tepat dan setiap data yang diperoleh adalah jelas dan maklumat yang diperoleh dapat menjawab objektif kajian.

3.1.1 Kaedah Kualitatif

Kaedah kualitatif adalah kaedah yang menghasilkan data dalam bentuk gambaran dengan bertanyakan pandangan masyarakat, menemu bual dan analisis kandungan. Bhandari (2023) juga mendefinisikan kaedah kualitatif sebagai kaedah mengumpul dan menganalisis data bukan berangka seperti teks, video atau audio. Kaedah ini boleh digunakan dalam mengumpul pandangan seseorang tentang masalah yang dihadapi atau meminta idea baharu untuk sesuatu penyelidikan. Tujuan penggunaan kaedah kualitatif adalah untuk memahami, menerangkan dan menjelaskan aspek sosial dari sudut pandangan individu. Penggunaan kaedah kualitatif mempunyai kelebihan yang tersendiri. Setiap individu akan ditanya berkaitan dengan perkara yang mereka peroleh daripada pengalaman, interaksi sesama mereka dan dokumen (Tenny et al., 2022). Kaedah kualitatif mampu menjelaskan perasaan informan dan responden dengan lebih mendalam (Norman, 2017). Jenis data yang diperolehi setelah melakukan kajian ialah data bukan berangka. Data tersebut dikumpulkan melalui kaedah temu bual dan kumpulan berfokus.

Oleh itu, penggunaan kaedah kualitatif digunakan dalam mencapai objektif pertama iaitu mengenal pasti perbezaan makyung tradisional dan makyung patuh syariah di Kelantan. Kaedah ini juga digunakan bagi objektif kedua iaitu mengkaji persepsi masyarakat terhadap makyung tradisional dan makyung patuh syariah di Kelantan. Melalui pendekatan kualitatif, kajian ini dapat mengetahui pandangan masyarakat dengan lebih mendalam dan terperinci terutama perubahan yang berlaku dalam warisan mereka.

3.1.2 Kaedah Kuantitatif

Kaedah kuantitatif pula merupakan kaedah yang melibatkan bilangan atau kuantiti. Creswell dan Poth (2016) menyatakan bahawa kaedah kuantitatif merupakan kaedah pengumpulan data dengan melakukan soal selidik. Kaedah kuantitatif mampu menentukan hubungan antara sebab dan akibat sesuatu perkara itu berlaku bagi menguji hipotesis. Menurut Creswell dan Poth (2016) kaedah kuantitatif merupakan kaedah menguji teori, membina fakta, menunjukkan perbezaan, meramal tingkah laku dan menerangkan kejadian secara statistik. Gambaran yang lebih mendalam diperolehi dengan melakukan senarai semak dengan mengetahui pengalaman, cara berinteraksi dan maklumat yang diperolehi daripada responden. Oleh itu, kaedah kuantitatif digunakan bagi mendapatkan data bagi objektif kedua dan ketiga iaitu mengkaji persepsi masyarakat terhadap makyung tradisional dan makyung patuh syariah di Kelantan dan menganalisis langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh masyarakat Bachok bagi melestarikan makyung tradisional dan makyung patuh syariah di kalangan masyarakat kelantan.

3.2 Reka Bentuk Kajian : Kajian Kes Dan Tinjauan

Reka bentuk penyelidikan bertujuan mengenal pasti cara mendapatkan maklumat berdasarkan objektif kajian yang ditentukan. Reka bentuk kajian merupakan salah satu cara yang telah ditetapkan bagi menentukan garis panduan suatu penelitian dijalankan. Menurut Cohen et al., (2017), reka bentuk kajian merupakan salah satu strategi penting untuk merancang dan menjawab persoalan kajian dengan melalui proses pengumpulan dan analisis data. Pemilihan jenis reka bentuk kajian perlulah tepat agar maklumat yang diperolehi mencapai objektif kajian.

Terdapat dua jenis kaedah yang diguna pakai iaitu kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif. Setiap kaedah ini mempunyai cara yang berbeza untuk mendapatkan maklumat. Bagi kaedah kualitatif, kajian ini menggunakan kaedah kajian kes. Menurut

Yin (2018), kajian kes ialah menumpukan pada satu atau lebih kes untuk mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam tentang perkara yang berlaku. Selain daripada itu, kajian kes boleh didefinisikan sebagai penyelidikan yang sistematik dan menyeluruh terhadap individu atau komuniti (Merriam dan Grenier, 2019). Dalam kaedah kajian kes, maklumat yang diperoleh adalah lebih tepat berbanding dengan kaedah yang lain. Apabila kajian ini dijalankan, kajian kes mampu membantu untuk mengetahui mengenai perasaan masyarakat dengan lebih mendalam tentang penerimaan mereka terhadap kewujudan makyung patuh syariah.

Seterusnya, bagi reka bentuk kajian yang digunakan dalam kuantitatif pula ialah kaedah tinjauan. Kaedah tinjauan berperanan untuk mengumpul data bagi skala yang besar dengan cepat. Menurut Creswell dan Poth (2016), kaedah tinjauan merupakan satu pendekatan yang melibatkan pengumpulan data daripada sampel populasi dengan menggunakan instrumen seperti soal selidik. Kaedah ini dilaksanakan kepada beberapa orang sampel dalam sebuah populasi dan sampel yang telah dipilih perlulah memenuhi ciri-ciri yang diinginkan. Hasil kajian kuantitatif boleh digunakan secara meluas kepada kumpulan populasi yang lebih besar (Fowler et al., 2019). Penggunaan kaedah tinjauan mampu memudahkan kajian yang dilakukan untuk pengumpul data daripada sumber yang pelbagai. Tinjauan boleh dijalankan ke atas sampel yang besar sehingga boleh mendapatkan maklumat yang lebih daripada kawasan kajian (Groves, 2019).

3.3 Kaedah Kajian

Kaedah yang digunakan untuk mengumpul data mengenai kajian dikenali sebagai kaedah kajian. Menurut Booth (2019), kaedah kajian ialah pendekatan, prosedur atau kaedah yang digunakan untuk mengumpul data atau bukti untuk dianalisis bagi menemui maklumat baharu atau meningkatkan pemahaman tentang sesuatu subjek. Kajian ini menggunakan kaedah temu bual, analisis kandungan dan soal selidik. Pemilihan kaedah kajian yang tepat membolehkan seseorang itu memahami dengan lebih mendalam terhadap perkara yang berlaku dalam kajian tersebut (Mohamed Mokhtar dan Jamil, 2021).

3.3.1 Temu Bual

Kaedah temu bual adalah salah satu daripada kaedah pendekatan kualitatif. Untuk melakukan kaedah temu bual orang yang ingin bertanya soalan perlu bertemu dengan informan untuk mendapatkan maklumat. Kebiasaannya, informan mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang sangat luas tentang sesuatu perkara yang ingin dikaji. Sebuah temu bual boleh ditakrifkan sebagai interaksi atau komunikasi yang berlaku secara langsung untuk mencapai matlamat tertentu. Kaedah temu bual adalah proses menukar dan berkongsi pengetahuan, perasaan, kepercayaan dan maklumat sama ada fakta atau pendapat antara orang yang bertanya soalan dan juga informan (Seidman, 2013). Sebelum melakukan temu bual, informan perlulah mempunyai banyak pengalaman, kemahiran dan juga pengetahuan. Walaubagaimanapun, Bryman dan Bell (2018) mengklasifikasikan kaedah temu bual boleh dilakukan dengan dua cara iaitu bersemuka dan juga atas talian atau menggunakan teknologi moden. Pada hakikatnya kaedah temu bual boleh dilakukan secara atas talian dan juga secara bersemuka bergantung kepada keadaan dan juga informan. Akhir sekali, kaedah temu bual kualitatif mempunyai beberapa teknik, antaranya temu bual kumpulan berfokus (focus group interview) dan teknik temu bual mendalam (Saunders et al., 2023). Soalan yang akan disediakan dalam kajian ini merupakan soalan jenis terbuka (open ended). Hal ini bagi memudahkan kajian ini mengumpul sebanyak mana data yang diperoleh sepanjang sesi temu bual dijalankan. Sesi temu bual juga akan dijalankan secara atas talian dan juga bersemuka, mengikut kepada keadaan informan. Kaedah ini telah dilaksanakan kepada 17 orang informan bagi mendapatkan maklumat tentang persepsi masyarakat dan perbezaan makyung tradisional dan makyung patuh syariah.

3.3.2 Analisis Kandungan

Analisis kandungan merupakan salah satu daripada kaedah pendekatan kualitatif yang digunakan bagi menyokong data yang diperoleh. Kaedah analisis

kandungan digunakan dalam kajian ini untuk memerhati beberapa perkara seperti gerakan dalam tarian, perbezaan tarian makyung tradisional dan makyung patuh syariah. Menurut Krippendorff (2013), analisis kandungan merujuk kepada kaedah penyelidikan yang digunakan untuk membuat kesimpulan yang boleh dipercayai daripada teks atau bahan lain. Selain itu, Analisis kandungan merupakan satu kaedah penyelidikan bertujuan untuk mengkaji dan mengenal pasti bahan yang telah direkodkan (Amy Luo, 2019). Dalam proses analisis kandungan, data dikumpul secara teratur daripada pelbagai sumber sama ada dalam bentuk bertulis, lisan atau visual. Tujuan analisis kandungan ini digunakan adalah untuk menyokong data yang diperoleh daripada informan semasa sesi temu bual dijalankan.

3.3.3 Tinjauan Atau Survei

Kaedah lain yang digunakan bagi membantu kajian ini dalam mendapatkan data kuantitatif ialah kaedah tinjauan atau survei. Kaedah tinjauan dilakukan bagi membantu dalam mendapatkan maklumat dari lokasi kajian yang ditetapkan. Kaedah tinjauan merupakan salah satu daripada kaedah kuantitatif. Menurut Groves (2019), kaedah tinjauan adalah teknik pengumpulan data yang melibatkan interaksi secara langsung dengan responden bagi mendapatkan maklumat mengenai pendapat, sikap atau tingkah laku. Kaedah tinjauan boleh dilakukan melalui pelbagai kaedah iaitu secara bersemuka, dalam talian, melalui panggilan telefon dan melalui borang. Kaedah tinjauan menggunakan borang soal selidik bagi mengumpul data daripada responden (Singer dan Couper, 2017).

3.3.4 Borang Soal Selidik

Bagi kaedah kuantitatif, borang soal selidik digunakan bagi mendapatkan

data untuk mencapai objektif kajian. Menurut Brace (2018), soal selidik berfungsi sebagai platform untuk dua individu yang jauh dan tidak pernah bercakap atau berjumpa untuk mendapatkan maklumat. Kaedah tinjauan dilakukan dengan memberi satu set soalan borang soal selidik kepada responden. Borang soal selidik yang disediakan perlu dibuat bersesuaian dengan objektif kajian yang hendak dijalankan. Seramai 430 orang responden daripada masyarakat tempatan menjawab borang soal selidik yang disediakan. Responden diberikan soalan berbentuk soalan tertutup (close-ended question). Daripada soalan yang diberikan responden perlu membuat pilihan jawapan yang telah disediakan dalam borang soal selidik. Soalan tertutup digunakan apabila seseorang itu telah mempunyai pilihan jawapan, idea untuk kategori jawapan atau ingin mengetahui jumlah kekerapan pilihan jawapan tertentu. Bagi menentukan jawapan, kajian ini menggunakan kaedah skala likert lima mata. Skala likert merupakan kaedah mengukur tahap kefahaman responden dengan menggunakan nombor (Adeniran, 2019). Setiap skala satu hingga lima mempunyai maksud yang tersendiri. Nombor 1 mewakili sangat tidak setuju, nombor 2 mewakili tidak setuju, nombor 3 neutral, nombor 4 setuju dan nombor 5 mewakili sangat setuju. Borang soal selidik diedarkan setelah aktiviti temu bual dijalankan. Hal ini kerana kaedah tinjauan dijalankan untuk menyokong data yang diterima daripada data temu bual terutamanya dalam mengkaji persepsi masyarakat terhadap makyung tradisional dan makyung patuh syariah. Jawapan yang diperoleh daripada borang soal selidik ini bagi membantu menyokong data kajian ini.

Jadual 3.1 : Kaedah Kajian

Kaedah kajian

Kaedah Kualitatif	Temu bual dan analisis kandungan
Kaedah Kuantitatif	Soal selidik dan Tinjauan

Jadual 3.1 menerangkan tentang kaedah kajian yang digunakan sepanjang kajian ini dijalankan. Bagi kaedah kualitatif, kaedah yang telah digunakan adalah temu bual dan analisis kandungan. Manakala bagi kaedah kuantitatif, kaedah kajian yang telah digunakan adalah soal selidik dan tinjauan. Kaedah ini digunakan bagi memastikan data yang diperoleh tepat mengikut keperluan.

3.4 Pensampelan Kajian

Pensampelan kajian merupakan kaedah memilih sebahagian daripada populasi mewakili keseluruhan populasi dalam suatu kawasan. Pensampelan adalah cara yang dilakukan bagi mendapatkan maklumat daripada sampel yang mewakili keseluruhan populasi. Pensampelan merupakan pecahan daripada satu populasi bagi mewakili populasi yang ada di kawasan tersebut. Pensampelan kajian mempunyai dua jenis iaitu pensampelan kebarangkalian dan juga bukan kebarangkalian (Creswell dan Poth, 2016). Kajian ini telah menggunakan pensampelan bukan kebarangkalian (*non probability sampling*). Pensampelan bukan kebarangkalian bermaksud kaedah pensampelan yang menggunakan kriteria yang telah ditetapkan seperti kedudukan geografi dan pengetahuan pakar tentang tajuk yang ingin dikaji. Daripada pensampelan bukan kebarangkalian, kajian ini telah menggunakan pensampelan bertujuan.

Kaedah pensampelan bertujuan merupakan kaedah yang berfokus kepada satu subjek yang mempunyai ciri-ciri bersesuaian dengan tajuk kajian yang dikaji. Tujuan utama pensampelan bertujuan adalah untuk memberi tumpuan kepada beberapa ciri-ciri tertentu yang dapat menarik minat atau mampu menjawab soalan bagi memenuhi objektif kajian. Kajian ini memfokuskan kepada mengenal pasti perbezaan antara makyung tradisional dan makyung patuh syariah di Kelantan. Secara tidak langsung, kajian ini dapat mengetahui persepsi masyarakat terhadap kewujudan makyung patuh syariah dan

juga langkah yang perlu dilakukan bagi melestarikan makyung tradisional dan juga makyung patuh syariah.

Jadual 3.2 : Demografi Informan

Sumber : Kajian Lapangan

Informan	Umur	Pekerjaan
Informan 1	64 Tahun	Pengamal Makyung
Informan 2	36 Tahun	Staff Kebudayaan USM
Informan 3	40 Tahun	Staff Kebudayaan UMK
Informan 4	52 Tahun	Pengamal Makyung Tradisional dan Makyung patuh Syariah
Informan 5	44 Tahun	Pengamal Makyung Tradisional dan Makyung patuh Syariah
Informan 6	51 Tahun	Guru
Informan 7	59 Tahun	Tidak Bekerja
Informan 8	33 Tahun	Peniaga
Informan 10	24 Tahun	Peniaga
Informan 11	51 Tahun	Tidak Bekerja
Informan 12	24 Tahun	Pelajar
Informan 13	33 Tahun	Kerani
Informan 14	69 Tahun	Tukang Cuci
Informan 15	71 Tahun	Tidak Bekerja
Informan 16	57 Tahun	Pegawai Bank
Informan 17	23 Tahun	Pelajar

Jadual 3.2 menunjukkan senarai informan yang ditemu bual untuk mendapatkan data bagi kajian ini. Antara informan yang ditemu bual adalah tiga orang pengamal makyung tradisional, dua orang pengamal makyung patuh syariah dan 12 orang masyarakat

setempat. Informan dalam kajian ini terdiri daripada pengamal makyung dan staf kebudayaan yang mahir dalam bidang makyung. Bagi masyarakat pula, dipilih secara rawak bagi mengetahui persepsi mereka terhadap makyung. Ada juga setengah masyarakat yang menjawab borang soal selidik yang telah disediakan oleh pengkaji. Borang soal selidik tersebut terbahagi kepada tiga bahagian soalan. Tujuan kaedah temu bual dan tinjauan dijalankan adalah untuk memastikan ke semua objektif dalam kajian tercapai. Pengkaji menggunakan kaedah temu bual dan analisis kandungan untuk menemu bual para pengamal makyung dan masyarakat. Kaedah tematik digunakan bagi menganalisis data daripada temu bual. Manakala kaedah tinjauan digunakan bagi mengedarkan borang soal selidik yang dibuat melalui “*Google Form*”.

3.5 Kaedah Pengumpulan Data

Salah satu teknik bagi memperoleh data yang tepat adalah dengan menggunakan kaedah pengumpulan data. Sebelum melakukan pengumpulan data, pemilihan data yang tepat perlulah ditentukan secara terperinci. Data ialah maklumat yang diperlukan bagi membuat sesuatu keputusan. Data merujuk kepada fakta atau maklumat yang diperoleh melalui pemerhatian, pengukuran atau pengumpulan maklumat. Pengumpulan data adalah salah satu proses mengumpul maklumat dan menetapkan proses, teknik serta ciri-ciri pengumpulan data yang bersesuaian dengan kajian yang dijalankan. Kaedah pengumpulan data perlulah tepat supaya tidak lari daripada tujuan kajian dijalankan. Data terbahagi kepada dua jenis iaitu data primer dan juga data sekunder.

MALAYSIA
KELANTAN

3.5.1 Data Primer

Data primer bermaksud data yang diperoleh terus daripada responden atau orang yang dikaji sebagai contoh temu bual. Data primer ialah data pertama yang dikumpul untuk menjawab persoalan kajian. Data primer juga dikenali sebagai data asal yang tidak dapat dijumpai di dalam fail atau laporan (Creswell dan Poth, 2016). Data primer boleh diperolehi dengan bertanya secara terus kepada individu, kelompok masyarakat, kumpulan berfokus atau ahli pakar dalam sesuatu bidang tersebut. Kajian ini menggunakan beberapa kaedah daripada data primer untuk mendapatkan data dengan lebih tepat. Antara kaedah yang telah digunakan adalah temu bual, analisis kandungan dan tinjauan dengan mengedarkan borang soal selidik.

3.5.2 Data Sekunder

Dalam kajian ini data sekunder juga digunakan bagi mendapatkan data. Data sekunder adalah data yang diperoleh daripada kajian lepas atau kajian orang lain. Data sekunder merupakan maklumat yang diperoleh daripada orang lain yang telah melakukan kajian yang terdiri daripada data bertulis (buku, jurnal, majalah, rekod, laporan, dokumen, internet, tesis, cerpen, surat khabar) dan pendengaran (ucapan, tayangan gambar dan video, lagu, cerita). Kajian-kajian lepas yang masih relevan boleh digunakan untuk dijadikan rujukan terhadap kajian yang dijalankan. Kajian ini menggunakan beberapa data daripada data sekunder iaitu internet, buku dan juga artikel.


3.6 Analisis Data

Analisis data merupakan proses akhir setelah pengumpulan data dilakukan. Analisis data sebagai proses mengatur urutan data, menyusunnya dalam pola, kategori dan unit deskriptif asas. Selain itu, analisis data adalah proses menentukan dan mengatur maklumat dalam data yang diperoleh daripada catatan lapangan, dokumentasi dan temu

bual. Tujuan analisis data dilakukan bagi mendapatkan maklumat penting daripada data dan membuat keputusan berdasarkan kaedah yang digunakan. Terdapat dua bahagian dalam analisis data iaitu kualitatif dan juga kuantitatif. Analisis tematik digunakan bagi menganalisis data kualitatif manakala analisis deskriptif telah digunakan bagi menganalisis data kuantitatif.

3.6.1 Analisis Tematik

Analisis tematik adalah cara menganalisis data kualitatif, yang memerlukan pembacaan kumpulan data untuk mencari tema melalui pola maknanya (Fereday dan Muir Cochrane, 2006). Kaedah analisis tematik merupakan kaedah yang sesuai bagi menganalisis data kualitatif dengan mengaitkan ciri-ciri dalam fenomena. Tujuan analisis tematik digunakan adalah bagi memfokuskan sesuatu elemen kepada beberapa tema dari sekumpulan data. Satu tema mampu dikenalpasti setelah dibaca berulang kali dan melakukan pengekodan data. Kaedah ini mampu membantu kajian ini menemukan tema-tema yang sesuai. Di bawah analisis data deskriptif terdapat beberapa proses seperti transkripsi, pengekodan, penentuan tema, laporan dan triangulasi.



Rajah 3.1: Proses Analisis Data

Rajah 3.1 menunjukkan proses yang dilakukan sepanjang menganalisis data kualitatif dengan menggunakan analisis tematik. Kaedah ini digunakan setelah temu bual selesai dijalankan kepada informan. Data yang diperoleh daripada kaedah temu bual tersebut dipindahkan daripada rakaman suara ke bentuk penulisan. Proses pemindahan ini dinamakan sebagai proses transkripsi.

i) Transkripsi

Transkripsi merupakan salah satu proses mengubah data daripada audio atau video kepada teks yang berbentuk tulisan. Sepanjang aktiviti temu bual dijalankan, telefon pintar digunakan bagi merekod rakaman suara informan. Walaubagaimanapun, kajian ini merujuk nota yang disalin bagi mengesahkan data dan memastikan data yang diperoleh adalah tepat. Hal ini bagi memastikan tidak berlakunya kecaciran data selepas sesi temu bual tamat. Proses ini mengambil masa yang sangat lama untuk diselesaikan tetapi kaedah ini merupakan kaedah yang terbaik bagi menganalisis data berbentuk kualitatif. Pengkaji telah mengambil masa sebulan bagi menyiapkan proses transkripsi seperti Jadual 3.3 di bawah.

Jadual 3.3 : Transkripsi temu bual pengkaji

Transkrip Temu bual

Nama: Encik Radzi

Tarikh: 9/10/2024

Masa: 2.00 petang hingga 3.00 petang

	Perbualan	Kod	Tema
A	Assalamualaikum Encik Radzi, boleh kita mulakan?		
B	Boleh boleh terus terus		
A	Boleh tak En Radzi bagi tahu dulu nama, umur dengan berapa lama dah Encik Radzi kerja kat sini dan jawatan as a apa?		
B	Saya nama Muhammad Radzi Yusof, okay umur saya dah 44. Di Kelantan 15 tahun. 15 tahun lah kat sini. Saya artis budaya aaaa banyak focus kepada bahagian Pembangunan produksi artis lah.		
A	Hurmmm		
B	Aaaa antara orang terpenting dan menjurus kepada semua la a maksudnya kesenian-kesenian yang ada di dalam penyelidikan makyung, main puteri macam-macam lagi lah kat sini lah. So saya banyak focus kepada seni persembahan la untuk di Kelantan lah		

ii) Pengekoden

Setelah selesai proses transkripsi, aktiviti pengkodean akan dilakukan. Proses pengkodean adalah proses yang perlu dilakukan untuk memastikan maklumat yang diambil tidak tercicir. Pengekoden adalah cara untuk mengeluarkan data yang sama dan seterusnya

dikategorikan kepada beberapa kumpulan (Charmaz, 2006). Setelah selesai mengenal pasti idea yang terdapat dalam teks tersebut, kod dikeluarkan daripada setiap data yang diperoleh. Proses ini adalah proses yang sangat penting agar tidak berlaku kesalahan dalam mengekodkan data seperti Jadual 3.4. Setiap maklumat perlu diteliti dengan berhati-hati dan perlu melakukan semakan secara berulang supaya setiap maklumat yang diperoleh adalah betul.

Jadual 3.4 : Proses Pengekodan

	ni kita cut paling simple atleast sampai kita faham jalan cerita. Sekarang kita tengok pada berapa lama organizer nak. Haa kalau dulu dia boleh lama.	Sekarang – berapa lama organizer bagi
A	Kiranya persembahan makyung ni dia bukannya dipersembahkan pada masa spesifik. Kiranya dia tak ada waktu la, so kalau nak main-main je.	
B	Haa tak lah maknanya persembahan makyung ni pon atas jemputan untuk apa untuk majlis apa haa. Kalau makyung zaman dulu pon depan depan raja la. Okay raja nak tengok show ha lepas tu dia nk tengok persembahan makyung 3 hari 3 malam. So nanti dorang akan buat la untuk 3 hari 3 malam punya cerita. Macam sekarang ni sekadar nak cakap “aku nk tengok persembahan makyung, nak kenal apa itu makyung so bawaklah cerita apa pon dalam masa 2 jam so kita bawalah. Yang penting intipati dalam cerita makyung tu ada dan elemen elemen tu ada dalam persembahan makyung, ada permulaan, ada klimaks dan ada ending. Jalan cerita pon tidaklah sepanjang zaman dulu dan lagu lagu yang dibawa juga tidak sebanyak zaman dahulu.	Jemputan majlis/ depan raja 2 jam / tak sepanjang dulu
A	Ouhhh faham faham. Lepas tu kan kek Miera apa peranan lelaki dengan Perempuan dalam persembahan makyung ni.	
B	Macam akak kata tadi lah main ikut watak. Contohnya kalau Wanita dia akan ada watak pakyung tu sendiri, Tuan puteri, inang-inang, dayang-dayang, orang kampung. Banyak watak dia tengok pada cerita. Kalau peranan lelaki biasa dia akan jadi pengasuh raja, dia akan jadi raja gengasi. Dia tak akan Perempuan yang jadi raja gengasi. dia ada watak-watak lain lagi haa wak istana raja semua semua tu adalah watak lelaki. Watak-watak Perempuan biasanya inang, tuan puteri, orang-orang kampung boleh la untuk Perempuan. Haa mak ibu	Perempuan- pakyung/ inang/ puteri/dayang/ orang kampung Lelaki – pengasuh raja/ gengasi/ wak

iii) Penentuan Tema

Seterusnya proses penentuan tema. Penentuan tema merupakan salah satu proses yang perlu dijalankan bagi menganalisis data. Pembacaan semula perlu dilakukan bagi memastikan tema yang ditetapkan mengikut kategori yang betul. Selain itu pembacaan semula dilakukan bagi menyemak semula semua kod supaya semua kod membawa maksud yang sama. Kaedah ini dilakukan bagi memudahkan kajian ini dijalankan dan dapat diakses dengan lebih mudah. Berdasarkan Jadual 3.5, tema yang ditentukan akan berada di kotak paling hujung.

Jadual 3.5: Proses penentuan tema

B	Haa dia adalah jurulatih Kumpulan Makyung Kijang Emas di JKN Kelantan ni lah. Ha so banyak saya dengan dia and then kami cuba buat persembahan tu secara kecil sahaja dan kami pra tonton kan kepada aaa masatu Encik Kassim, arwah Encik Kassim pengarah sini dulu lah. Ha lepastu bila Encik Kassim pencek, dia pencek dan masuk pengarah Raizuli, masa tu kami tak sempat lagi angkat lagi orang kata modul yang kita buat tu. Okay. So En Raizuli mengangkat benda tu ke SUK and then berbincang dengan SUK untuk wujudkan orang kata patuh syariah. En Raizuli selepas mendapat endorsement apa semua and then kita ada buat 2 kali sesi preview lah. Okay masa tu exconya Dato Major Anizan. Hurmm Dato Major Amizan.	Kumpulan Makyung Kijang Emas/ persembahan kecil Angkat MPS	Safeguarding Safeguarding
A	Kiranya asalnya buat lelaki sahaja tu untuk saja-saja je la sebenarnya?		
B	Aaa dia bukan saja dia macam untuk persembahan untuk kita nak ha apa macam untuk bukan saja, dia macam kita nak persembahan biasa yang macam orang kata com (comman) tu adalah persembahan untuk pelancong ke apa kita nak tonjolkan. Sebab Wanita tak boleh so kita keluarkan watak lelaki dalam makyung. Maknanya cerita pendek je la, maksudnya dulu wujudnya mengadap rebab, masuk sketsa makyung and then ada tarjan ragam haa dan penceritaan disitu sedikit lepastu Aaa habis. Tak sepanjang yang dah jadi macam patuh syariah ni, Haa kan. Selepas dah Ada endorsement apa semua,	Persembahan pelancong Cerita pendek	Langkah Langkah

iv) Laporan

Setelah semua data telah diperoleh, satu laporan perlu disediakan. Menurut Braun dan Clarke (2006), penghasilan laporan perlulah dinilai secara keseluruhan, bukan hanya tertakluk kepada huraian data. Dalam laporan yang ditulis, perlulah mengulas dan mentafsir tentang dapatan kajian yang diperoleh agar hasil yang akan dipersembahkan mampu memberi keyakinan kepada pembaca dan juga mencapai objektif kajian.

v) Triangulasi

Triangulasi merupakan cara untuk mengesahkan hasil kajian dan keputusan penyelidikan yang telah dilakukan secara kualitatif. Triangulasi adalah proses menggabungkan sumber data, teori yang digunakan dan juga teknik metodologi yang digunakan semasa kajian dijalankan. Kesemua data yang diperoleh daripada aktiviti yang dijalankan seperti temu bual, soal selidik dan maklumat daripada data sekunder akan digabungkan untuk membentuk maklumat yang

lengkap. Berdasarkan Rajah 3.2, pengkaji melakukan triangulasi untuk menyokong data temu bual yang diperoleh.

dan upacara tutup panggung. Upacara buka panggung merupakan upacara ritual yang dilakukan oleh peran tua sebelum memulakan persembahan makyung. Informan 2 menyatakan, "sebelum persembahan makyung di IB diaorang akan buat upacara bukak panggung lah" (Informan 2, Temu bual, 1 Ogos 2024). Kebiasaannya upacara buka panggung akan dilaksanakan sebelum persembahan makyung bermula. Upacara ini biasa dilakukan oleh penggiat Istana Budaya. Semasa upacara buka panggung, terdapat 3 lagu yang akan dimainkan antaranya ialah Kijang Emas, Sendayung dan juga Kisah Barat (Nasaruddin, 2015). Lagu-lagu ini akan diiringi dengan upacara memuja semangat mak yung dan memuja alat muzik. Selepas upacara buka panggung selesai, para pemuzik akan naik ke atas pentas dan memulakan selingan muzik. Fungsi selingan muzik adalah bagi memastikan alat muzik

Rajah 3.2: Proses triangulasi

3.6.2 Analisis Deskriptif

Kajian ini menggunakan analisis deskriptif bagi menganalisis data kuantitatif. Analisis deskriptif ialah jenis penyelidikan data yang menggambarkan, menunjukkan, atau meringkaskan aspek data sehingga pola boleh dibentuk yang memenuhi semua keadaan data. Metodologi digunakan untuk mengubah data yang diperoleh daripada teks kepada angka atau grafik statistik. Responden kajian merupakan masyarakat Bachok yang mengetahui tentang makyung dan makyung patuh syariah. Kajian ini menggunakan kaedah deskriptif bagi membentuk purata (mean), kekerapan data (mod) dan median. Data yang dikumpul pada akhir kajian akan menentukan keputusan akhir kajian seperti Rajah 3.3 .

	A	B	C	D	E	F	G	H
1								
2	Perempuan	51 tahun dan ke atas	Berkahwin	Kerajaan	Ya	Ya		1
3	Lelaki	31 tahun hingga 40 tahun Bujang	Swasta	Ya	Ya			3
4	Lelaki	51 tahun dan ke atas	Berkahwin	Kerajaan	Ya	Ya		4
5	Perempuan	31 tahun hingga 40 tahun Berkahwin	Swasta	Ya	Ya			1
6	Lelaki	41 tahun hingga 50 tahun Berkahwin	Kerajaan	Ya	Ya			1
7	Perempuan	51 tahun dan ke atas	Berkahwin	Kerajaan	Ya	Ya		2
8	Lelaki	31 tahun hingga 40 tahun Bujang	Swasta	Ya	Ya			3
9	Perempuan	51 tahun dan ke atas	Bujang	Kerajaan	Ya	Ya		2
10	Lelaki	31 tahun hingga 40 tahun Berkahwin	Swasta	Ya	Ya			3
11	Perempuan	41 tahun hingga 50 tahun Berkahwin	Kerajaan	Ya	Ya			4
12	Lelaki	51 tahun dan ke atas	Berkahwin	Kerajaan	Ya	Ya		1
13	Perempuan	31 tahun hingga 40 tahun Berkahwin	Swasta	Ya	Ya			1
14	Lelaki	41 tahun hingga 50 tahun Berkahwin	Kerajaan	Ya	Ya			1
15	Perempuan	51 tahun dan ke atas	Berkahwin	Kerajaan	Ya	Ya		5
16	Lelaki	31 tahun hingga 40 tahun Bujang	Swasta	Ya	Ya			4
17	Perempuan	41 tahun hingga 50 tahun Bujang	Kerajaan	Ya	Ya			4
18	Lelaki	51 tahun dan ke atas	Bujang	Kerajaan	Ya	Ya		4
19	Perempuan	31 tahun hingga 40 tahun Berkahwin	Swasta	Ya	Ya			2
20	Lelaki	41 tahun hingga 50 tahun Bujang	Kerajaan	Ya	Ya			4
21	Perempuan	51 tahun dan ke atas	Bujang	Kerajaan	Ya	Ya		3
22	Lelaki	41 tahun hingga 50 tahun Berkahwin	Kerajaan	Ya	Ya			1
23	Perempuan	41 tahun hingga 50 tahun Bujang	Kerajaan	Ya	Ya			5
24	Lelaki	41 tahun hingga 50 tahun Bujang	Kerajaan	Ya	Ya			5
25	Perempuan	41 tahun hingga 50 tahun Bujang	Kerajaan	Ya	Ya			1
26	Lelaki	41 tahun hingga 50 tahun Bujang	Kerajaan	Ya	Ya			2
27	Perempuan	41 tahun hingga 50 tahun Berkahwin	Kerajaan	Ya	Ya			1
28	Lelaki	41 tahun hingga 50 tahun Berkahwin	Kerajaan	Ya	Ya			4
29								
30								
31								
32								
33								
34								
35								
36								
37								
38								
39								
40								
41								
42								
43								
44								
45								
46								
47								
48								
49								
50								
51								
52								
53								
54								
55								
56								
57								
58								
59								
60								
61								
62								
63								
64								
65								
66								
67								
68								
69								
70								
71								
72								
73								
74								
75								
76								
77								
78								
79								
80								
81								
82								
83								
84								
85								
86								
87								
88								
89								
90								
91								
92								
93								
94								
95								
96								
97								
98								
99								
100								

Rajah 3.3 : Analisis deskriptif menggunakan Microsoft Excel

3.7 Kesimpulan

Bab tiga mengupas metodologi kajian dengan merinci pendekatan reka bentuk dan kaedah penyelidikan. Metodologi adalah cara mendapatkan maklumat dari pihak tertentu yang melibatkan pendekatan reka bentuk, kaedah penyelidikan, pensampelan, pengumpulan, dan analisis data. Pada permulaan bahagian bab tiga, kajian ini telah menceritakan serba sedikit tentang pengenalan metodologi. Pendekatan penyelidikan menggunakan kaedah campuran yang terdiri daripada kualitatif dan kuantitatif. Selain itu untuk menentukan reka bentuk penyelidikan, kaedah yang sesuai mengikut objektif kajian akan ditetapkan. Kajian ini telah menggunakan kajian kes bagi kualitatif dan juga kuantitatif untuk kaedah tinjauan. Daripada kajian kes dan juga kaedah tinjauan yang dipilih, kajian ini telah menggunakan kaedah penyelidikan seperti temu bual, analisis kandungan dan soal selidik. Pemilihan kaedah penyelidikan yang betul sangat penting kerana sekiranya kaedah yang dipilih salah, data yang akan diperoleh juga salah. Bagi pensampelan penyelidikan kajian ini telah menggunakan jenis pensampelan secara tidak rawak bagi memilih pecahan populasi untuk mencerminkan keseluruhan populasi. Pengumpulan data melibatkan data primer (diperoleh daripada responden) dan sekunder (diperoleh daripada sumber lain). Analisis data melibatkan analisis tematik untuk kualitatif dan analisis deskriptif untuk kuantitatif, memudahkan pemahaman dan interpretasi maklumat yang diperoleh.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab empat membincangkan tentang hasil dapatan kajian yang telah diperoleh melalui kaedah temu bual, pemerhatian dan tinjauan mengenai kajian Persepsi Masyarakat Bachok, Kelantan Terhadap Makyung Tradisional Dan Makyung Patuh Syariah. Dapatan kajian telah diperoleh dengan menggunakan kaedah campuran (mix method). Kajian ini telah menggunakan kaedah pensampelan bertujuan dan juga bebola salji. Kaedah ini digunakan bagi mendapatkan maklum balas yang tepat. Hasil daripada dapatan kajian tersebut terdapat lapan tema utama yang telah dikenal pasti. Antara tema yang ditemui adalah makyung tradisional, makyung patuh syariah, adat dan pantang larang, perbezaan makyung tradisional dan makyung patuh syariah, persepsi masyarakat terhadap makyung tradisional dan makyung patuh syariah, cabaran melaksanakan makyung, pelestarian seni persembahan makyung dan kepentingan makyung kepada masyarakat.

4.2 Demografi Responden

Bahagian demografi responden mengandungi beberapa soalan berkaitan dengan responden seperti jantina, umur, status, sektor pekerjaan dan soalan tentang pengetahuan mereka berkaitan makyung. Borang soal selidik telah diedarkan selama tiga bulan dan telah memperoleh responden sebanyak 420 orang. Data yang diperoleh pada bahagian ini dianalisis dalam bentuk kekerapan dan juga peratusan. Semua maklumat responden yang diperoleh dari borang soal selidik ini dijadualkan seperti yang berikut:

4.2.1 Jantina Responden

Jadual 4.1 Jantina Responden

Sumber : Kajian Lapangan (2024)

Jantina		Kekerapan	Peratus (%)
Data Diperoleh	Perempuan	219	52
	Lelaki	201	48
	Jumlah	420	100

Jadual 4.1 menunjukkan bilangan responden bagi jantina lelaki dan perempuan. Berdasarkan data yang dikeluarkan, bilangan responden perempuan adalah seramai 219 orang (52%) manakala bilangan responden lelaki adalah seramai 201 orang (48%). Jumlah keseluruhan bilangan responden bagi lelaki dan perempuan adalah sebanyak 420 orang responden (100%). Daripada kutipan data yang diperoleh jumlah responden perempuan lebih banyak berbanding responden lelaki.

4.2.2 Umur Responden

Jadual 4.2 Umur Responden

Sumber : Kajian Lapangan (2024)

Umur		Kekerapan	Peratus (%)
Data Diperoleh	20 tahun ke bawah	73	17.4
	21 tahun hingga 30 tahun	112	26.7
	31 tahun hingga 40 tahun	102	24.3
	41 tahun hingga 50 tahun	77	18.3
	51 tahun ke atas	56	13.3
	Jumlah	420	100

Jadual 4.2 menunjukkan bilangan responden mengikut kategori umur responden. Berdasarkan jadual 4.2 terdapat lima kategori umur iaitu lingkungan 20 tahun ke bawah, 21 tahun hingga 30 tahun, 31 tahun hingga 40 tahun, 41 tahun hingga 50 tahun dan 51 tahun ke atas. Responden lingkungan umur 20 tahun ke bawah adalah seramai 73 orang (17.4%). Responden yang berumur lingkungan 21 tahun hingga 30 tahun adalah sebanyak 112 orang responden (26.7%), lingkungan 31 hingga 40 tahun adalah sebanyak 102 orang responden (24.3%) manakala responden lingkungan 41 tahun hingga 50 tahun sebanyak 77 orang responden (18.3%). Akhir sekali, bilangan responden lingkungan 51 tahun ke atas adalah seramai 56 orang responden (13.3%). Hasil daripada data yang diperoleh, lingkungan umur yang mempunyai bilangan tertinggi adalah lingkungan umur 21 tahun hingga 30 tahun manakala lingkungan umur yang terendah adalah lingkungan umur 51 tahun ke atas. Hal ini berlaku disebabkan faktor responden yang berumur 51 tahun ke atas tidak mahir dalam menggunakan google form yang diedarkan berbanding responden yang berumur 21 tahun hingga 30 tahun.

4.2.3 Sektor Pekerjaan

Jadual 4.3 Sektor Pekerjaan

Sumber : Kajian Lapangan (2024)

Sektor Pekerjaan		Kekerapan	Peratus (%)
Data Diperoleh	Bekerja Sendiri	35	8.3
	Kerajaan	106	25.2
	Swasta	137	32.6
	Pelajar	122	29.1
	Tidak Bekerja	20	4.8
	Jumlah	420	100

Jadual 4.3 menunjukkan bilangan responden mengikut sektor pekerjaan mereka. Terdapat lima kategori sektor pekerjaan iaitu bekerja sendiri, kerajaan, swasta, pelajar dan tidak bekerja. Bagi responden yang bekerja sendiri adalah seramai 35 orang (8.3%) manakala responden dari sektor kerajaan adalah seramai 106 orang (25.2%). Selain itu, responden yang berkerja di sektor swasta pula seramai 137 orang (32.6%). Bilangan pelajar yang menjawab borang soal selidik ini adalah seramai 122 orang (29.1%). Akhir sekali ialah responden yang tidak bekerja adalah sebanyak 20 orang (4.85). Antara kelima-lima sektor pekerjaan, sektor swasta mendapat bilangan responden yang paling tinggi manakala bilangan yang paling rendah adalah responden yang tidak bekerja. Kebanyakan responden adalah dari sektor swasta. Hal ini disebabkan kerana mereka lebih mudah akses dengan teknologi berbanding dengan responden yang tidak bekerja.

4.2.4 Pengetahuan Tentang Makyung Tradisional

Jadual 4.4 Pengetahuan tentang makyung tradisional

Sumber : Kajian Lapangan (2024)

Adakah anda mengetahui tentang makyung tradisional		Kekerapan	Peratus (%)
Data Diperoleh	Ya	278	66.2
	Tidak	79	18.8
	Kurang Pasti	63	15
	Jumlah	420	100

Jadual 4.4 mempunyai tiga kategori jawapan berkaitan tentang pengetahuan responden tentang makyung tradisional. Jawapan yang di tetapkan adalah ya, tidak dan kurang pasti. Kebanyakan responden mengetahui tentang makyung tradisional dengan jumlah responden adalah sebanyak 278 orang (66.2%). Walau bagaimanapun, sebanyak 79 orang responden (18.8%) tidak mengetahui tentang makyung tradisional. Jumlah yang paling sedikit adalah responden yang kurang pasti sama ada mereka mengetahui atau tidak tentang makyung tradisional. Responden yang kurang pasti tentang makyung adalah seramai 63 orang (15%).

4.2.5 Pengetahuan Tentang Makyung Patuh Syariah

Jadual 4.5 Pengetahuan Tentang Makyung Patuh Syariah

Sumber : Kajian Lapangan (2024)

Adakah anda mengetahui tentang makyung patuh syariah		Kekerapan	Peratus (%)
Data Diperoleh	Ya	235	66.2
	Tidak	107	18.8
	Kurang Pasti	78	15
	Jumlah	420	100

Jadual 4.5 mempunyai tiga kategori jawapan berkaitan pengetahuan responden tentang makyung patuh syariah. Jawapan yang di tetapkan adalah ya, tidak dan kurang pasti. Bagi pengetahuan responden tentang makyung patuh syariah, kebanyakan responden mengetahui tentang makyung patuh syariah dengan jumlah responden adalah seramai 235 orang (66.2%). Jumlah kedua tertinggi adalah responden yang tidak mengetahui tentang makyung patuh syariah iaitu seramai 107 orang responden (18.8%). Akhir sekali bilangan yang paling rendah adalah responden yang kurang pasti tentang makyung patuh syariah iaitu sebanyak 78 orang responden (15%).

4.3 Makyung Tradisional

Masyarakat Melayu terkenal dengan pelbagai kesenian di Kelantan. Kesenian merujuk kepada empat bahagian iaitu seni rupa (ukiran), seni suara (nyanyian), seni gerak (tarian) dan juga permainan tradisional (Kahn et al., 2011). Seni persembahan makyung merupakan salah satu persembahan yang menerapkan kesemua elemen kesenian tersebut. Menurut Jabatan Warisan Negara (2015), seni makyung berkembang dengan begitu luas disebabkan keindahan gerak tari dan kelembutan suara yang dinyanyikan oleh pelakon. Dalam persembahan makyung, dialog yang beradab, pakaian dan hiasan yang indah dan muzik dan lagu yang dimainkan adalah pelengkap persembahan. Antara elemen yang dibincangkan di dalam bahagian ini adalah sejarah makyung dan pengharaman makyung, punca makyung diharamkan, waktu pementasan makyung dijalankan, jenis persembahan makyung, struktur persembahan makyung tradisional, dan elemen dalam persembahan makyung tradisional.

4.3.1 Sejarah Makyung Tradisional dan Pengharaman Makyung

Makyung adalah seni persembahan tradisional yang berasal dari negeri Kelantan dan telah berkembang sejak beratus tahun yang lalu. Setiap seni persembahan mempunyai sejarah yang berbeza. Begitu juga dengan seni persembahan makyung yang mempunyai sejarah yang tersendiri. Makyung merupakan seni persembahan yang telah berkembang beratus tahun yang dulu. Menurut Informan 4,

... Jadi makyung ni kalau ikut dari usia dia beratus tahun lah. Saya rasa dah 200 tahun 300 tahun yang lampau la ehh 400 tahun ye. Sejak zaman Kerajaan Patani lagi, ya Kerajaan melayu Patani masatu ratu Patani aa makyung tu adalah sebahagian seni persembahan yang dipersembahkan dalam acara-acara keramaian di istana Pattani. Sebab masa tu ratu Patani tu dia ada Ratu Kuning, Ratu Hijau, Ratu Unggu kan, jadi ratu

ratu tersebut ni mereka ni suka menyaksikan persembahan makyung dan sehinggalah Kerajaan Kelantan...

(Informan 4, Temu bual, 10 September 2024)

Berdasarkan kenyataan daripada Informan 4, seni persembahan makyung telah berusia lebih daripada beratus tahun yang lalu. Makyung telah wujud sejak 300 ke 400 tahun dahulu ketika zaman kerajaan Pattani dan telah menjadi sebahagian daripada acara-acara istana. Zahari dan Rs (2011) menyatakan bahawa persembahan makyung telah menjadi permainan raja setelah raja memerintahkan rakyat untuk memainkan persembahan di istana. Pada zaman dahulu, golongan raja sangat menyukai persembahan makyung sehingga menjadikan persembahan makyung sebagai salah satu hiburan mereka semasa di istana dan acara keramaian. Ratu-ratu daripada kerajaan Pattani iaitu Ratu Kuning, Ratu Hijau dan juga Ratu Ungu, ketika itu sangat menyukai persembahan makyung dan menjadikan persembahan makyung sebagai salah satu persembahan istana. Pengaruh makyung dari kerajaan Pattani telah tersebar sehingga ke Kelantan dan menjadikan Kelantan sebagai salah satu pusat yang penting dalam perkembangan seni tradisional Melayu. Walaubagaimanapun, persembahan makyung telah melalui fasa kemuncak dan kejatuhan setelah sekian lama persembahan ini menjadi pilihan masyarakat Kelantan. Kenyataan ini dinyatakan oleh Informan 4, iaitu:

Di Kelantan pada awal tahun 1920-an ataupun 1920-an tu kemuncak persembahan makyung la ia dah jadikan persembahan hiburan di Istana di mana Zaman Tengku Temenggung sebab itulah zaman tu kalau you baca dari segi Kumpulan Makyung Seri Temenggung zaman tu. Zaman Tengku temenggung tu dia mengumpulkan penggiat-penggiat makyung lebih kurang 100 orang, primadona dan juga Kumpulan makyung lain duduk dalam istana bekerja di istana sebagai tukang kebun tukang masak tapi bila ada masa kelapangan mereka buat persembahan makyung. Jadi makyung ni dia ada turun naiknya lah. Dia wujud, dia zaman

kegemilangan lepastu hilang disebabkan perang dunia pertama tu kan lepastu zaman jepun, hilang lepastu British lepastu Kembali semula makyung awal 60-an tu selepas Merdeka makyung Kembali balik semula, masa tu zaman Khatijah Awang ha kan Kumpulan Makyung timbul balik selepas hilang balik selepas makyung diharamkan di Kelantan pada awal 90-an. (Informan 4, Temu bual, 10 September 2024)

Informan 4 menyatakan bahawa makyung di Kelantan mengalami fasa turun dan naik yang mencerminkan sejarah, politik, sosial dan budaya negeri tersebut. Pada era 1920-an, seni persembahan makyung telah mencapai zaman kegemilangan di bawah perlindungan Tengku Temenggung. Istana Kelantan telah menjadi pusat bagi persembahan makyung dan persembahan ini telah diangkat sebagai hiburan kepada istana. Ketika zaman Tengku Temenggung, telah wujudnya satu kumpulan yang diberi nama Kumpulan Makyung Seri Temenggung. Dengan kewujudan kumpulan ini banyak usaha telah dilakukan bagi memberi sokongan untuk mengembangkan seni persembahan makyung. Antara usaha yang telah mereka lakukan adalah dengan mengumpulkan 100 orang penggiat makyung, mengangkat primadona dan juga ahli kumpulan makyung untuk bekerja di Istana sebagai tukang kebun atau tukang masak. Sekiranya ada masa lapang, mereka akan mempersembahkan persembahan makyung sebagai hiburan untuk orang-orang istana. Walaupun telah mencapai zaman kemuncak pada tahun 1920, makyung telah mengalami beberapa cabaran sehingga menyebabkan seni persembahan ini jatuh dan hilang dari bumi Kelantan. Beberapa tahun selepas zaman kegemilangan, Malaysia telah terkesan akibat daripada perang dunia pertama. Konflik global telah menyebabkan ketidakstabilan ekonomi dan sosial. Selepas daripada perang dunia pertama, Malaysia telah ditakluk oleh penjajah daripada Jepun dan kemudian dijajah oleh British. Kesan daripada zaman penjajahan Jepun dan British menyebabkan seni persembahan makyung tidak mendapat perhatian dan terhenti akibat penindasan. Pada tahun 1957, Malaysia telah mencapai kemerdekaan dan makyung kembali mendapat perhatian daripada masyarakat pada tahun 1960-an (Yusof, 1976).

Seorang individu yang bernama Khatijah Awang telah berusaha untuk mengembalikan seni persembahan makyung dengan mewujudkan kumpulan makyung di bawah pimpinan beliau sendiri. Walaubagaimanapun, usaha beliau terhenti di situ selepas lagi sekali persembahan makyung mengalami kejatuhan akibat larangan dari kerajaan negeri Kelantan. Larangan yang dibuat oleh kerajaan negeri Kelantan menyebabkan makyung hilang sokongan daripada institusi di Kelantan. Penggiat seni tidak boleh melakukan persembahan untuk mengembangkan seni persembahan tersebut.

4.3.2 Punca Makyung diharamkan

Setiap keputusan yang dilakukan pastinya mempunyai alasan dan sebab yang tersendiri. Begitu juga dengan seni persembahan makyung yang telah diharamkan oleh kerajaan negeri Kelantan. Informan 4 telah menyatakan sebab makyung diharamkan di negerinya sendiri. Berdasarkan kenyataan beliau,

...Jadi bila hilang itu makyung mati di negeri sendiri. Maksudnya makyung hilang tahun 1990-an tapi makyung kebanyakan penggiat-penggiat makyung tahun awal 1990-an tu sebab Kerajaan PAS mengambil alih banyak enakmen hiburan, acara-acara hiburan tak dibenarkan melibatkan Wanita dan acara-acara yang melibatkan ritual juga tidak dibenarkan maka makyung disenaraikan antara seni persembahan yang tidak boleh dimainkan di khalayak pada masa tersebut kerana dipercayai ada elemen-elemen pergaulan lelaki Perempuan, ada elemen khurafat, syirik dan sebagainya yang bercanggah dengan hukum agama islam. Jadi makyung tidak aktif di Kelantan, bukan mati ye. Makyung tidak aktif di Kelantan kerana tak boleh dipersembahkan secara terbuka namun persembahan makyung tetap dibuat di kampung-kampung, masih hidup... (Informan 4, Temu bual, 10 September 2024)

Informan 4 telah memberikan gambaran tentang mengapa situasi tersebut terjadi kepada seni persembahan makyung di Kelantan. Informan 4 berpendapat bahawa seni persembahan makyung telah hilang dari Kelantan. Beliau telah menekankan perkataan “hilang” kerana menurut beliau, makyung masih ada di bumi Kelantan dan tidak mati sepenuhnya. Pada tahun 1990-an kerajaan negeri Kelantan telah mewujudkan satu enakmen hiburan negeri Kelantan dan terdapat beberapa persembahan yang tidak boleh dipersembahkan seperti makyung, wayang kulit dan juga main puteri. Menurut Hashim (2019), gerakan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) telah menakluk negeri Kelantan selama 29 tahun bermula tahun 1990 dan terus kekal di kedudukan sehingga kini. Setelah PAS menakluki negeri Kelantan, mereka telah mengubah Enakmen Hiburan di Negeri Kelantan sehingga telah menyebabkan acara hiburan yang melibatkan lelaki dan wanita dan acara yang melibatkan ritual tidak dibenarkan. Oleh itu, seni persembahan makyung telah disenarai hitam sebagai seni persembahan yang tidak boleh dipersembahkan kerana mempunyai unsur-unsur yang dilarang dalam enakmen hiburan tersebut. Selepas penguatkuasaan enakmen hiburan, makyung tidak dibenarkan untuk dipersembahkan secara terbuka di Kelantan. Walau begitu, makyung masih lagi dimainkan di kawasan kampung secara tertutup.

4.3.3 Waktu Persembahan Makyung Dijalankan

Makyung merupakan salah satu seni persembahan yang berfungsi sebagai hiburan masyarakat negeri Kelantan. Selain daripada menjadi hiburan kepada masyarakat, makyung juga berfungsi sebagai medium penting dalam konteks sosial, budaya dan spiritual. Pada masa lalu, makyung dipentaskan di istana namun kini persembahan makyung sering ditampilkan dalam pelbagai upacara tertentu. Informan 1, menyatakan

Dio persembahan mokyong ni untuk upacara pon ada. Upacara mace kito nok kato, kalu malam haritu dia buat pesta mace januari ke dok, dia main makyung. Pahtu dia main tempat pertunjukan, hok ni masa kutip tiket ni

kan, dia pusing sekeliling tu bayar la tiket masuk la, gitu dulu tak supo loni. Loni tak dok, loni gak kalau buat persembahan tempat tempat pembesar-pembesar nak tengok ko, ada majlis gapo-gapo ko kita gi la...

[Dia persembahan makyung ini untuk upacara pon ada. Upacara macam kita nak kata, kalau malam haritu di buat pesta macam bulan januari ke apa, dia main makyung. Selepas itu dia main tempat pertunjukan, yang ni masa kutip tiket ni kan, dia pusing sekeliling tu bayar la tiket masuk, macam tu la dulu tak macam sekarang. Sekarang tak ada dah, sekarang kalau buat persembahan tempat-tempat pembesar-pembesar nak tengok ke, ada majlis apa apa ke kita pergi la...] (Informan 1, Temu bual, 21 Julai 2024)

Informan 1 menyatakan bahawa makyung merupakan persembahan untuk upacara. Upacara yang dimaksudkan oleh Informan 1 adalah seperti pesta pada bulan Januari, pertunjukan atau persembahan di tempat pembesar. Kebiasaannya persembahan makyung akan dipersembahkan dalam upacara-upacara festival. Informan 1 juga turut membanding upacara pada zaman dahulu dan sekarang yang mana pada zaman dahulu sekiranya pengunjung datang untuk menonton persembahan makyung perlu membayar tiket tetapi pada masa kini persembahan diadakan secara percuma. Pembayaran tiket pada zaman dahulu dilakukan dengan kaedah seorang pelakon akan mengelilingi penonton untuk mengutip tiket masuk dan bayaran selepas persembahan selesai dilakukan. Selain itu persembahan makyung juga dikaitkan dengan persembahan puja umur. Menurut Informan 4,

Makyung tradisional kalau dulu dipersembahkan masa acara upacara puja umur, waktu birthday tuanku. Hari Keputeraan Tuanku Kelantan dia panggil Puja Umur. Ha masa tu adalah acara yang selalunya dibuat lah dan dilaksanakan semasa acara tersebut akan diadakan ni. Tu dia panggil puja umur dan juga acara untuk perubatan (Informan 4, Temu bual, 10 September 2024)

Seperti yang tercatat dalam sejarah, persembahan makyung merupakan salah satu hiburan bagi raja-raja. Antara waktu yang penting dalam pelaksanaan pementasan makyung adalah semasa upacara puja umur. Upacara puja umur merupakan upacara untuk menyambut hari kelahiran raja bagi negeri Kelantan. Apabila tibanya hari kelahiran raja, pihak istana akan mengadakan satu upacara puja umur untuk meraikan hari ulang tahun raja. Semasa upacara tersebut berlangsung, terdapat beberapa persembahan tradisional dan juga beberapa permainan yang diadakan bagi meraikan hari tersebut. Salah satu persembahan wajib yang ada semasa upacara puja umur adalah persembahan makyung. Seterusnya, persembahan makyung juga dipersembahkan sekiranya ada jemputan. Kenyataan ini dinyatakan oleh Informan 3 seperti:

...persembahan makyung ni pon atas jemputan untuk apa untuk majlis apa haa. Kalau makyung zaman dulu pon depan depan raja la. Okay raja nak tengok show ha lepastu dia nak tengok persembahan makyung 3 hari 3 malam. So nanti dorang akan buat la untuk 3 hari 3 malam punya cerita. Macam sekarang ni sekadar nak cakap “aku nk tengok persembahan makyung, nak kenal apa itu makyung so bawaklah cerita apa pon dalam masa 2 jam so kita bawalah... (Informan 3, Temu bual, 6 Ogos 2024)

Daripada kenyataan Informan 3, terdapat perbezaan waktu persembahan yang ketara pada zaman dahulu dan zaman kini. Pada zaman dahulu persembahan makyung biasanya diadakan atas permintaan atau jemputan daripada pihak istana untuk tontonan raja-raja. Persembahan yang dipersembahkan di istana kebiasaannya dipersembahkan selama tiga hari tiga malam dan cerita yang disampaikan juga berbeza pada setiap malam. Tetapi pada masa kini, persembahan makyung biasanya dipersembahkan dalam masa yang singkat sahaja. Persembahan biasanya tidak akan dipersembahkan melebihi dua jam. Dalam masa dua jam yang diperuntukkan, pelakon dibenarkan untuk membawa

apa sahaja cerita yang mereka suka. Informan 3 juga ada menyatakan tentang perbezaan persembahan pada zaman dahulu dan masa kini seperti:

Persembahan dulu ermm 1 malam, 7 malam, 2 minggu boleh show, 40 hari 40 malam pon boleh sebab cerita dia gini zaman dulu dia tak ada hiburan lain, dia tak ada tv. Contoh la zaman tu tak ada TV so dia boleh tengok persembahan makyung tu tiap-tiap malam tu dia macam cerita bersambung la drama bersiri 7 hari 7 malam ada je ha. So dia akan jalan cerita tu contoh cerita dewa muda 2 jam kita boleh bawa contoh kata, 7 hari pon kita boleh bawa. Kenapa boleh bawa sebabnya pembawaan cerita tadi tu lah. Contoh kata kita nak buat 7 malam, jadi malam ni kita buat scene mana je la malam ni. Haa dorang tahu part dorang jadi dorang akan tambah dialog sendiri tambah lagu apa semua. Macam sekarang ni kita cut paling simple atleast sampai kita faham jalan cerita. Sekarang kita tengok pada berapa lama organizer nak. Haa kalau dulu dia boleh lama. (Informan 3, Temu bual, 6 Ogos 2024)

Menerusi pengetahuan Informan 3, perubahan yang ketara telah berlaku antara tempoh persembahan zaman dahulu dan sekarang dalam persembahan makyung. Pada zaman dahulu persembahan makyung dipersembahkan selama satu malam, tujuh malam, dua minggu atau paling lama, adalah 40 hari berturut. Tempoh masa persembahan yang panjang disebabkan masyarakat pada zaman dahulu tidak mempunyai sebarang hiburan seperti televisyen dan juga gadget. Oleh itu, mereka menjadikan persembahan makyung sebagai salah satu hiburan atau cara mereka menghilangkan bosan. Persembahan makyung boleh dikatakan seperti drama bersiri bagi masyarakat pada ketika itu. Para pelakon akan berbincang sebelum mempersembahkan persembahan mereka pada setiap malam untuk menentukan cerita dan tempoh masa mereka melakukan persembahan. Kemudian mereka akan menyesuaikan cerita mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan. Sebagai contoh, sekiranya cerita dewa muda ingin dipersembahkan selama dua jam, mereka hanya akan melakukan lakonan selama dua jam dan

sekiranya mereka inginkan persembahan selama tujuh hari, maka para pelakon akan mengolah persembahan sehingga menjadikan persembahan tersebut selama tujuh hari. Kini, para penggiat akan memendekkan jalan cerita asalkan masyarakat memahami cerita yang ingin disampaikan. Sekiranya pihak pengurus telah menetapkan masa, pihak penggiat akan mengikut ketetapan yang ditetapkan. Perubahan yang berlaku tidak memberi kesan yang mendalam kepada seni persembahan makyung. Selagi seni persembahan ini terus dipersembahkan, ianya akan terus memberi kebaikan kepada masyarakat. Walaubagaimanapun, terdapat beberapa waktu yang tidak dibenarkan untuk mempersembahkan persembahan makyung. Kenyataan tersebut dinyatakan Informan 4,

makyung ni kita biasanya tak boleh buat pada hari-hari keagamaan macam Maulidur rasul ke apa ha itu tak boleh la. Makyung patuh syariah lagi laaa haa lagi la tak boleh kan. Ada acara-acara besar keagamaan, agama islam punya tidak dibenarkan lah. Cuma hari jumaat untuk di Kelantan hari khamis malam jumaat memang tak boleh ada acara hiburan apa pon di tempat terbuka di Kelantan ha itu enakmen hiburan Kelantan punya peraturan dia punya lah. (Informan 4, Temu bual, 10 September 2024)

Persembahan makyung kebiasaannya tidak dibenarkan untuk dipentaskan pada hari-hari keagamaan seperti Maulidur rasul atau hari-hari yang dianggap suci dalam agama Islam. Larangan ini bukan hanya untuk persembahan makyung tradisional tetapi untuk makyung patuh syariah juga. Sekiranya ada acara keagamaan yang besar yang melibatkan agama Islam, sebarang acara hiburan tidak boleh dilaksanakan di negeri Kelantan. Hal ini selaras dengan peraturan yang telah ditetapkan dalam Enakmen Hiburan negeri Kelantan. Perkara ini bagi menghormati acara keagamaan atau malam jumaat. Kerajaan negeri Kelantan juga telah menetapkan waktu yang tidak dibenarkan melakukan sebarang hiburan. Menurut Informan 5,

... rules dalam negeri Kelantan ni hari khamis malam memang kita akan start pukul 5 petang dan sehingga pukul 12 tengahari jumaat. Kita tak dibenarkan membuat sebarang persembahan dari segi bunyi ke apa memang tidak dibenarkan itu adalah enakmen negeri Kelantan... (Informan 5, Temu bual, 9 Oktober 2024)

Berdasarkan kenyataan Informan 5, pihak kerajaan Kelantan telah menetapkan larangan pada waktu malam hari khamis bermula pukul lima petang sehingga pukul 12 tengahari hari berikutnya (hari jumaat). Sekiranya berlangsung apa-apa acara, mereka tidak dibenarkan untuk membuat sebarang bunyi atau acara hiburan berdasarkan masa yang telah ditetapkan. Larangan ini dibuat bagi memastikan suasana yang tenang sepanjang malam jumaat yang dianggap suci bagi umat Islam.

4.3.4 Jenis Persembahan

Seni persembahan melibatkan pelbagai bentuk ekspresi kreatif yang melibatkan pertunjukan secara langsung di hadapan penonton. Seni persembahan membawa maksud satu konsep dan praktikal dalam tarian, muzik, drama, filem dan juga teater (Dainal, 2023). Makyung adalah persembahan yang unik kerana menggabungkan semua aspek tarian, nyanyian, lakonan dan juga muzik. Menurut Informan 4, seni persembahan makyung merupakan sebuah teater tradisional di mana:

Kita cerita dari segi sejarahnya adalah sebuah teater tradisional yang ada elemen tari, nyanyi, berlakon dan muzik dalam seni persembahan tersebut la. Dia macam teater muzikal juga tapi dalam bentuk tradisional. Dia teater muzikal ada dalam bentuk moden, pelakon nak bercakap pon menyanyi, menari ada pemuzik live (Informan 4, Temu bual, 10 September 2024)

Informan 4 berpendapat bahawa seni persembahan makyung adalah persembahan teater tradisional yang menggabungkan pelbagai elemen. Elemen yang digabungkan adalah nyanyian, lakonan, tarian dan juga muzik secara serentak dan menjadikan persembahan tersebut sebuah teater yang penuh nilai estetika. Informan juga mengaitkan makyung dengan teater muzikal moden kerana dalam persembahan makyung, pelakon boleh menyampaikan dialog dengan cara menyanyi. Pelakon juga boleh menari dan pemain muzik juga terlibat dalam persembahan secara langsung. Selain daripada Informan 4, kebanyakan informan juga memberi pendapat bahawa seni persembahan makyung adalah salah satu persembahan teater tradisional. Ini menunjukkan bahawa persembahan makyung jelas mempunyai ciri-ciri teater tradisional dalam persembahan mereka. Walaubagaimanapun, Informan 17 juga berpendapat bahawa makyung adalah persembahan seni.

...in some other point of view boleh jadi untuk art like my mom dulu dia buat in art perform diaorang persembah like ada la tema tema dia. Setiap dance tu ada tema, macam ni kalau tema ikut raja ni buat raja ni, macam tu la... (Informan 17, Temu bual, 27 Oktober 2024)

Informan 17 berpendapat bahawa seni persembahan makyung boleh dijadikan sebagai seni. Sebagai contoh, Informan 17 merujuk kepada ibunya ketika masih muda, di mana beliau telah mempersembahkan makyung sebagai persembahan seni yang di bentuk mengikut tema-tema yang telah ditetapkan. Setiap tarian dalam makyung mempunyai tema yang tersendiri. Sekiranya terdapat tema yang telah ditetapkan, mereka akan mengikut tema yang dipilih mengikut pilihan raja.

4.3.5 Struktur Persembahan Makyung Tradisional

Setiap persembahan mempunyai struktur yang unik bermula dengan bahagian yang penuh dengan adat dan kesopanan sambil mengekalkan falsafah tersendiri. Struktur sesuatu persembahan berfungsi sebagai rangka asas yang menentukan aliran, bentuk, dan kandungan persembahan tersebut. Ia memberikan panduan kepada penggiat seni bagi memastikan setiap elemen persembahan tersusun secara sistematik dan mudah difahami oleh penonton. Dalam konteks seni tradisional seperti makyung, struktur persembahan memainkan peranan penting dalam mengekalkan identiti budaya dan keaslian seni itu sendiri. Terdapat beberapa struktur dalam persembahan makyung seperti yang dinyatakan oleh Informan 3 seperti:

Okay biasa persembahan makyung dimulakan dengan mengadap rebab, lepastu dia ada nyanyian dalam bulatan, Nyanyian dalam bulatan tu biasanya akan dinyanyikan oleh tuan puteri lah, tuan puteri dan inang sebabnya biasa raja dia nak bagi tahu yang raja kan dah mengadap rebab kan dia akan cakap “ayat dalam dialek Kelantan” Sebab raja nak keluar jumpa dengan pengasuh jadi adik berpesan pada abang dia, maksudnya tuan puteri berpesan pada abangnya “silalah abe keluar tapi jangan lupa adik dalam istana” sebabtu adanya lagu dalam bulatan (Informan 3, Temu bual, 2024)

Menurut Informan 3, persembahan makyung dimulakan dengan upacara mengadap rebab. Semasa upacara mengadap rebab, raja akan keluar dan memberikan penghormatan kepada alat muzik utama persembahan makyung iaitu rebab sebagai simbolik cerita bermula. Selepas itu, nyanyian dalam bulatan kebiasaannya dilakukan oleh tuan puteri dan juga inang. Tujuan nyanyian ini adalah untuk tuan puteri berpesan kepada abangnya iaitu raja yang ingin keluar mencari pengasuh. Tuan puteri menasihati raja supaya tidak lupa adiknya yang berada di dalam istana. Persembahan makyung mempunyai tiga bahagian utama

iaitu pembukaan, pertengahan dan juga penutup (Yaacob, 2024). Semasa bahagian pembukaan, para pelakon akan memperkenalkan watak yang dipersembahkan dan latar belakang cerita yang akan dibawa. Seterusnya semasa bahagian pertengahan, perkembangan cerita akan berlaku. Perkembangan cerita bermaksud pelakon akan mula melakukan lakonan mengikut cerita yang telah mereka tetapkan. Akhir sekali adalah bahagian penutup. Para pelakon akan menutup cerita dengan persembahan tarian.

Selain itu, Zahari dan RS (2011) mengelaskan struktur makyung kepada enam bahagian iaitu buka panggung, muzik bertabuh, mengadap rebab, pakyung dan peran, lagu ela dan akhir sekali ialah tutup panggung. Manakala Jabatan Warisan Negara (2015) menyatakan struktur makyung terbahagi kepada enam iaitu buka panggung, selingan muzik, mengadap rebab, pakyung panggil peran, cerita dan upacara tutup panggung. Upacara buka panggung merupakan upacara ritual yang dilakukan oleh peran tua sebelum memulakan persembahan makyung. Informan 2 menyatakan, *“sebelum persembahan makyung di IB diaorang akan buat upacara bukak panggung lah”* (Informan 2, Temu bual, 1 Ogos 2024). Upacara ini biasa dilakukan oleh penggiat Istana Budaya. Semasa upacara buka panggung, terdapat tiga lagu yang akan dimainkan antaranya ialah kijang emas, sendayung dan juga kisah barat (Jabatan Warisan Negara, 2015). Lagu-lagu ini akan diiringi dengan upacara memuja semangat mak yung dan memuja alat muzik. Selepas upacara buka panggung selesai, para pemuzik akan naik ke atas pentas dan memulakan selingan muzik. Fungsi selingan muzik adalah bagi memastikan alat muzik berfungsi dan dalam keadaan yang baik. Selingan muzik juga adalah salah satu kaedah untuk memberitahu penonton bahawa persembahan bakal bermula (Zahari dan RS, 2011). Lagu yang dimainkan semasa selingan muzik adalah lagu sindung, lagu kijang mas dan lagu sedayung.

Menurut Jabatan Warisan Negara (2015), upacara buka panggung dan selingan muzik merupakan struktur ritual, selepas itu bermula struktur dramatik dengan upacara mengadap rebab. Rebab merupakan alat muzik utama yang

digunakan dalam persembahan makyung. Penghormatan akan diberikan kepada alat muzik, rebab dengan meletakkan alat muzik tersebut di bahagian tengah-tengah panggung sambil menyanyikan lagu pendek iaitu san gendang. Informan 2 ada menyatakan bahawa pakyung akan memegang kaki rebab seperti “*Kalau kak yana dulu tengok makyung di kampung la dulu, pakyung kan dia mesti pergi pegang kaki rebab tu*” (Informan 2, Temu bual, 1 Ogos 2024). Kenyataan Informan 2 membuktikan dalam persembahan makyung, terdapat upacara mengadap rebab dengan memberikan penghormatan kepada alat muzik tersebut. Selepas selesai nyanyian San Gendang, pakyung, makyung dan jong dondang (inang-inang) akan berdiri di dalam bulatan sambil menyanyikan lagu sendayung makyung. Pada akhir lagu, pak yung akan memerintah semua inang dan dayang untuk kembali ke istana. Susunan struktur ini juga telah dinyatakan oleh Informan 2,


Makyung ni bermaksud adalah dari bertabur, mengadap rebab, adik kabar abe disitu ada lagu sendayung makyung lepastu dia suruh adik adik dia masuk dalam istana dia nak panggil para pengasuh disitu dia akan nyanyi lagu sendayung pakyung. Ni orang panggil babak gerak ghase gorok, gasak gedegak la (Informan 2, Temu bual, 1 Ogos 2024)

Informan 2 menjelaskan bahawa struktur makyung adalah daripada bertabur atau dipanggil sebagai buka panggung. Kemudiannya diikuti dengan upacara mengadap rebab, adik kabar abe dan seterusnya babak gerak ghase gorok. Babak adik kabar abe adalah satu babak di mana para pelakon wanita akan menyanyikan lagu sendayung makyung. Apabila selesai babak sendayung makyung, pakyung akan meminta adiknya makyung masuk ke dalam istana dan pakyung akan memanggil peran dengan menyanyikan lagu sendayung pakyung. Babak sendayung pakyung dipanggil sebagai babak gerak ghase gorok atau gasak gedegak. Bermulanya babak sendayung pakyung maka berakhirilah babak mengadap rebab dan bermulalah babak peran dan juga pakyung. Struktur

seterusnya adalah lagu ela dan juga pecah cerita. Kenyataan ini dinyatakan oleh Informan 1,

Ha berlakon la tu. Lepastu gak habis pengasuh kedua tu gak, pengasuh panggil raja la pulak. Ha hok tu nak pecah cerita tu, nak pecah cerita dah tu nama raja, nama permaisuri, kalau ada anak, nama anak, lepastu nama watak watak jadi jin ke gapo .Haa sebelum pecah cerita, pecah cerita raja tu juga. Raja oyak la nama gotu nama goni (Informan 1, Temu bual, 27 Julai 2024)

Informan 1 menerangkan keadaan setelah selesai babak mengadap rebab. Apabila kedua-dua peran iaitu peran tua dan muda sudah menghadap raja, maka bermula babak pecah cerita. Semasa babak pecah cerita ini, raja akan memperkenalkan watak beliau kepada peran dan beliau juga akan memperkenalkan watak-watak yang lain. Zahari dan RS (2011) menyatakan bahawa lagu ela merupakan segmen yang menandakan bermulanya unsur dramatik dalam persembahan makyung. Mak yung dan pak yung akan memperkenalkan diri sebelum bermulanya cerita yang bakal di bawa. Berdasarkan Rajah 4.1 struktur terakhir persembahan makyung tradisional adalah upacara tutup panggung yang merupakan upacara penutup bagi persembahan makyung. Upacara ini dilaksanakan bagi berterima kasih kepada semua semangat yang ada, hantu, jembalang kerana telah menjayakan persembahan makyung tanpa gangguan pelik (Jabatan Warisan Negara, 2015).



Rajah 4.1 : Struktur Persembahan makyung tradisional

4.3.6 Elemen dalam persembahan Makyung Tradisional

Seni persembahan makyung mempunyai beberapa elemen. Menurut Yousof (2017), makyung ialah jenis teater tarian purba yang menggabungkan elemen ritual, tarian dan lakonan yang bergaya, muzik vokal dan instrumental, lagu, cerita, skrip, dan percakapan spontan. Berdasarkan sesi temu bual bersama Informan 2, beliau menyatakan terdapat empat elemen dalam persembahan makyung.

makyung ini ada beberapa elemen yang pentingkan. So orang akan cakap makyung adalah lakonan, tak. Kalau kak yana apa yang penting dalam makyung yang pertama sekali ialah muzik. Kalau tak ada muzik tak ada makyung. Yang kedua adalah lagu dan nyanyian sama juga. Yang ketiga adalah cerita yang keempat watak dan lakonan. Yang terakhir sekali barulah kak yana bubuh tarian disamping kostum la (Informan 2, Temu bual, 1 Ogos 2024)

Makyung mempunyai beberapa komponen penting yang menentukan seni persembahan ini. Elemen pertama yang dianggap paling penting ialah muzik kerana makyung tidak dapat berfungsi tanpanya. Lagu dan nyanyian adalah elemen kedua dan kedua-duanya memainkan peranan penting dalam menyampaikan cerita dan perasaan yang disampaikan dalam persembahan. Seterusnya, diikuti oleh watak dan lakonan yang berfungsi untuk menghidupkan jalan cerita, elemen cerita menjadi komponen yang menggerakkan naratif. Tarian dan pakaian menambah visual dan gaya persembahan. Kombinasi komponen ini menunjukkan keunikan dan keindahan seni makyung tradisional. Manakala Informan 4 pula berpendapat bahawa makyung mempunyai tiga sahaja elemen.

ada elemen tari, nyanyi dan berlakon dalam seni persembahan tersebut la. Itu main elemen la, elemen utama dalam seni persembahan teater tradisional makyung. Selalu orang tersalah anggap ingat makyung ni

diaorang ingat tarian sahaja, sebenarnya tarian tu hanya sebahagian dalam teater makyung tapi yang utama adalah lakonan, jalan cerita skripnya. Jadi pelakon-pelakon makyung atau penggiat makyung ni mereka kena perlu menguasai ketiga-tiga elemen tersebut. (Informan 4, Temu bual, 10 September 2024)

Seni persembahan teater tradisional makyung terdiri daripada tiga elemen utama, iaitu tari, nyanyi, dan berlakon. Elemen-elemen ini membentuk asas penting yang mencerminkan keunikan makyung sebagai salah satu warisan budaya tradisional. Walau bagaimanapun, masyarakat sering salah anggap yang makyung hanya tarian semata-mata. Hakikatnya, tarian hanyalah salah satu komponen dalam persembahan makyung. Elemen paling utama dalam seni ini adalah lakonan dan jalan cerita yang dihidupkan melalui skrip. Oleh itu, para pelakon dan penggiat seni makyung perlu memiliki kemahiran dalam menguasai ketiga-tiga elemen tersebut iaitu lakonan, nyanyian, dan tarian bagi memastikan persembahan yang berkualiti dan sesuai dengan tradisi makyung.

Antara elemen yang terdapat dalam persembahan makyung tradisional;

a) Tarian

Tarian dalam seni persembahan makyung tradisional merupakan salah satu elemen penting. Hal ini kerana tanpa tarian persembahan makyung tidak dapat dipersembahkan. Tarian dalam persembahan makyung sangat berkait rapat dengan muzik dan lakonan. Setiap pertukaran tempat pelakon akan menari dan menyanyi untuk menunjukkan pertukaran babak (Jabatan Warisan Negara, 2015). Tarian makyung juga sering dikaitkan dengan nilai estetika. Estetika tarian dalam persembahan makyung merujuk kepada keindahan gerakan yang dipersembahkan melalui tubuh badan, kegunaan ruang, tenaga, corak lantai dan masa (Jabatan Warisan Negara, 2015).

Menurut Jabatan Warisan Negara (2015) lagi terdapat enam jenis tarian dalam persembahan makyung tradisional. Setiap tarian ini mempunyai fungsi yang berbeza-beza. Antara tarian yang terdapat dalam makyung tradisional adalah tarian stok, tarian rakyat, gerak tarian, tarian berfungsi, tarian dramatik dan kirat penghabisan. Tarian rakyat merupakan tarian mengadap rebab yang merupakan tarian utama dalam persembahan makyung. Tarian mengadap rebab merupakan tarian wajib yang paling indah dan kompleks dalam seni persembahan makyung (Yousof, 2016). Seterusnya tarian rakyat merupakan tarian yang ditarikan bagi meraikan temasya atau upacara perkahwinan, pertabalan atau menyambut tetamu kenamaan. Seterusnya gerak tari merupakan tarian yang melambangkan aksi naik turun kayangan, membantung sarung badak pandai melayang atau mak rimau besar serjang kilat sejala wangi. Tarian dramatik dilakukan dalam sebahagian persembahan seperti babak pakyung berkelik dengan peran, peran tua berkelik dengan peran muda, tarian solo pakyung dan tarian solo peran. Akhir sekali ialah tarian kirat penghabisan. Tarian ini dilakukan oleh semua pelakon ketika akhir persembahan. Walaubagaimanapun, Syahirah dan Raja Halid (2020) menyatakan bahawa tarian makyung terbahagi kepada dua tarian iaitu upacara dan tarian pertunjukkan.

b) Lagu dan muzik

Persembahan makyung biasanya terdiri daripada beberapa elemen utama iaitu tarian, nyanyian, lakonan dan juga muzik. Elemen-elemen ini tidak dapat dipisahkan dalam seni persembahan makyung. Dalam persembahan makyung, lagu merupakan elemen utama kerana lagu yang menjadi penyeri dalam setiap babak. Untuk menyanyikan lagu-lagu makyung seseorang itu mestilah bijak dalam mengawal suara dan menyanyikan lagu dalam nada yang berbeza bergantung kepada situasi lakonan dan babak yang dibawa pada ketika itu (Jabatan Warisan Negara,

2015). Penyanyi utama dalam persembahan makyung ini adalah wanita walaupun membawa watak pakyung. Hal ini kerana mereka mempunyai kebolehan dalam mengawal suara dan mempunyai suara yang tinggi. Kenyataan ini selari dengan kenyataan Informan 2 di mana, “...*sedangkan makyung ni orang tahu dia nyanyian lagu tinggi. Lagu yang perlukan suara tinggi, nyaring, merdu, lenggok ada renggek...*” (Informan 2, Temu bual, 1 Ogos 2024)

Beliau menyatakan kebanyakan masyarakat mengetahui lagu makyung merupakan lagu tinggi. Kebanyakan lagu dalam makyung memerlukan suara yang tinggi, nyaring, merdu, lenggok dan juga ada renggek. Apabila seseorang itu memenuhi kriteria ini barulah persembahan tersebut dilihat menarik. Informan 2 juga menyatakan bahawa persembahan makyung ini terkenal dengan nyanyiannya yang menarik. Kenyataan tersebut adalah seperti, “... *dulu orang nak tengok makyung sebab orang nak tengok orang menyanyi sebab tu lagu penting ...*” (Informan 2, Temu bual, 1 Ogos 2024). Bagi Informan 2, lagu merupakan elemen yang penting kerana menurut beliau kebanyakan masyarakat pada zaman dahulu tertarik untuk melihat persembahan makyung kerana ingin melihat pelakon menyanyikan lagu makyung yang tinggi. Menurut Jabatan Warisan Negara (2015), selain daripada menarik minat penonton, lagu juga menjadi penyambung kepada dari satu babak ke satu babak yang lain. Lagu juga berperanan sebagai penerang kepada sesuatu babak supaya penonton dapat memahami babak tersebut dengan lebih mendalam.

Dalam persembahan makyung lagu terdiri daripada tiga kategori iaitu lagu umum, lagu menyanyi dan lagu khusus. Lagu umum merupakan lagu yang wajib dinyanyikan dalam setiap persembahan makyung. Lagu umum ini biasanya mempunyai lirik dan melodi yang seragam dan boleh dimainkan oleh setiap pemain makyung. Antara lagu umum adalah lagu

mengadap rebab, lagu sedayung makyung, lagu sedayung pakyung, lagu pakyung muda, lagu mengulit barat, lagu sindung, lagu kijang mas, lagu kisah barat, lagu barat cepat dan lagu barat anjur (Jabatan Warisan Negara, 2015). Walaubagaimanapun, Informan 2 berpendapat bahawa lagu dalam persembahan makyung terdapat lebih daripada 40 buah lagu.

Lagu pakyung, lagu mengadap rebab, lagu sedayung makyung, lagu barat anjung, barat cepat. Ni lagu basic dalam makyung. Wehhhh banyak lagu makyung. Setakat ni yang kak yana tahu dari guru guru berjumlah dalam 40 lagu. Tu pon orang tak nyanyi dah balik padi, bulu slura, dedonde imbik, dedonde lanjut, lagu jembal, lagu seri gunung, kisah barat, banyak dan lagu ni susah. Lagu ela, cagok manih, ha apa lagi hok kak yana tak ingat, susah. (Informan 2, Temu bual, 1 Ogos 2024)

Menurut Informan 2, makyung kaya dengan pelbagai lagu yang telah diwarisi daripada generasi dahulu. Beberapa lagu makyung seperti lagu pakyung, mengadap rebab, sedayung makyung, barat anjung dan juga barat cepat merupakan lagu asas dalam persembahan makyung. Informan 4 juga berpendapat bahawa terdapat lebih 40 buah lagu yang diketahui oleh beliau menurut ajaran guru-guru beliau. Walaubagaimanapun terdapat banyak lagi lagu yang belum diketahui dan tidak boleh dinyanyikan atas faktor kesukaran untuk menyanyikan lagu dan sudah tidak ada orang yang mampu menyanyikan lagu tersebut. Antara lagu yang beliau ingat adalah balik padi, bulu slura, dedonde imbik, dedonde lanjut, lagu jembal, lagu seri gunung, kisah barat, ela dan cagok manih. Cabaran dalam mengekalkan keaslian persembahan makyung bukan hanya terletak pada kaedah memeliharanya tetapi kelangsungan untuk mengingat lagu juga merupakan cabaran yang utama.

Lagu dalam persembahan makyung tidak akan dinyanyikan tanpa alunan muzik. Peralatan muzik juga merupakan perkara yang penting dalam persembahan makyung. Terdapat tiga alat muzik asas dalam seni persembahan makyung iaitu sebatang rebab (tali tiga), sepasang tetawak atau gong dan sepasang gendang dua muka iaitu gendang ibu dan gendang anak (Jabatan Warisan Negara, 2015). Namun begitu, terdapat alat muzik tambahan yang digunakan seperti serunai dan geduk yang digunakan semasa tarian ragam dan lagu berjalan (Zahari dan RS, 2011). Rebab adalah alat yang sangat penting dalam persembahan makyung. Rebab bukan hanya sebagai alat muzik tetapi rebab juga dianggap sebagai guru atau pembimbing dalam persembahan makyung. Hal ini kerana dalam setiap lagu, rebab akan dimainkan terlebih dahulu dan diikuti oleh alat muzik yang lain (Jabatan Warisan Negara, 2015). Gendang ibu dan gendang anak pula biasanya dimainkan oleh dua orang pemain. Pemain akan memukul bahagian depan dan belakang gendang secara bertingkat untuk menghasilkan bunyi yang selaras dengan irama lagu sambil diiringi oleh alunan rebab dan tetawak. Menurut Zahari dan RS (2011) untuk mendapatkan bunyi “duk, doh, cak, cang, tak” pada gendang ibu dan anak, memerlukan jampi dan mantera yang khusus. Seterusnya tetawak atau gong berfungsi sebagai penjaga masa. Pukulan gong menandakan permulaan dan pengakhiran lagu dan nyanyian. Selain daripada penjaga masa, gong juga berfungsi sebagai tujuan ritual. Sebelum memulakan upacara buka panggung, air akan diletakkan pada gong untuk menjadi pengantara yang menentukan bunyi dan juga penawar untuk semua pemain sekiranya berlaku sebarang kejadian (Zahari dan RS, 2011).

c) Lakonan

Dalam setiap cerita, pelakon merupakan watak yang penting dalam setiap cerita. Pelakon adalah individu yang berperanan untuk menghidupkan jalan cerita dengan membawa watak yang berkesan. Setiap

watak mempunyai peranan yang berbeza bagi menyampaikan mesej atau jalan cerita persembahan tersebut. Dalam persembahan makyung, watak terbahagi kepada dua jenis iaitu watak utama dan juga watak sampingan. Watak utama terdiri daripada pakyung, makyung, peran atau pengasuh dan dewa dewi. Manakala watak sampingan pula terdiri daripada tok wak, inang atau dayang, burung dan binatang, orang darat dan juga bota, jin, raksasa dan gergasi (Yusof, 2019). Menurut Informan 2, *“Makyung yang paling wajib sekali yang kena ada pakyung, yang kedua peran, peran tua dan peran muda penggerak cerita ni, yang ketiga makyung la dan seterusnya hak lain tu boleh ada dah”* (Informan 2, Temu bual, 1 Ogos 2024)

Informan 2 menyatakan bahawa watak yang paling wajib dalam persembahan makyung adalah pakyung, peran tua dan muda yang merupakan penggerak cerita dan akhir sekali ialah makyung. Watak watak yang lain merupakan watak sampingan yang tidak berapa penting dan sekadar menceriakan cerita tersebut. Watak utama merupakan watak yang wajib ada dalam persembahan makyung. Watak sampingan pula merupakan watak yang disesuaikan mengikut cerita yang dibawa. Watak utama dalam persembahan makyung adalah pakyung yang merupakan seorang raja atau putera. Pada zaman dahulu watak pakyung ini biasanya dimainkan oleh wanita tetapi ada juga pelakon lelaki yang memainkan watak tersebut. Pemilihan seseorang itu untuk menjadi pakyung adalah berdasarkan penampilan, keupayaan untuk menyanyi, bertindak dan juga menari (Yusof, 2019). Pakyung perlulah mahir dalam semua perkara kerana beliau merupakan watak penting dalam persembahan makyung. Kenyataan tersebut disokong oleh kenyataan daripada Informan 2 berkaitan pakyung perlu mahir dalam semua perkara.

Pakyung dulu semua boleh main alat muzik “eh iyo ko ayoh, iyo ko cik, iyo ko woa?” Atleast dia akan tahu main gong sebab macam

mana nak menyanyi dengan betul dengan baik dengan berkualiti dengan sedap kalau tak boleh main muzik kalau tak tahu pon satu alat haaa. Gong paling utama. (Informan 2, Temu bual, 1 Ogos 2024)

Menurut Informan 2, untuk memegang watak pakyung, seseorang itu perlulah memiliki bakat dalam berlakon, menyanyi dan bermain alat muzik. Kemahiran bermain alat muzik penting supaya pakyung lebih menghayati dan peka terhadap lagu dan rentak semasa persembahan dijalankan. Apabila seorang pakyung boleh bermain alat muzik seperti gong, beliau akan memahami struktur muzik dan mampu menyesuaikan nada suara dan irama nyanyian yang akan dibawa. Selain daripada boleh bermain alat muzik, untuk menjadi pakyung, seseorang itu perlu mempunyai intonasi yang bagus dan menghafal kesemua cerita makyung. Berdasarkan kenyataan daripada Informan 5, *“Dia kita kena pandai boleh nyanyi. Dia kena boleh menyanyi dia kena ada intonasi yang bagus. Lagi satu dia kena hafal semua cerita cerita. Cerita makyung”* (Informan 5, Temu bual, 9 Oktober 2024).

Untuk menjadi seorang pakyung bukan hanya boleh menyanyi tetapi seseorang itu perlu mahir beberapa elemen yang lain. Pakyung yang hebat merupakan pakyung yang boleh menyanyi dan juga mempunyai intonasi yang bagus. Pakyung perlulah bijak mengawal suara untuk memastikan nyanyian yang disampaikan bukan sekadar sedap didengar tetapi mampu menyampaikan dan maksud cerita kepada penonton. Selain itu, pakyung juga perlulah menguasai semua cerita yang terdapat dalam makyung tradisional. Hal ini penting bagi memastikan persembahan tersebut dapat disampaikan dengan sempurna tanpa gangguan kesalahan babak atau kesalahan dialog. Oleh itu syarat menjadi pakyung seseorang itu perlulah menguasai pelbagai aspek persembahan makyung.

Watak makyung pula merupakan watak utama wanita dalam persembahan makyung tradisional. Watak makyung terbahagi kepada dua sebagai permaisuri (makyung) dan juga puteri (puteri makyung). Watak makyung ini hanya dimainkan oleh wanita dan tidak boleh dimainkan oleh lelaki. Untuk menjadi makyung, seseorang itu perlulah mempunyai kriteria sama seperti pakyung iaitu boleh menyanyi, menari dan juga berlakon. Seterusnya adalah watak peran. Terdapat dua jenis watak peran iaitu peran muda dan peran tua. Peran tua dan muda merupakan orang perantara dalam persembahan makyung yang akan menyampaikan nasihat atau pakar rujuk dan pantang larang adat istiadat istana (Tahir, 2009). Hal ini turut disokong dengan pendapat daripada Informan 5, *“So peran akan menambahkan lagi dari segi orang kata menguatkan nasihat-nasihat tu lagi. Sebab peran tua ni dia iq dia tinggi, dia kena seorang yang orang kata kan berpengalaman”* (Informan 5, Temu bual, 9 Oktober 2025).

Peranan peran tua bukan hanya untuk menghiburkan dengan jenaka tetapi peran tua juga berfungsi sebagai penyampai mesej atau pengajaran dalam sesebuah cerita. Untuk memegang watak peran seseorang itu perlu mempunyai pemikiran yang tinggi dan luas untuk memastikan nasihat yang ingin disampaikan itu difahami oleh penonton. Yousof (2019) mengatakan bahawa peran tua dianggap sebagai orang yang menjaga cerita dan mempunyai pengetahuan tentang mantera. Persembahan makyung tradisional menunjukkan keunikan seni dan budaya melalui kepelbagaian watak dan penglibatan pelakon lelaki dan wanita dalam satu persembahan. Penglibatan pelakon lelaki dan wanita dalam persembahan makyung telah menyebabkan pementasan tersebut dapat disampaikan dengan lebih menarik. Persembahan ini bukan hanya mampu menyampaikan persembahan dengan menarik tetapi menggambarkan hubungan sosial yang harmoni dalam kehidupan masyarakat.

d) Cerita

Makyung merupakan seni persembahan teater yang kaya dengan pelbagai cerita. Setiap cerita yang disampaikan mempunyai mesej, nilai dan pengajaran yang tersendiri. Makyung mempunyai 12 jenis cerita dan semua cerita ini bercerita tentang pengembaraan dewa dewa, putera dan juga peristiwa ghaib (Yousof, 2019). Pernyataan ini selari dengan kenyataan yang dinyatakan oleh Informan 2. Menurut beliau,

Setakat ni yang diketahuinya ada 12 cerita utama la. Lepastu mungkin ada ada lagi cerita pokok macam sindung. Sindung bukan dalam cerita utama cerita ranting. Macam wayang kulit la juga ha tapi yang kita pakai lagi dalam buku dia tulis pasal cerita 12 ni la dewa muda, dewa kecil, raja sakti, raja muda lembe, raja besar ho gading, anak raja gonde, batak raja gonde yang 12 cerita la...
(Informan 2, temu bual, 1 Ogos 2024)

Informan 2 menyatakan bahawa makyung mempunyai 12 jenis cerita utama iaitu Dewa Muda, Dewa Kecil, Raja Sakti, Raja Muda Lembe, Raja Besar Ho Gading, Anak Raja Gonde dan Batak Raja Gonde. Cerita-cerita tersebut merupakan cerita utama dalam persembahan makyung. Selain cerita utama, makyung juga mempunyai cerita ranting yang bermaksud cerita sampingan sebagai contoh Sindung. Informan 2 memberi perumpamaan dengan menyerupakan cerita makyung dengan wayang kulit yang mempunyai cerita utama dan cerita pokok. Kenyataan ini disokong oleh Informan 3 dan juga Informan 4 yang juga menyatakan bahawa makyung mempunyai 12 jenis cerita utama. Walaubagaimanapun, Informan 3 menyatakan tentang penggunaan nama dewa dalam cerita makyung.

Hurm kalau cerita-cerita makyung ni kalau yang betul-betul utama ada 12 cerita petuak atau cerita utama dalam makyung ni la. Dewa muda, dewa perchil, Dewa Indera Andera Dewa, Dewa Panah haa tu lah ada 12 cerita, cerita-cerita pokok. Dalam setiap cerita ni walaupun dok sebut sebut dewa ni bukan mengenai cerita dewa di atas kayangan, itu nama nama raja dalam cerita-cerita makyung. Sebenarnya cerita-cerita yang ni sama je berkisahkan Masyarakat diantara raja dengan rakyat dari segi haa dia ada plot-plot dia.. (Informan 3, Temu bual, 6 Ogos 2024)

Informan 3 berpendapat bahawa terdapat 12 jenis cerita utama atau cerita petuak dalam persembahan makyung tradisional. Antara cerita yang disenaraikan oleh Informan 3 adalah *Dewa Muda, Dewa Perchil, Dewa Indera Andera Dewa* dan *Dewa Panah*. Walaupun nama cerita merujuk kepada dewa tetapi ia sebenarnya adalah gelaran bagi raja raja dalam kisah makyung. Istilah dewa pada tajuk cerita makyung bukan merujuk kepada dewa kayangan. Cerita ini juga menceritakan tentang kehidupan masyarakat dan raja di satu kawasan. Antara senarai cerita yang terdapat dalam persembahan makyung adalah Dewa Muda, Dewa Pecil atau Dewa Samadaru, Dewa Indera Indera Dewa, Dewa Panah atau Anak Raja Panah, Anak Raja Gondang, Gading Bertimang, Raja Tangkai Hati, Raja Muda Lakleng, Raja Muda Lembek, Raja Besar Dalam Negeri Ho Gading dan akhir sekali Endeng Tejeli (Yousof, 2019). Kesemua cerita yang dinyatakan dalam makyung tradisional boleh dipersembahkan. Pernyataan ini dinyatakan oleh Informan 4, *“kalau macam makyung asli kita boleh je mainkan semua cerita dalam satu persembahan tu...”* (Informan 4, Temu bual, 10 September 2024). Dalam persembahan makyung tradisional, kesemua cerita tidak mempunyai sebarang masalah untuk dipersembahkan. Hal ini kerana struktur yang diamalkan merupakan bentuk asal persembahan. Penglibatan pelakon lelaki dan wanita juga merupakan salah satu aspek dalam seni persembahan makyung.

e) Pakaian

Pakaian memainkan peranan dalam seni persembahan. Pakaian bukan hanya dilihat dari segi nilai estetik pakaian juga menjadi salah satu faktor untuk menyampaikan identiti seseorang dalam satu persembahan. Menurut Jabatan Warisan Negara (2015) persembahan makyung mengalami evolusi dalam aspek pemakaian. Sebelum tahun 1900 pakaian makyung tidaklah secantik dan sehebat pada hari ini. Apabila persembahan makyung semakin mendapat perhatian masyarakat, pemakaian makyung telah diubahsuai menjadi lebih cantik untuk pakaian persembahan (Zahari dan RS, 2011). Menurut pernyataan Informan 2,

Makyung dulu ore tino (orang perempuan) akan pakai baju kebaya, kalau mok ine (mak inang) dia akan pakai baju kebaya juga tapi dia tak boleh melebihi cantik kebaya tuan puteri. "La" ni hanya di pakai oleh pakyung sahaja, pakyung muda atau anak raja selepas tu. (Informan 2, Temu bual, 1 Ogos 2024)

Persembahan makyung pada zaman dahulu hanya memakai pakaian tradisional seperti baju kebaya untuk watak wanita. Mok inang yang berperanan sebagai pengasuh atau pembantu makyung juga akan memakai baju kebaya tetapi baju kebaya yang dipakai tidak boleh terlalu menyerlah atau melebihi kecantikan baju makyung atau Tuan Puteri. Hiasan seperti La kebiasaannya dipakai oleh pakyung sahaja. Tidak kira sama ada pakyung tua atau pakyung muda, mereka akan memakai La. Perubahan pakaian ini juga telah dinyatakan oleh Informan 3, beliau menyatakan:

Kalau zaman dulu dan sekarang beza. Sebab kalau main makyung pada zaman dulu dia tak adalah kena spesifik kena pakai kalau raja kena pakai baju songket ke apa tu. Tidaklah songket tapi dia

ada beza cara pakaian tu la. Kalau raja dia ada pakai tanjak, kena pakai baju. Baju ada yang berkemban di dada, lepastu dia pakai sampin dan seluar. Dan biasanya baju dan seluar dia colour lain-lain. Kalau baju dia warna cream seluar dia warna hijau ke sampin dia pon akan contra dengan colour baju bukan kata sama semua dari atas sampai bawah. Ha itu zaman dulu, kalau macam puteri zaman dulu ada yang pakai baju kebaya, inang-inang pon pakai baju kebaya. Peran-peran pakai baju biasa, sebab dia hamba raja. Ha Perempuan pakai baju kebaya lepastu ada yang mungkin ada yang berkemban pada masa tu. Tapi yang akak tahu bila ada kumpulan sri temenggung pada masa tu mok ciksue, Khadijah Awang Sri Temenggung dia menaikkan balik makyung jadi dia ubah sedikit cara pakaian tu dia bagi cantikkan sikit sebabnya nak dipersembahkan bukan sekadar di dalam bangsal tetapi juga dipentaskan jadi dia buatlah baju pakyung tu baju batik ataupun kalau baju songket sekali pon baju yang senada warna baju atas dengan seluar. Sampin bersampin songket ha. Tanjak tu dia tukar kepada yang lebih cantik dengan ada manik-manik, labuci dan lebih nampak cantik. Kalau zaman dulu dia simple lah sebab zaman dulu kan dia tak ada lah kata macam sekarang. Lepastu ada tujuh jurai itu sama. Satu lagi macam pakaian tuan puteri atau pon inang-inang ni ditukar pakai baju berkemban, pakai La atau pelapik dada, lepastu pakai kain ha macam tu. Jadi dia berubah sikit la cara pemakaian daripada kita tahu yang asal. Itu bila adanya Kumpulan Sri Temenggung yang di bawah Puan Khatijah Awang atau maknya ciksue. Dia nak bagi Nampak cantik haa makyung tu dipentaskan dipersembahkan lah. (Informan 3, Temu bual, 6 Ogos 2024)

Berdasarkan kenyataan daripada Informan 3, beliau menyatakan bahawa pakaian dalam persembahan makyung telah mengalami perubahan yang sangat ketara. Pada zaman dahulu pakaian setiap watak tidaklah terlalu spesifik mengikut hiasan yang telah ditetapkan. Sebagai contoh untuk watak raja akan memakai tanjak, baju biasa atau yang berkemban di atas dada, sampin dan seluar. Warna baju, seluar dan sampin tidak boleh sama dari atas sampai bawah, pakaian perlulah ada warna kontra. Bagi puteri dan inang pula mereka akan memakai baju kebaya. Ada juga wanita yang akan berpakaian berkemban untuk menunjukkan kesederhanaan dalam pakaian pada masa itu. Manakala watak peran yang merupakan hamba raja akan memakai pakaian biasa. Namun sejak kemunculan kumpulan Sri Temenggung yang diketuai oleh Khadijah Awang yang merupakan mak kepada cik Sue, beliau telah mengambil langkah untuk mengangkat kembali seni makyung dan melakukan perubahan pada seni persembahan ini dengan mencantikkan pakaiannya supaya boleh dipersembahkan di pentas dan bukan hanya di bangsal. Pakaian pakyung telah diubah menggunakan kain batik atau kain songket dengan warna yang sama antara baju dan seluar. Untuk sampin pula mereka akan mencari sampin yang bersesuaian supaya nampak lebih elegan. Tanjak juga dihias dengan manik-manik dan labuci untuk dilihat lebih menarik dan cantik. Untuk pakaian tuan puteri dan inang juga diubah dengan mewujudkan pelapik dada (la) bagi menutup pakaian berkemban. Perubahan ini bertujuan untuk mencantikkan lagi persembahan makyung apabila dipentaskan di persada dunia.

f) Buka panggung

Kehidupan masyarakat melayu pada zaman dahulu banyak dipengaruhi oleh alam persekitaran. Menurut Yatim (2015), masyarakat pada masa lampau menjadikan alam sebagai sumber pengetahuan yang membantu mereka mempelajari dan mengembangkan pemikiran untuk

mempertahankan kelangsungan hidup. Kebanyakan persembahan masyarakat pada zaman dahulu seperti makyung, mek mulung, boria dan wayang kulit mempunyai unsur-unsur ritual. Menurut Ghouse dan Nasaruddin (2000), pengurusan tradisional makyung memperlihatkan bahawa persembahan makyung ini telah menggabungkan unsur adat animisme, ajaran islam dan kepercayaan hindu dalam persembahan tersebut.

Salah satu elemen yang dilaksanakan dalam persembahan makyung ialah upacara buka panggung atau dipanggil baca kenduri. Upacara ritual seperti buka panggung, tutup panggung, memujuk angin dan semah angin adalah salah satu adat yang dimiliki oleh orang Melayu (Jabatan Warisan Negara, 2015). Buktinya dapat dilihat daripada Informan 2, *“Istana Budaya (IB) dan Akademik Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) masih lagi mengekalkan upacara bukak panggung jadi diaorang sebelum student exam dekat ASWARA dan juga sebelum persembahan makyung di IB diaorang akan buat upacara bukak panggung lah”* (Informan 2, Temu bual, 1 Ogos 2024). Pernyataan beliau membuktikan bahawa adanya upacara buka panggung dalam persembahan makyung.

Dalam upacara buka panggung terdapat beberapa perkara yang mereka lakukan. Menurut Jabatan Warisan Negara (2015) ritual buka panggung ini lebih fokus kepada bacaan jampi atau mantera. Bacaan jampi atau mantera tersebut seperti doa untuk mereka mohon kelancaran dan menghindarkan sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku. Di dalam upacara buka panggung tersebut, terdapat juga beberapa bacaan dan mantera seperti yang dinyatakan oleh Informan 5: *“ASWARA la ada buat buka panggung, ada ritual baca-baca mantera apa semua”* (Temu bual, 9 Oktober 2024). Informan 5 memberitahu bahawa di Akademik Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) terdapat elemen buka

panggung dan juga aktiviti ritual seperti baca mantera dan sebagainya. Informan 2 juga ada menyatakan tentang bacaan dalam upacara buka panggung.

Upacara bukak panggung tu biasa dia akan ada bacaan. Dia dipanggil bertabik la antara pemain rebab dan juga tok teri. Selalu dia akan minta jaga pakyung, pelakon-pelakon, pemuzik selamat tak ada apa cende ko apo semasa persembahan ha tu je dia minta. Lepastu dia akan ada la hidangan dia dan dia akan di sudut persembahan. Kak yana lupa menghala ke arah timur ke barat...
(Informan 2, Temu bual, 1 Ogos 2024)

Daripada pernyataan tersebut membuktikan bahawa dalam upacara buka panggung, terdapat bacaan tertentu yang dikenali sebagai bertabik yang merupakan acara ritual antara pemain rebab dan tok teri. Fungsi upacara buka panggung ini adalah untuk mengelakkan sebarang malapetaka kepada pakyung, pelakon dan juga pemuzik. Dalam upacara buka panggung juga terdapat hidangan khas yang disediakan di satu sudut persembahan. Walaupun begitu Informan 2 tidak pasti hidangan tersebut diletakkan menghala ke arah timur atau barat. Selain daripada elak daripada malapetaka, Informan 1 berpendapat bahawa tujuan buka panggung juga adalah untuk menarik minat orang.

...zaman dulu tu ada la demo menuntut, nak tubik pon demo baca, nak main pon demo baca. Macam kata baca tu bukan pelik apa pon, kade baco untuk ore tu minat. Maso dulu dia main tiket, dia main tiket dia nak orang minat ke panggil ore gapo ke, dia baca la nak bagi cantik dia bila ore pandang tu “ouhh comey” ha nak pikat ore. Tu jah bacaan dia tak dok gapo...

[zaman dahulu ada la mereka belajar, nak keluar pon mereka baca, nak main pon mereka baca. Bila kata baca tu bukan untuk apa pon, kadang baca untuk orang minat. Masa dulu persembahan secara tiket, dia main tiket dia nak orang minat atau orang panggil apa, dia baca nak bagi cantik bila orang pandang tu macam “ouhh cantiknya’ haa nak pikat orang. Tu je, bacaan dia tak ada apa pon] (Informan 1, Temu bual, 21 Julai 2024)

Menurut Informan 1, pada zaman dahulu, para penggiat mempelajari ilmu buka panggung ini. Mereka sering menggunakan bacaan tersebut apabila ingin keluar dan juga ingin mempersembahkan persembahan. Menurut informan lagi, amalan bacaan ini bukanlah sesuatu perkara yang asing bagi masyarakat pada zaman dahulu untuk dilakukan. Fungsi amalan ini juga adalah untuk menarik minat orang ramai menonton persembahan makyung dan juga menyerlahkan kecantikan atau daya tarikan persembahan. Disebabkan oleh keperluan untuk menarik perhatian orang ramai dan meningkatkan jualan tiket, masyarakat menggunakan mantera sebagai salah satu cara untuk menarik minat penonton. Dalam sesi temu bual bersama Informan 3, beliau juga memberikan pendapat tentang upacara buka panggung yang berfungsi sebagai persembahan berlangsung dengan baik.

... bukak panggung ni mungkin ada sedikit bacaan mohon untuk dilancarkan persembahan tu sepanjang persembahan jangan ada apa-apa gangguan daripada luar. Semoga persembahan tu berjalan dengan lancar, pelakon boleh berlakon dengan baik, audience semua dapat aaa apa tu menerima dengan baik cerita yang ingin disampaikan haa gitu je biasa bukak panggung. Cuma dia ada bacaan dia mungkin, kita tak tahu, saya tak tahu bacaan dia apa la, orang kata mantera apa semua sebenarnya tak ada Cuma bacaan dan doa mohon dipermudahkan urusan sepanjang persembahan tu

and then akan ada ni lah beras kunyit tu haa kita tabur merata tempat la bagi tiada apa-apa gangguan lain. Sebab bila kita bawa cerita makyung ni kita ada bawa pelbagai watak. Diantara watak-watak tu kita ada watak jin, jadi takut ada terlekat di pelakon ke apa. Jadi kita minta supaya dielakkan gangguan-gangguan itulah... (Informan 3, Temu bual, 6 Ogos 2024)

Upacara buka panggung biasanya dimulakan dengan bacaan doa untuk memohon kelancaran majlis sepanjang persembahan berlangsung. Hal ini bertujuan agar pelakon dapat membuat persembahan dengan baik sepanjang persembahan berlangsung dan pengunjung yang hadir dapat menerima persembahan tersebut dengan positif. Informan 3 berpendapat bacaan tersebut bukanlah mantra tetapi ianya merupakan doa untuk mempermudah urusan. Semasa upacara bukak panggung juga beras kunyit akan ditabur di sekeliling kawasan persembahan untuk mengelakkan gangguan makhluk halus. Bagi Informan 3 juga upacara ini penting kerana persembahan makyung melibatkan pelbagai watak termasuklah watak jin yang berkemungkinan akan mengganggu pelakon atau sesiapa sahaja yang menonton dan terlibat dalam persembahan makyung. Informan 5 pula menyatakan bahawa terdapat sajian semasa upacara buka panggung tersebut berlangsung.

Dia sebutkan bacaan bacaan mantra itu ada bercanggah la dengan islam. Ada ayat ayat mantra tersebut lepastu dia ada sajian-sajiannya. Sajian-sajian yang di baca bacaan yang di baca kenduri dia baca mantra itu dia ada sajian-sajian dia ada pulut kuning, bunga melur lepastu dia ada apa apa semua tu lah. Benda-benda tu dalam islam sebenarnya tak boleh kan seolah macam kita menjamu kepada sesuatu. Walaupun sebenarnya metaforanya perlambangannya kepada benda lain. Tetapi

Masyarakat secara luar dia tengok “eh tak boleh ni” dia benda-benda yang menimbulkan fitnah itu tak perlu. (Informan 5, Temu bual, 9 Oktober 2024)

Terdapat unsur dalam makyung yang bercanggah dengan ajaran agama islam terutamanya berkaitan bacaan mantera dan sajian tertentu. Semasa upacara buka panggung terdapat beberapa sajian yang disediakan seperti pulut kuning, bunga melur dan beberapa lagi. Dalam konteks agama Islam, sajian dan bacaan ini dilihat seolah menyerupai tindakan menjamu sesuatu entiti yang tidak dibenarkan. Perkara ini juga menimbulkan perspektif negatif kepada masyarakat walaupun metaforanya dalam konteks seni dan budaya adalah lain. Menurut Shafii (2004), sajian yang disediakan semasa upacara buka panggung adalah kepala nasi, pisang, kain kuning serta bunga melur di dalam tetawak. Perkara ini dilakukan bagi menampilkan nilai estetika dalam persembahan tersebut.

4.4 Makyung Patuh Syariah

4.4.1 Proses Wujudnya Makyung Patuh Syariah

Persembahan makyung merupakan persembahan yang sangat mementingkan elemen tradisional. Setelah sekian lama diharamkan dan mendapat desakan daripada pihak Pertubuhan Pendidikan, Kebudayaan dan Saintifik Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO), pihak kerajaan negeri Kelantan dan beberapa pihak yang bertanggungjawab telah mengambil inisiatif dengan mewujudkan semula makyung. Walaubagaimanapun, pihak kerajaan negeri kelantan telah meletakkan beberapa syarat sebelum membenarkan semula persembahan makyung di persembahkan di negeri Serambi Mekah tersebut. Berdasarkan Informan 4 menyatakan,

... saya di Istana Budaya aaa berpandangan bahawa makyung perlu kembali semula ke Kelantan dalam bentuk yang baru supaya dia selari dengan Enakmen Hiburan Kelantan. Macam mana nak bagi selari jadi perlu ada perubahan kepada enakmen tersebut atau pun perlu ada syarat-syarat yang perlu diubah mengisian ataupun bentuk makyung tu perlu diubah sedikit buat perubahan ataupun perlu dimurnikan supaya dia selari dengan enakmen hiburan Kelantan (Informan 4, Temu bual, 10 September 2024)

Informan 4 menceritakan bahawa beliau merupakan seorang kakitangan di Istana Budaya dan berpandangan bahawa seni persembahan makyung perlu dipersembahkan semula di Kelantan dalam bentuk yang baharu mengikut peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan di dalam Enakmen Hiburan Negeri Kelantan. Untuk memastikan persembahan tersebut selari dengan undang-undang yang ditetapkan, perubahan perlulah dilakukan dari segi mengubah Enakmen Negeri Kelantan atau syarat yang terdapat dalam Enakmen tersebut. Cadangan lain adalah bentuk persembahan makyung tersebut yang perlu diubah mengikut enakmen hiburan negeri Kelantan. Cadangan ini diajukan bagi membantu bagi memastikan persembahan makyung boleh dipersembahkan semula di negeri Kelantan. Informan 5 menyatakan bahawa sebelum ini pihak Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negeri Kelantan pernah membawa persembahan makyung lelaki tetapi secara tidak serius. Kenyataan ini dinyatakan oleh Informan 5 seperti:

... Wan Aqif yang mencadangkan kepada saya aa Wan Aqif masa tu dia timbalan TIC. Dia mencadangkan kepada saya untuk buat satu persembahan lelaki sahaja dalam makyung. Masa tu memang kami dah ada, memang saya dah buat satu phase bersama aa masatu Puan Rohani. Haa memang kami dah buat phase untuk patuh syariah tu aaa tapi kami sekadar macam untuk persembahan biasa, masatu persembahan Colours of Malaysia... (Informan 5, Temu bual, 9 Oktober 2024)

Dalam kenyataan tersebut Informan 5 menyatakan bahawa pada asalnya seorang rakannya yang merupakan Pengarah Pusat Informasi Pelancong bernama Wan Aqif telah mencadangkan kepada Informan 5 untuk mewujudkan satu persembahan makyung yang dianggotai oleh lelaki sahaja. Beliau juga menyatakan bahawa pada masa tersebut mereka memang sudah ada satu sesi bersama dengan Puan Rohani untuk mempersembahkan makyung yang berkonsepkan patuh syariah. Tetapi persembahan tersebut hanya persembahan biasa yang dipersembahkan semasa program Citrawarna Malaysia. Kaedah yang dilakukan oleh Informan 4 dan rakan sekerja beliau merupakan salah satu langkah yang baik untuk memastikan masyarakat luar mengenali seni persembahan makyung. Selepas wujudnya persembahan lelaki di program Citrawarna Malaysia, terdapat beberapa usaha untuk mewujudkan persembahan makyung patuh syariah. Berdasarkan kenyataan Informan 5,

... selepas dicadangkan oleh Wan Aqif so baru aa saya ajukan kepada pengarah Encik Kasim masatu pengarah Encik Kasim. Baru kami buat satu orang kata betul betul dari segi untuk membentuk aa patuh syariah punya compliance tu lah kan dari segi aspek lakonnya, dari segi skripnya, dari segi Teknik lakonannya. Macam mana gubahan apa dia punya skrip tu. Kita nak keluarkan watak watak Wanita kan watak watak macam orang kata yang ada menjurus kepada jin ke apa kita kena keluarkan kan. Nama-nama dewa tu tak boleh di guna ha so masa tu saya banyak berbincang dengan Puan Rohani Mat Zin lah aa tu tokoh makyung tu yang dulu adalah jurulatih disini... (Informan 5, Temu bual, 9 Oktober 2024)

Pernyataan dia atas menjelaskan bahawa selepas Wan Aqif mencadangkan idea tersebut, Informan 5 terus mengajukan perkara tersebut kepada Pengarah Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negara (JKKN) iaitu Encik Kasim. Selepas daripada itu baru mereka membincangkan perkara tersebut secara serius dari segi

membentuk makyung patuh syariah punya pematuhan. Antara aspek yang dilihat adalah lakonan, skrip dan teknik lakonan. Mereka membincangkan tentang bagaimana perubahan tersebut ingin dilakukan. Perkara yang mereka perlu keluarkan atau ubah seperti watak wanita, watak yang menjurus kepada jin, mengubah nama-nama cerita yang menggunakan perkataan “dewa”. Kebanyakan perbincangan dilakukan bersama dengan Puan Rohani yang merupakan tokoh makyung dan juga jurulatih di bahagian JKKN Kelantan. Selepas semua perbincangan ini selesai mereka telah melaksanakan persembahan tersebut secara kecil-kecilan. Informan 5 juga menyatakan bahawa,

... then kami cuba buat persembahan tu secara kecil sahaja dan kami pra tonton kan kepada aaa masatu Encik Kassim, arwah Encik Kassim pengarah sini dulu lah. Ha lepastu bila Encik Kassim pencen, dia pencen dan masuk pengarah Raizuli, masa tu kami tak sempat lagi angkat lagi orang kata modul yang kita buat tu. Okay. So En Raizuli mengangkat benda tu ke SUK and then berbincang dengan SUK untuk wujudkan orang kata patuh syariah. En Raizuli selepas mendapat endorsement apa semua and then kita ada buat 2 kali sesi preview lah... (Informan 5, Temu bual, 9 Oktober 2024)

Hasil daripada perbincangan, pihak Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negeri Kelantan telah mempersembahkan persembahan makyung patuh syariah secara kecil-kecilan sahaja dan mempersembahkan persembahan tersebut kepada Encik Kassim yang merupakan pengarah Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negeri Kelantan. Disebabkan modul makyung patuh syariah tidak sempat diangkat ke peringkat atas, selepas Encik Kassim pencen mereka meneruskan cadangan makyung patuh syariah ini kepada pengarah baharu yang bernama Encik Raijuli. Beliau telah mengangkat cadangan ini kepada pihak atasan iaitu Setiausaha Negeri Kelantan. Selepas berbincang dengan pihak setiausaha dan mendapat pengesahan, pihak Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negeri Kelantan diminta membuat dua kali sesi pratonton persembahan makyung patuh syariah

kepada beberapa pihak. Usaha tersebut terus berjalan sehingga berlakunya perbincangan yang melibatkan semua jabatan yang bertanggungjawab. Kenyataan tersebut daripada Informan 4,

... pada tahun 2019, awal tahun 2019 masatu Encik Raijuli yang jadi Pengarah di sana panggil saya duduk berbincang dengan Kerajaan negeri Kelantan dan juga Majlis Agama Islam dan Istiadat Kelantan, kalau tak silap masatu UMK, I tak pasti UMK ada tak dan juga Exco Kerajaan Negeri, Exco Kebudayaan la untuk bincang balik macam mana kita nak membolehkan makyung ini kembali semula... (Informan 4, Temu bual, 10 September 2024)

Beliau menyatakan pada awal tahun 2019, Encik Raijuli yang ketika itu telah menjawat jawatan sebagai Pengarah di Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negeri Kelantan, telah mengajak beberapa pihak yang terlibat dalam urusan kebudayaan di Kelantan ini untuk duduk berbincang berkaitan modul baharu yang bakal diperkenalkan. Antara jabatan yang terlibat dalam sesi perbincangan tersebut adalah Kerajaan Negeri Kelantan, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, Exco Kerajaan Negeri dan juga Exco Kebudayaan. Tujuan perbincangan dijalankan untuk mencari jalan bagi menghidupkan semula atau memperkenalkan semula makyung di negeri Kelantan. Seterusnya Informan 5 menyatakan bahawa mereka perlu mempersembahkan persembahan tersebut kepada maik. Pernyataan daripada Informan 5 lagi menyatakan, “... *Selepas dah Ada endorsement apa semua, kita diminta daripada apa, maik. Ha maik pon turut serta lah untuk ni. And then dia nak tengok dari segi skrip dan sebagainya, olahan skrip apa semua. So masatu saya dan Puan Rohani cuba buat aa ada dalam 6 eh 5 5. 5 ke 6 saya tak ingat 5 atau 6 cerita yang kita cuba ubah dia punya synopsis dulu* ”(Informan 5, Temu bual, 9 Oktober 2024)

Daripada kenyataan Informan 5, beliau menyatakan bahawa setelah mendapat pengesahan daripada pihak yang terlibat pihak JKKN bersama dengan Puan Rohani diminta untuk menyediakan beberapa elemen penting dalam proses pembaharuan makyung ini. Dalam usaha pembaharuan makyung, pihak Majlis Agama Islam dan Istiadat Kelantan (MAIK) turut terlibat dalam membantu menilai dan memberi pandangan daripada segi skrip dan olahan skrip yang telah dilaksanakan oleh pihak JKKN dan Puan Rohani. Salah satu proses yang telah dilakukan oleh Puan Rohani adalah mengubah sinopsis cerita mengikut kesesuaian persembahan makyung patuh syariah. Informan 5 ada menyatakan lagi bahawa:

... kita cuma ubah synopsis tu supaya mengikut kesesuaian dalam patuh syariah tapi kita tak keluarkan aa orang kata tak keluar daripada misalnya aa dewa Indera Indera dewa tu. Kan ada struktur cerita dia kisah adik beradik apa semua kan. Ha apa raja besar ho gading tapi dia masih dalam konteks yang orang kata dalam cerita tu lagi. Dia tak lari aa walaupun kita keluarkan watak Perempuan tapi dia masih tak lari dari struktur cerita tu. So bila dah habis tu semua and then kita kena buat preview lepastu 2018 tu 2 kali la. Kali pertama bersama dengan Major Anizan dan ada daripada pejabat Mufti lah. Dia hantar wakil untuk tengok dan menilai and then dia setuju dengan apa yang kita buat, okay. Kita buat preview di auditorium la, ha di auditorium ni. And then masa preview kedua dia ada bagi penambahbaikan sedikit dia kata masukkan aa major anizan kata masukkan elemen-elemen aa memang dalam makyung tu ada unsur nasihat sangat bagus dia kata cuma masukkan aaa orang kata apa aaa dipanggil apa tu, Allahuakbar jap saya tak ingat. Hadis-hadis haaa hadis-hadis yang mengisahkan pasal keluarga, kan dalam citer makyung tu ada pasal keluarga, pasal adab, pasal ni, pasal unsur-unsur nasihat, pasal solat ke apa ke. Ha so kita masukkan dalam ha kena grab(masukkan) dalam tu. So bila preview kedua, bila kami dah aa masatu cerita yang kami preview tu Raja Besar Ho Gading, okay. Masa tu

kita letak Raja Besar Ho Gading, Raja Tujuh Beradik lepas tu Raja Enam beradik, kita tukar tukar la dia punya tu. Okay, so semasa preview tu kami buat apa yang dia nak and then dia bersetuju. Haa dia bersetuju lepas tu ha mulalah daripada situ so mulalah kita punya proses persembahan-persembahan di luar. Selepas mendapat endorsement daripada semua orang kata pihak Kerajaan negeri pon telah bersetuju dengan apa kita buat dengan apa orang kata mengikut syarat-syarat yang ditentukan so kita dapat la invitation daripada SUK untuk buat persembahan, daripada TIC and then masa tu dah bermulalah persembahan-persembahan poket ha persembahan ni. And then apabila Encik Raizuli pindah dan Encik Rosnan masuk and then orang kata masatu kami sangat beruntung la sebab pengarah kami pon orang Makyung masatu... (Informan 5, Temu bual, 9 Oktober 2024)

Berdasarkan Informan 5, menyatakan bahawa mereka hanya mengubah sinopsis tanpa mengubah struktur asal cerita makyung. Sebagai contoh cerita Dewa Indera Indera Dewa dan Raja Besar Ho Gading yang mengisahkan tentang adik beradik. Walaupun watak wanita dikeluarkan bagi mematuhi undang-undang hiburan negeri Kelantan akan tetapi struktur cerita masih sama seperti kisah yang asal. Setelah selesai proses mengubah struktur cerita, pada tahun 2018 pihak JKKN perlu pratontonkan persembahan makyung patuh syariah sebanyak dua kali untuk pihak tersebut melihat dan menilai sama ada persembahan tersebut diluluskan atau tidak. Sesi yang pertama diadakan di auditorium dengan kehadiran wakil Pejabat Mufti dan Major Anizan. Sesi yang kedua diadakan selepas mendapat beberapa cadangan penambahbaikan daripada major Anizan dan juga wakil pejabat mufti Kelantan. Seperti yang kita tahu, makyung mempunyai pelbagai jenis cerita dan ada cerita tentang kekeluargaan. Mereka meminta untuk memasukkan sedikit unsur-unsur nasihat seperti hadis-hadis di dalam persembahan makyung tersebut. Antara elemen nasihat adalah seperti tentang keluarga, solat dan juga adab. Semasa sesi pratonton yang kedua, pihak JKKN telah membawakan persembahan makyung patuh syariah yang bertema

Raja Besar Ho Gading atau nama baharunya ialah Raja Tujuh Beradik. Selepas selesai sesi pratonton tersebut, mereka telah bersetuju dan bermulalah proses persembahan makyung patuh syariah di luar. Semua perubahan dan teguran yang diberikan telah ditambahbaik dan disesuaikan mengikut syarat yang telah ditetapkan. Persetujuan telah dicapai selepas sesi preview memenuhi syarat dan kehendak pihak yang bertanggungjawab. Apabila telah mendapat kelulusan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) dan Tourism Information Center (TIC) telah menjemput pihak JKKN untuk membuat persembahan makyung patuh syariah. Pada masa itu telah bermulalah persembahan-persembahan yang berskala kecil atau persembahan di tempat tertentu sahaja (persembahan poket). Selesai sahaja semua proses makyung patuh syariah, Encik Rajjuli telah berpindah ke JKKN lain dan Encik Rosnan telah menggantikan beliau dengan mengambil alih jawatan pengarah di JKKN Kelantan. Pada masa itu, Informan 5 menyatakan bahawa beliau berasa sangat bersyukur dan seronok kerana mendapat seorang pengarah yang juga merupakan orang makyung. Kemasukan Encik Rosnan merupakan satu titik tolak kepada usaha untuk melestarikan makyung walaupun makyung yang dipersembahkan merupakan makyung patuh syariah.

4.4.2 Syarat wujudnya Makyung Patuh Syariah

Setelah melalui pelbagai proses dalam mewujudkan makyung patuh syariah, pada 27 Januari 2019 secara rasminya makyung patuh syariah dipertontonkan kepada masyarakat Kelantan secara terbuka (Yaacob, 2024). Menurut Informan 4, *“Patuh syariah ini hanya kita lihat dari segi konteks dia sebagai persembahan yang dibenarkan ikut enakmen hiburan Kelantan. Jadi itu adalah elemen-elemen yang dibolehkan untuk persembahan makyung dijadikan sebagai makyung patuh syariah”* (Informan 4, Temu bual, 10 September 2024). Beliau menyatakan bahawa nama patuh syariah ini diberikan berdasarkan pematuhan persembahan tersebut mengikut peraturan yang telah ditetapkan dalam enakmen hiburan negeri Kelantan. Oleh itu, elemen yang dipersembahkan dalam

persembahan makyung patuh syariah merupakan elemen yang dibenarkan. Hasil daripada perbincangan yang telah berlangsung dengan semua pihak yang berkaitan, pihak JKKN telah mengolah persembahan makyung dan mewujudkan satu persembahan yang diberi nama makyung patuh syariah.

Nama asal persembahan Makyung adalah Mak Hiang. Menurut Sripaoraya (2022), perkataan makyung berasal daripada Mak Hiang yang bermaksud menghormati atau mempercayai roh atau semangat padi. Selain itu, makyung juga dimaksudkan dengan wanita yang mulia. Perkataan Mak itu bermaksud ibu manakala perkataan hiang itu bermaksud semangat (Sripaoraya, 2022). Pertukaran nama daripada Makyung kepada Makyung patuh syariah adalah hanya untuk menunjukkan kewujudan makyung yang baharu. Informan 4 berpendapat bahawa *“Jadi secara generalnya kita tengok pelakon makyung adalah lelaki semua yang mematuhi syariah la, patuh syariah dalam konteks enakmen hiburan Kelantan bukannya kata “ouh makyung yang tak patuh syariah tu berdosa la” Tidak. Patuh syariah ini hanya kita lihat dari segi konteks dia sebagai persembahan yang dibenarkan ikut enakmen hiburan Kelantan (Informan 4, Temu bual, 10 September 2024)”*.

Informan 4 menjelaskan bahawa nama Makyung Patuh Syariah ini diberikan bukan atas dasar makyung tradisional itu berdosa kerana ada elemen seperti buka panggung atau lain-lain akan tetapi hanya ingin membezakan makyung yang telah diperbaharui mengikut syarat enakmen hiburan kelantan seperti membuang elemen buka panggung. Selain daripada pertukaran nama, untuk mewujudkan makyung patuh syariah pihak JKKN perlu membuang elemen seperti buka panggung dan cerita juga perlu diolah mengikut kesesuaian. Kenyataan ini juga dinyatakan oleh Informan 4,

untuk kita ketepikan elemen-elemen buka panggung, baca-baca mantera dan juga sebagainya. Jalan cerita juga kita rombak kalau ada unsur-unsur watak-watak jin ke, watak-watak iblis ke, watak-watak

dewa-dewa yang macam tidak sesuai dalam konteks islam sebagainya yang tidak sesuai dengan enakmen (Informan 4, Temu bual, 10 September 2024)

Dalam usaha menyesuaikan persembahan makyung dengan nilai islam, beberapa elemen tradisional perlu diketepikan. Elemen buka panggung, baca mantera dan juga watak yang berkaitan dengan jin, iblis dan dewa perlu diolah kerana dianggap tidak sesuai dengan peraturan enakmen hiburan negeri Kelantan. Perubahan ini dilaksanakan bagi memastikan persembahan makyung selaras dan mengikut peraturan yang telah ditetapkan. Selain daripada watak jin, watak wanita juga perlu dikeluarkan daripada persembahan makyung.

Jadi rombakan rombakan tersebut yang mana watak-watak yang perlu dihilangkan watak puteri tak ada, watak permaisuri tak ada, watak inang-inang tak ada. Jadi watak-watak semua lelaki anak raja, watak wak, watak apa pengasuh semua lelaki. Jadi secara generalnya kita tengok pelakon makyung adalah lelaki semua yang mematuhi syariah la (Informan 4, Temu bual, 10 September 2024)

Rombakan bukan hanya berlaku pada watak-watak seperti jin dan iblis, rombakan watak juga berlaku kepada watak wanita. Kesemua watak wanita perlu dihilangkan bagi konsep patuh syariah itu tercapai. Antara watak-watak yang dikeluarkan adalah seperti watak puteri, watak permaisuri, watak inang dan semua watak yang melibatkan kaum hawa. Hanya watak lelaki seperti anak raja, wak dan pengasuh sahaja yang dikekalkan. Perubahan ini menyebabkan seni persembahan makyung patuh syariah nampak lebih menarik dan unik. Seni persembahan makyung bukan hanya hiburan semata tetapi ia juga dianggap sebagai seni persembahan yang mempunyai nilai budaya serta unsur keagamaan yang mendalam (Yaacob, 2024). Perkara yang menyebabkan persembahan makyung patuh syariah ini nampak lebih menarik apabila diselitkan ayat alquran atau hadis pada hujung cerita. Informan 4 menyatakan bahawa

Ada ada macam dalam cerita-cerita tertentu tu kita masukkan sedikit petikan ayat alquran yang related dengan cerita tersebut. contoh lah berbuat baik sesama manusia kan jadi mungkin hadis atau ayat quran yang sesuai tu kita masukkan di akhir cerita, bukan pada dialog ye kepada tu la kita punya sarikata ke background backdrop kita punya subtitle tu kita tulis la pesanalah menurut firman apa apa semua berbaik baik dan bersangka, ada pesanan dan juga ada sama sama untuk kita hayati kepada penonton datang bukan menonton persembahan sahaja tapi pada masa yang sama mereka mendapat ilmu dan juga dakwah. (Informan 4, Temu bual, 10 September 2024)

Dalam persembahan makyung patuh syariah ada diselitkan petikan ayat alquran atau hadis yang berkaitan dengan cerita yang dibawa. Sebagai contoh sekiranya lakonan yang dipersembahkan tentang berbuat baik dengan manusia, jadi pada bahagian latar belakang pentas akan ada paparan hadis atau ayat berkaitan nilai tersebut. Petikan hadis atau al-quran tersebut tidak dimasukkan dalam dialog, tetapi diletakkan sarikata untuk memberi pesanan kepada para penonton sambil mereka menikmati persembahan makyung patuh syariah. Secara tidak langsung, para penonton akan memperoleh ilmu dan juga nilai murni yang baik. Walaubagaimanapun, persembahan makyung patuh syariah ini hanya dipentaskan di negeri Kelantan sahaja atau negeri yang mempunyai enakmen hiburan seperti Kelantan. Kenyataan ini juga dinyatakan oleh Informan 4, *“makyung patuh syariah hanya untuk negeri Kelantan sahaja atau negeri-negeri yang mempunyai enakmen hiburan yang tidak membolehkan Perempuan di pentas maka persembahan makyung patuh syariah sesuai untuk negeri-negeri yang tersebut.”*(Informan 4, Temu bual, 10 September 2024). Beliau berkata bahawa seni persembahan ini hanya di negeri-negeri yang tertentu sahaja. Persembahan ini akan dipersembahkan di negeri yang mempunyai enakmen hiburan seperti negeri Kelantan dengan larangan tidak membenarkan wanita di pentas. Sekiranya negeri tersebut tidak mempunyai enakmen tersebut, persembahan makyung

tradisional akan dipentaskan. Hal ini bagi menghormati peraturan yang telah ditetapkan oleh negeri tersebut.

4.4.3 Waktu persembahan makyung patuh syariah

Kewujudan makyung patuh syariah adalah sebagai menggantikan seni persembahan makyung tradisional yang telah diharamkan di negeri Kelantan. Makyung Patuh Syariah muncul sebagai alternatif bagi memastikan seni warisan ini dapat terus dipelihara tanpa bertentangan dengan ajaran Islam. Perkembangan seni persembahan makyung patuh syariah tidak sehebat makyung tradisional. Buat masa sekarang fokus utama persembahan makyung patuh syariah hanya untuk memenuhi keperluan acara seperti festival. Pernyataan ini dapat dibuktikan melalui kenyataan daripada Informan 4,

....Lepastu kalau patuh syariah kita buat, patuh syariah pon baru wujud je kan so waktu Festival Kebudayaan kita buat la. Kalau untuk birthday tuanku tak tau belum lagi la kan. So kita buat untuk rakyat la. Ada festival-festival budaya kita buat haa dia tidak macam regit untuk ini ja haa tak boleh. Untuk keramaian la untuk acara keramaian negeri atau negara. Tapi untuk negeri je la, kalau negara kita ikut makyung asal haaa... (Informan 4, Temu bual, 10 September 2024)

Hasil daripada kenyataan Informan 4, seni persembahan makyung patuh syariah sangat baru diperkenalkan kepada khalayak. Disebabkan persembahan ini masih baharu, persembahan ini hanya dipersembahkan pada acara festival kebudayaan atau acara keramaian dengan masyarakat. Buat masa sekarang, seni persembahan makyung masih belum dipentaskan pada upacara ulang tahun raja, tetapi untuk festival rakyat sudah dipersembahkan. Persembahan makyung tidak mempunyai batasan untuk sesuatu acara sahaja. Sekiranya ada mana-mana pihak panggil untuk membuat persembahan, pihak JKKN akan mempersembahkan sahaja persembahan tersebut. Walaubagaimanapun, persembahan makyung patuh

syariah ini hanya untuk persembahan dalam negeri sahaja. Sekiranya terdapat permintaan untuk melakukan persembahan makyung di luar negeri Kelantan, pihak JKKN akan membawa persembahan makyung yang asal, begitu juga dengan permintaan untuk melaksanakan persembahan makyung mewakili negara. Hal ini terjadi disebabkan faktor undang-undang negeri Kelantan. Informan 5 juga berpendapat bahawa seni persembahan makyung patuh syariah menerima sebarang jemputan sekiranya ada.

Cuma kita kalau jemputan tu kita buat je kalau yang nak tak ada masalah pon. Cuma nak skala kecil skala besar tu je. Sebab makyung ni kan kita boleh kita nak compress ke nak besar ke nak yang pendek ke yang panjang ke (Informan 5, Temu bual, 9 Oktober 2024)

Beliau memberi tahu bahawa, sekiranya terdapat jemputan untuk persembahan makyung patuh syariah, tidak menjadi masalah untuk mereka melaksanakan. Walaupun begitu, pihak tersebut perlu memberi tahu sama ada mereka ingatkan persembahan yang macam mana. Persembahan makyung merupakan persembahan yang fleksibel, oleh itu tidak menjadi masalah sekiranya persembahan tersebut ingin dilaksanakan secara panjang atau pendek. Kenyataan ini menunjukkan kekuatan makyung sebagai seni persembahan tradisional yang boleh disesuaikan dengan dunia moden. Dengan fleksibiliti ini, makyung kekal relevan dalam banyak acara. Ia juga menunjukkan bahawa seni boleh memenuhi pelbagai keperluan tanpa kehilangan identiti tradisionalnya.

4.4.4 Struktur Persembahan Makyung Patuh Syariah

Persembahan makyung patuh syariah masih menggunakan struktur persembahan makyung tradisional. Hal ini bagi memastikan warisan seni ini tidak hilang keasliannya walaupun ada sedikit perubahan. Struktur persembahan makyung tradisional adalah buka panggung, selingan muzik, mengadap rebab, pakyung panggil peran, cerita atau lagu ela dan akhir sekali adalah tutup

panggung. Beberapa struktur persembahan telah diubah bagi mematuhi garis panduan syariah yang telah ditetapkan di negeri Kelantan. Hal ini turut dinyatakan oleh Informan 5, *“Kita masih menjaga struktur makyung walaupun tiada ketiadaan Wanita di pentas struktur makyung tu, bertabuhnya apa apa semua kami tetap jaga. Dari segi ucapannya, ucapan-ucapan dalam makyung kita tetap maintain kita tak ubah”* (Informan 5, Temu bual, 9 Oktober 2024).

Informan 5 menyatakan bahawa persembahan makyung patuh syariah masih mengekalkan struktur asal persembahan makyung tradisional. Walaupun tiada wanita dalam persembahan, mereka masih mengekalkan struktur elemen seperti bertabuh dan juga ucapan dalam persembahan makyung. Hal ini juga telah dinyatakan oleh Informan 3 berkaitan struktur makyung patuh syariah berkurang. Pernyataan adalah seperti berikut:

Ada beza dari segi struktur je la ada berkurang lah maknanya ada benda yang tak boleh dibawa. Ada scene yang tak boleh dibawa. Maknanya isi sama, lagu masih sama, muzik masih sama, cara nyanyian masih sama tak ada beza. Tari pon macam tari mengadap rebab sama je. Cuma bezanya cerita je la. (Informan 3, Temu bual, 6 Ogos 2024)

Melalui pernyataan tersebut, beliau menyatakan bahawa struktur makyung patuh syariah berkurang daripada yang asal. Ada beberapa bahagian yang terdapat dalam struktur makyung tradisional tidak boleh dipersembahkan dalam makyung patuh syariah. Menurut beliau lagu, muzik, cara nyanyian, tarian mengadap rebab masih sama. Hanya cerita dalam makyung patuh syariah yang berbeza. Semasa sesi temu bual bersama Informan 4, beliau juga ada menyatakan tentang struktur persembahan.


Haa kalau ikut struktur asal ni, struktur sama cuma lagu lagu dikurangkan lah. Ada babak macam selalu mengadap rebab, ada tarian mengadap rebab. Ada sendayung makyung, kita tak ada sendayung

makyung sebab tak ada watak Perempuan lagu sendayung makyung ni. Lagu sendayung makyung ni sebenarnya lagu yang menceritakan seorang puteri atau permaisuri menceritakan kepada raja bahawa berpesanan dia kepada raja sebelum raja keluar pergi urusan kerja di luar dia bagi la pesanan “ingat kat adik dalam istana, kalau abang keluar jangan nak lama ingatlah”. Jadi benda tu tak perlu jadi ditiadakan untuk makyung patuh syariah. Jadi terus masuk sendayung pakyung yang pakyung akan menari sorang-sorang kat tengah tu sebelum dia pergi berjumpa dengan pengasuh tua dan pengasuh muda so ada beberapa lagu sahaja yang kita perform (Informan 4, Temu bual, 10 September 2024)

Persembahan makyung patuh syariah masih dikekalkan. Namun, terdapat beberapa elemen struktur asal yang dikeluarkan seperti lagu sendayung makyung kerana ianya dinyanyikan oleh puteri atau permaisuri yang menceritakan tentang seorang puteri berpesanan kepada raja mengenai sebelum keluar menjalankan tugas atau kerja perlulah ingat adik yang ada di rumah dan jangan keluar terlalu lama. Struktur makyung patuh syariah terus kepada babak nyanyian sendayung pakyung. Pakyung akan menari berseorangan sebelum bertemu pengasuh tua dan muda. Selepas daripada sendayung pakyung ada babak gerak pengasuh pakyung muda. Babak ini adalah babak pakyung muda bernyanyi. Walaupun begitu, Informan 4 menyatakan bahawa babak ini tidak dilaksanakan kerana kebanyakan penggiat tidak boleh menyanyikan lagu tersebut.

Gerak pengasuh tak ada. Ha sebab lagu gerak pengasuh tu tak ramai orang boleh nyanyi. Gerak pengasuh tu lagu pakyung muda dia panggil. Kalau dalam bukunya pakyung muda kalau gerak pengasuh “hey mu jaga la we wei kalau suda ni tido” (nyanyi) ha tu lagu gerak pengasuh atau lagu pakyung tapi tak ramai pakyung yang boleh nyanyi lagu tu so banyak lagu dikurangkan ditiadakan. Saya pon dah lama tak nyanyi lagu tu dah lupa dah. (Informan 4, Temu bual, 10 September 2024).

Terdapat juga struktur gerak pengasuh dalam persembahan makyung patuh syariah. Gerak pengasuh merupakan lagu yang dinyanyikan oleh pakyung muda. Walaupun lagu ini dinyanyikan oleh lelaki tetapi pada masa kini penggunaannya telah berkurang kerana kebanyakan pelakon tidak mempunyai kebolehan untuk menyanyikan lagu tersebut. Justeru, lagu ini dikeluarkan daripada persembahan makyung patuh syariah. Struktur persembahan makyung patuh syariah boleh dilihat di Rajah 4.2. Informan 4 juga menyatakan bahawa beliau juga sudah lama tidak menyanyikan lagu tersebut sehingga terlupa akan liriknya. Oleh itu, perubahan yang berlaku bukanlah satu ancaman kepada persembahan makyung tetapi merupakan satu langkah yang baik telah diambil oleh pihak Jabatan Kesenian dan Kebudayaan dalam mengekalkan warisan tersebut.



Rajah 4.2 : Struktur persembahan makyung patuh syariah

4.4.5 Elemen dalam persembahan Makyung Patuh Syariah

a) Tarian

Gerakan dalam persembahan makyung tradisional dan makyung patuh syariah adalah sama. Hal ini disebabkan persembahan makyung patuh syariah wujud daripada seni persembahan makyung tradisional. Tarian bukan sahaja berfungsi sebagai hiburan, malah tarian juga berfungsi sebagai nilai estetika yang unik. Hal ini kerana tarian mampu mewujudkan gambaran visual yang cantik dan menarik dengan gabungan

pakaian, aksesori dan muzik (Syahirah dan Raja Halid, 2020). Dalam persembahan makyung tradisional, gerakan tarian dikaitkan dengan nilai estetika. Untuk mengekalkan nilai estetika tersebut, persembahan makyung patuh syariah masih mengekalkan gerak tarian yang terdapat dalam makyung tradisional. Informan 3 menyatakan bahawa makyung patuh syariah masih mengekalkan tarian yang sama dengan makyung tradisional. Beliau menyatakan, *“Maknanya isi sama, lagu masih sama, muzik masih sama, cara nyanyian masih sama takada beza. Tari pon macam tari mengadap rebab sama je. Cuma bezanya cerita je la”* (Informan 3, Temu bual, 6 Ogos 2024).

Makyung patuh syariah tidak mengubah elemen seni persembahan makyung secara keseluruhan. Terdapat beberapa elemen yang masih dikekalkan seperti lagu, muzik, cara nyanyian dan juga tarian. Tarian mengadap rebab dalam persembahan makyung patuh syariah juga masih mengekalkan bentuk dan gerakan makyung tradisional. Namun begitu, cerita dalam makyung tradisional mempunyai sedikit perubahan mengikut kesesuaian yang telah ditetapkan. Walaupun tiada perubahan tetapi kedudukan badan agak berbeza bagi lelaki dan wanita. Kenyataan ini telah dinyatakan oleh Informan 5 seperti:

Lelaki tu kena macam Gerakan tu besar sikit la kan contohnya macam “bo wee (lirik makyung)” (sambil melakukan Gerakan) gitu la kan. Kalau macam Perempuan dia akan kendur sikit. Kalau laki dia kena sedang dada haa orang kata besarkan gerak tapi dia masih tak lari dari structure dalam makyung. Ha ye posture badan. Main character tu dia main character lah haa kita tak ubah benda tu. (Informan 5, Temu bual, 9 Oktober 2024)

Informan 5 menyatakan dalam persembahan makyung patuh syariah bahawa gerakan badan pelakon lelaki dan wanita mempunyai

sedikit perbezaan. Pelakon lelaki biasanya melakukan gerakan yang lebih besar dan bertenaga. Kedudukan badan juga perlulah tegap supaya dapat menunjukkan kepribadian mereka yang gagah perkasa. Gerakan wanita pula lebih lembut dan tidak keras. Gerakan yang lembut dapat menunjukkan sifat keayuan dan keanggunan seorang wanita. Perbezaan kedudukan badan ini tidak dianggap sebagai mengubah gerakan dalam tarian. Dalam tarian, penari lelaki sememangnya perlu berperwatakan gagah dan tegap manakala penari perempuan pula mestilah lembut gemalai untuk mewujudkan nilai estetik dalam tarian persembahan tersebut. Zinurin (2023) menyatakan bahawa tarian adalah satu seni persembahan yang melibatkan pergerakan badan, kaki dan tangan secara berirama mengikut rentak muzik yang dimainkan. Oleh itu, kedudukan badan bagi lelaki dan wanita dalam persembahan sememangnya berbeza bagi membezakan gerak tarian lelaki dan wanita.

b) Lagu dan Muzik

Elemen nyanyian dan muzik juga merupakan elemen yang tidak mempunyai perubahan dalam seni persembahan makyung patuh syariah. Lagu-lagu yang digunakan dalam persembahan makyung tradisional masih digunakan dalam persembahan makyung patuh syariah termasuklah irama, lirik dan alat muzik. Informan 3 berpendapat bahawa lagu yang digunakan dalam makyung patuh syariah masih sama dengan makyung tradisional.

Jadi dari segi struktur lagu mengadap rebab sama daripada awal sampai akhir nyanyian sama, gerak tari pon sama. Cumanya ditarikan oleh lelaki. Sama je mengadap rebab tu sama Cuma lelaki semua. Lagu mengadap rebab pon untuk memperkenalkan watak raja tu. (informan 3, Temu bual, 6 Ogos 2024)

Struktur lagu mengadap rebab persembahan makyung patuh syariah masih sama seperti makyung tradisional. Daripada awal hingga akhir lagu mengadap rebab masih sama dari segi irama, lirik, nyanyian dan juga gerak tarian. Perbezaan yang berlaku hanyalah pada pelakon yang menarik tarian mengadap rebab. Dalam persembahan makyung patuh syariah, tarian tersebut ditarikan oleh semua pelakon lelaki. Tujuan asal lagu mengadap rebab tetap dikekalkan dengan memperkenalkan watak raja sebagai watak utama dalam persembahan tersebut. Lagu yang terdapat dalam persembahan makyung sebenarnya lebih kurang sama sahaja dan perbezaannya hanyalah pada lirik lagu.. Kenyataan ini disokong oleh Informan 3 dengan menyatakan bahawa “... *kebanyakan cerita makyung ni guna nyanyian yang sama lah. Cuma lirik berbeza mengikut cerita apa yang dibawa.*” (Informan 3, Temu bual, 6 Ogos 2024).

Daripada kenyataan tersebut informan berpendapat bahawa kebanyakan cerita makyung menggunakan nyanyian yang sama tetapi mempunyai lirik yang berbeza mengikut kesesuaian cerita yang dipersembahkan. Walaupun begitu terdapat beberapa lagu yang tidak dimainkan atas faktor untuk menyesuaikan dengan cerita makyung patuh syariah. Berdasarkan Informan 5, lagu sendayung makyung tidak dinyanyikan. Seperti yang dinyatakan oleh beliau, “*Dia sama je, Cuma lagu lagu la. Macam lagu sendayung makyung tu tak kan lelaki nak menyanyi kannn so ada lagu lagu tu kita tak buat la aaa.*” (Informan 5, Temu bual, 9 Oktober 2024). Hal ini disebabkan, lagu sendayung makyung merupakan lagu untuk Tuan Puteri. Disebabkan tiada watak wanita dalam persembahan makyung patuh syariah, lagu tersebut ditiadakan. Menurut Bernama (2020), pihak Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negara menyatakan bahawa mereka masih mengekalkan pakaian dan alat muzik sama seperti persembahan sebelum ini.

c) Lakonan

Persembahan asal makyung mempunyai watak lelaki dan wanita. Pada asalnya dalam persembahan makyung terdapat beberapa watak utama seperti pakyung, makyung, peran atau pengasuh, inang, tok wak, jin atau gergasi, orang darat dan juga jong dondang. Sejak wujudnya makyung patuh syariah, beberapa watak perlu dikeluarkan supaya mengikut syarat yang telah ditetapkan dalam persembahan makyung patuh syariah dan juga enakmen negeri Kelantan. Persembahan makyung patuh syariah hanya mempersembahkan watak lelaki sahaja (Yaacob, 2024). Informan 4 menyatakan watak-watak yang terdapat dalam makyung patuh syariah adalah seperti berikut:

Senang je watak utama pakyung, ada peran ada pengasuh 2 orang ada anak raja lelaki dah cukup tu je watak utama. Yang lain lain watak sampingan tu berdasarkan cerita, ada jin ke ada gergasi ke wak nujum ke watak wak tanda raja, wak nakhoda, wak juara pemikat ke itu berdasarkan cerita dewa bertara guru ke apa semua kan itu bergantung pada cerita tetapi asalkan lelaki. Watak mak bidan tak ada, watak inang tak ada, watak puteri bota tak ada watak permaisuri tak ada. Ditiadakan dah watak tu okay. Sama je la you tengok makyung ni biasa cuma Perempuan je tak ada.
(Informan 4, Temu bual, 10 September)

Watak utama dalam persembahan makyung patuh syariah masih dikekalkan walaupun berlaku sedikit perubahan. Antara watak utama dalam makyung patuh syariah adalah pakyung, dua orang peran atau pengasuh dan juga anak raja lelaki. Watak sampingan pula dikeluarkan mengikut cerita yang ingin dibawa seperti watak jin, gergasi, wak nujum, wak tanda raja, wak nakhoda dan wak juara pemikat tetapi semua watak dibawa oleh lelaki. Watak yang dibawa oleh wanita seperti mak bidan,

inang, puteri bota dan permaisuri tidak ditampilkan bagi mematuhi prinsip patuh syariah. Informan 4 juga berkata bahawa persembahan makyung patuh syariah masih sama dengan makyung tradisional, cuma yang membezakan dua persembahan tersebut adalah ketiadaan watak yang dibawa oleh wanita. Walaupun begitu Informan 5 juga menyatakan pendapat beliau iaitu *“Kita nak keluarkan watak watak Wanita kan. Watak watak macam orang kata yang ada menjurus kepada jin ke apa kita kena keluarkan kan. Nama-nama dewa tu tak boleh di guna”* (Informan 5, Temubual, 9 Oktober 2024).

Informan 5 berpendapat dalam persembahan makyung patuh syariah, watak wanita telah dikeluarkan. Selain daripada watak wanita, watak yang menjurus kepada jin atau alam ghaib juga dikeluarkan dan nama-nama dewa yang terdapat dalam persembahan makyung tradisional tidak boleh digunakan. Kenyataan ini disokong oleh Yaacob (2024) yang menyatakan bahawa dalam persembahan makyung patuh syariah watak jin perlu dibuang dan menggantikan watak tersebut kepada gergasi. Hal ini bagi mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh kerajaan negeri Kelantan yang mengharamkan semua watak ghaib.

d) Cerita

Makyung mempunyai pelbagai cerita tradisional yang kaya dengan nilai-nilai murni. Sambil memberi hiburan kepada masyarakat, cerita juga perlu dipilih bagi memastikan persembahan yang disampaikan memberi impak positif kepada masyarakat. Makyung tradisional mempunyai 12 cerita pokok yang telah diambil dari menora atau dipinjamkan dari cerita bangsawan dan wayang kulit. Namun, terdapat empat cerita sahaja yang dibawa dalam makyung patuh syariah. Hal ini disebabkan tidak semua cerita yang terdapat dalam makyung bersesuaian dengan persembahan

makyung patuh syariah. Menurut Informan 4,

Okay kalau mengikut cerita pokok makyung atau cerita utama la, makyung ada 12 cerita pokok, kalau macam makyung asli kita boleh je mainkan semua cerita dalam satu persembahan tu tapi kalau cerita makyung patuh syariah ada cerita Dewa Indera Indera Dewa, tapi kita rombak ubah supaya watak permaisuri tak ada, ada watak inang-inang tak ada kan? Ha jadi kita rombak cerita dia jadi tajuk dia kita tukar Anak raja dua beradik. (Informan 4, Temu bual, 10 September 2024)

Terdapat 12 cerita utama dalam persembahan makyung dan kesemua cerita boleh dimainkan dalam satu persembahan. Salah satu cerita yang dipersembahkan oleh makyung patuh syariah adalah Dewa Indera Indera Dewa. Cerita ini telah diubah mengikut kesesuaian makyung patuh syariah kerana dalam makyung patuh syariah tiada watak permaisuri dan juga inang. Nama cerita juga telah dirombak daripada Dewa Indera Indera Dewa kepada Anak Raja Dua Beradik bagi bersesuaian dengan nama persembahan makyung patuh syariah. Cerita lain yang terdapat dalam persembahan makyung patuh syariah telah dinyatakan oleh Informan 5 seperti berikut:

Untuk patuh syariah saya baru buat dalam 4 je. Okay yang pertama raja dua beradik daripada dewa Indera Indera dewa. Lepastu raja panah. Okay lepastu raja besar ho gading lepastu raja Lakleng. Haa kisah anak raja tu haaa berlaga ayam. Haaaa HAHAHA last last tergadai negeri apa semua haa gi tulah. Dia mengembara, tamak punya pasal last last tergadai negeri (Informan 5, Temu bual, 9 Oktober 2024)

Berdasarkan pernyataan Informan 5, beliau baru menghasilkan empat cerita untuk makyung patuh syariah. Cerita yang pertama adalah Dewa Indera Indera Dewa yang telah ditukar kepada nama Raja Dua Beradik. Cerita seterusnya adalah Raja Panah, Raja Besar Ho Gading dan juga Raja Mudah Lakleng. Kisah raja muda lakleng adalah tentang seorang anak raja yang suka bermain laga ayam. Disebabkan ketamakan beliau, negeri mereka tergadai. Nama dalam cerita makyung patuh syariah telah diubah kerana untuk menyesuaikan tajuk persembahan dengan nama cerita. Kenyataan tersebut disokong oleh Informan 5 seperti *“tukar nama tu sebab macam dewa, Dewa Indera. Dewa tu dah melambangkan keadaan yang lainkan, so kita kena tukar kepada dua beradik. Dewa Indera Indera dewa tu adik beradik kan so kisah adik beradik...”* (Informan 5, Temu bual, 9 Oktober 2024).

Menurut Informan 4, pertukaran nama dalam cerita makyung patuh syariah disebabkan penggunaan perkataan “Dewa” yang melambangkan makhluk atau tuhan yang suci. Hal ini tidak sesuai dan tidak selari dengan nama persembahan yang diberikan iaitu makyung patuh syariah. Disebabkan perkataan dewa melambangkan maksud yang lain, pihak Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negeri menukar nama cerita dari Dewa Indera Indera Dewa kepada kisah dua beradik. Nama persembahan makyung patuh syariah merujuk kepada sesuatu persembahan yang mengikut syarat yang telah ditetapkan oleh agama Islam. Oleh itu, sekiranya nama cerita makyung tidak ditukar menyebabkan tajuk cerita kelihatan tidak selari dengan patuh syariah.

e) Skrip

Skrip merupakan salah satu elemen yang penting dalam sesuatu jalan cerita. Setiap jalan cerita mempunyai skrip untuk mengetahui isi cerita. Kisah makyung patuh syariah hanya mempunyai empat cerita. Hal

ini disebabkan, tidak semua cerita yang terdapat dalam makyung bersesuaian dengan persembahan makyung patuh syariah. Pihak Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negeri sedang berusaha untuk mengubah skrip dan struktur cerita yang lain bagi mempelbagaikan lagi kisah dalam persembahan makyung. Menurut Informan 5,

Haa kita tak ubah skrip lagi, kita cuma ubah synopsis tu supaya mengikut kesesuaian dalam patuh syariah tapi kita tak keluarkan aa orang kata tak keluar daripada misalnya aa dewa Indera Indera dewa tu. Kan ada struktur cerita dia kisah adik beradik apa semua kan. Ha apa raja besar ho gading tapi dia masih dalam konteks yang orang kata dalam cerita tu lagi. Dia tak lari aa walaupun kita keluarkan watak Perempuan tapi dia masih tak lari dari struktur cerita tu. (Informan 5, Temu bual, 9 Oktober 2024)

Daripada pernyataan yang disampaikan oleh Informan 5, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Kelantan belum mengubah skrip cerita sepenuhnya. Buat masa kini, mereka hanya mengubah sinopsis cerita supaya selaras dengan prinsip patuh syariah. Walaupun terdapat perubahan dengan mengeluarkan watak wanita dalam persembahan, tetapi struktur cerita masih dikekalkan tanpa mengubah konteks asal cerita tersebut. Sebagai contoh struktur cerita Dewa Indera Indera Dewa telah diubah disebabkan tiada watak wanita. Walaubagaimanapun, cerita ini masih mengikut struktur cerita yang asal. Informan 5 juga menerangkan tentang bagaimana pengolahan skrip dilakukan. Informan 5 turut menambah,

Misalnya raja besar ho gading, dia ada bonda kan. Haa bonda tu ala orang kata dia sampingan kuat juga bonda tu. Bonda tu macam pada masa anak dia nak keluar dia ada rasa tak sedap hati apa kan so benda-benda tu kita cuba macam kita terus masukkan kita potong yang tu kita terus masuk pada raja besar terus haa

kan. Nak berjumpa bonda ke apa kita ke next babak. And then peran tu akan jadi pencerita. “ouhhh bonda gini dah ni ku” haa kan maksudnya gitu lah maksudnya bonda tu dah pergi ni ke apa ke. Haaa peran yang akan ambik alih haaa macam gitu lah. So benda tu ada secara dialog sahaja ha tapi dia tak aktif tapi cerita tu dia masih dalam structure ha maksudnya macam babak sedih ke apa ke so kadang kadang ada aa yang sepatutnya bonda ada kat situ ke apa kita cuba elit benda tu kita bagi peran masuk dulu ke orang kampung masuk dulu ke ha so gitu lah kita akan mengikut kesesuaian cerita (Informan 5, Temu bual, 9 Oktober 2024)

Berdasarkan kisah benar Raja Besar Ho Gading, terdapat watak bonda dalam kisah ini. Watak bonda memainkan peranan yang penting juga dalam kisah tersebut. Fungsi bonda dalam kisah ini adalah untuk menasihati anaknya sekiranya beliau merasakan sesuatu yang tidak baik bakal berlaku. Apabila persembahan ini dipersembahkan dalam konteks makyung patuh syariah, pihak JKKN akan memotong babak bonda dan memfokuskan kepada watak Raja Besar. Perbualan bonda dengan Raja Besar akan diambil alih oleh peran dengan kaedah peran akan menyampaikan maklumat daripada Bonda kepada Raja Besar. Sebagai contoh, peran berdialog “Ouhh, bonda dah berpesan kepada saya ku” untuk menggambarkan situasi bonda tanpa perlu menampilkan watak tersebut. Jalan cerita masih mengikut struktur yang asal tetapi dengan kaedah penyampaian yang berbeza.

f) Pakaian

Kostum dan, pakaian dalam persembahan makyung patuh syariah tidak mempunyai sebarang perubahan. Pakaian yang dipakai oleh para pelakon masih sama. Sekiranya persembahan ini dilakonan oleh wanita pakaian yang dipakai perlulah mengikut syariat yang telah ditetapkan oleh

agama Islam. Yaacob (2024) mengatakan pakaian pakyung terdiri daripada pakaian yang indah seperti pakaian golongan istana. Pakyung diberikan tanjak dan sebilah keris yang diletakkan di pinggang. Pakyung juga diberikan rotan bera iaitu tujuh bilah rotan halus yang diikat bersama. Informan 3 turut menyatakan pemakaian makyung patuh syariah dalam sesi temu bual bersamanya seperti:

Jadi dari segi pakaian untuk tu tak ada langsung. Tapi pelakon-pelakon yang melibatkan lelaki semua ni kalau kata Pak yung lelaki, sama baju dia, baju Pak yung sama macam yang Perempuan pakai. Baju raja, sama. Baju peran, sama. Baju watak-watak lain pun sama. Tak ada masalah. Boleh. Pakaian tu tak ada yang berubah Cuma tak ada watak Perempuan dan tak ada yang melakonkan watak Perempuan dan pakai baju Perempuan pon tak ada. Hanya persembahan gitu je lah makyung patuh syariah. Watak raja peran dan juga watak watak lain tu lah yang lelaki. Pakaian dia masih lagi boleh mengikut pakaian persembahan makyung campur. (Informan 3, Temu bual, 6 Ogos 2024)

Pakaian dalam persembahan makyung masih dikekalkan seperti pakaian yang asal. Pakaian watak pakyung, raja, peran dan watak lain masih sama seperti yang digunakan dalam persembahan tradisional. Perbezaan utama antara makyung tradisional dan makyung patuh syariah hanyalah ketiadaan watak wanita dalam persembahan. Pelakon wanita tidak dibenarkan berlakon dalam persembahan makyung patuh syariah dan pakaian wanita juga tidak boleh dipakai oleh pelakon lelaki. Watak lelaki seperti raja dan peran masih mengikut etika pemakaian dalam persembahan makyung tradisional. Walaupun perbezaan yang berlaku hanya sedikit tetapi dapat dirasakan dari segi kos yang dikeluarkan.

Menurut Informan 5, kos yang digunakan agak sedikit berbanding kos persembahan makyung tradisional seperti:

Haa patuh syariah ni. Dia sama je kos antara makyung biasa dengan ni lebih kurang sama je. Mungkin dia reduce sikit la sebab Perempuan tak ada. Kalau Perempuan ni dengan ni dia dengan make upnya dengan ni apa. Yang ni patuh syariah ni dia reduce sikit lah haaa kan. (*Informan 5, Temu bual, 9 Oktober 2024*)

Kos persembahan makyung patuh syariah masih hampir sama dengan makyung tradisional tetapi mengalami sedikit pengurangan disebabkan ketiadaan pelakon wanita. Kebiasaannya persembahan yang melibatkan wanita memerlukan kos yang agak tinggi kerana pelakon wanita memerlukan persiapan tambahan seperti solekan, pakaian khusus, dan aksesori yang pelbagai. Hal ini telah menyebabkan kos yang digunakan agak tinggi berbanding dengan pelakon lelaki. Manakala pelakon lelaki pula tidak memerlukan perhiasan atau solekan yang berlebihan seperti pelakon wanita. Oleh itu perkara ini menyebabkan persembahan makyung patuh syariah mengalami pengurangan kos.

g) Buka panggung

Upacara buka panggung merupakan upacara yang wajib dijalankan dalam persembahan makyung tradisional. Sekiranya upacara itu tidak dijalankan dengan sempurna, anak-anak makyung akan mengalami kerasukan atau diganggu makhluk halus (Jabatan Warisan Negara, 2015). Walaubagaimanapun elemen buka panggung ini telah tidak dilaksanakan dalam persembahan makyung patuh syariah bagi mengikuti peraturan yang telah ditetapkan oleh kerajaan negeri Kelantan. Kenyataan ini telah dinyatakan oleh Informan 5:

Ha tak ada, kita tak ada. Bertabuh tu kita buka, buka panggung tu buat tapi kalau macam makyung kampung kampung kan dia ada buat kenduri apa semua tu kita tak ada lah. Sama juga makyung yang kita buat untuk persembahan yang ada wanita. Kita just buat yang bertabuh je gitu gitu je untuk dalam konteks persembahan. Tapi kalau makyung di kampung tu dia mula dengan kenduri dengan ni apa semua kan. Ha tu je lah. (Informan 5, Temu bual, 9 Oktober 2024)

Menurut Informan 5, persembahan makyung patuh syariah tidak melaksanakan persembahan buka panggung. Upacara bertabuh masih dilaksanakan dalam persembahan makyung patuh syariah dan upacara buka panggung juga dilaksanakan tetapi upacara baca kenduri seperti yang dijalankan di kampung tidak dilaksanakan. Upacara baca kenduri merupakan upacara membaca mantera atau ritual yang terdapat dalam persembahan makyung. Makyung patuh syariah hanya menjalankan upacara buka panggung sebagai simbolik bermulanya persembahan. Begitu juga dengan persembahan makyung tradisional yang melibatkan wanita. Pihak Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negeri Kelantan melakukan upacara bertabuh tetapi tidak memasukkan upacara baca kenduri atau elemen ritual. Di kampung upacara baca kenduri masih dijalankan tetapi apabila upacara ini ingin dipentaskan, ianya tidak sesuai.

4.4.6 Kesan Perkembangan Makyung Patuh Syariah

Kewujudan makyung patuh syariah merupakan satu usaha untuk mengembalikan seni persembahan makyung di Kelantan. Terdapat beberapa kesan positif yang dapat dilihat sejak daripada kewujudan makyung patuh syariah. Salah satu kesan yang positif adalah makyung sentiasa dipersembahkan. Kenyataan ini dapat disokong oleh Informan 2 yang menyatakan “... dari sudut positif, makyung akan dipersembahkan sokmo la tapi makyung patuh syariah la.”

(Informan 2, Temu bual, 1 Ogos 2024). Beliau berpendapat bahawa dengan wujudnya makyung patuh syariah, makyung akan sentiasa dipentaskan semula di bumi Kelantan. Ini merupakan satu langkah yang bijak untuk mengekalkan tradisi makyung yang telah diharamkan sejak tahun 1990. Selain itu, Informan 4 pula berpendapat seperti:

Lepas pada Kerajaan negeri benar buat secara terbuka dalam bentuk patuh syariah ofcourse mereka happy. Orang muda semua datang nak tengok dengan lebih dekat tetapi penggiat tak terima, menganggap itu dalam bentuk yang baru yang menutup atau mengubah keaslian asal makyung bagi pandangan penggiat la. Dan mereka tidak melihat kepada jangka masa yang panjang macam mana awareness ataupun generasi muda dapat melihat secara dekat bagi pendapatan kepada penggiat penggiat makyung yang ha pemuzik pemuzik dapat perform. Generasi muda boleh berkembang bila dia tengok tu dia berminat nak main muzik ke nak berlakon. Pelajar-pelajar sekolah dapat mengetahui “ouhhh ini makyung yang sebenarnya” sebab mereka tak boleh bayangkan makyung tu macam mana sebab tak ada peluang nak tengok makyung secara dekat secara jelas. Tapi melalui makyung patuh syariah ini lah yang perubahan dia tak banyak yang you cakap tadi tak banyak pon berubah jadi secara tak langsung memberi kesedaran ataupun awareness kepada generasi muda itu sebenarnya jangka masa panjang. (Informan 4, Temu bual, 10 September 2024)

Informan 4 memberikan pandangan mengenai kesan kewujudan makyung patuh syariah. Beliau menyatakan selepas kerajaan negeri membenarkan persembahan makyung dipersembahkan dalam bentuk yang baharu, kebanyakan masyarakat sangat gembira. Ramai golongan muda yang berminat dan hadir untuk melihat persembahan makyung patuh syariah ketika persembahan tersebut dipersembahkan. Walaubagaimanapun, para penggiat makyung tidak menerima kewujudan makyung patuh syariah kerana mereka berpendapat makyung patuh

syariah merupakan satu persembahan baharu yang telah mengubah dan menutup keaslian persembahan makyung yang asal. Bagi Informan 4, para penggiat tidak melihat dari sudut yang positif dan jangka masa yang panjang. Apabila persembahan makyung patuh syariah dipersembahkan, generasi muda dapat mendekati seni persembahan tersebut dan memberi kesedaran kepada masyarakat. Persembahan makyung patuh syariah juga dapat memberi peluang kepada para penggiat seperti pemain muzik untuk menjana sambil mengembangkan ilmu makyung kepada masyarakat. Secara tidak langsung, usaha ini dapat menarik minat generasi muda dalam mempelajari ilmu makyung. Jika sebelum ini pelajar-pelajar sekolah tidak boleh membayangkan bentuk persembahan makyung, justeru dengan adanya makyung patuh syariah mereka berpeluang untuk melihat persembahan tersebut dengan lebih dekat. Persembahan yang tidak banyak perubahan ini dapat memberi kesedaran kepada generasi muda dalam jangka masa yang panjang. Selain daripada memberi kesedaran kepada masyarakat, persembahan makyung patuh syariah juga dapat mengubah pemikiran negatif masyarakat tentang makyung. Pernyataan ini juga diungkapkan oleh Informan 4,

mereka dapat mengetahui macam mana bentuk makyung yang sebenarnya yang orang kata itu tak boleh ini tak boleh takut la sebenarnya tak ada apa pon. Makyung ni tak boleh sebab ada kerasukan la apa la semua itu tak ada dalam makyung pon rasuk rasuk semua tu. Yang mantera-mantera tu tak perlu buat pon okay tak ada masalah pon. Jadi stigma Masyarakat kita dapat pecahkan stigma yang negative, pandangan negative Masyarakat kepada makyung itu kita dapat beri pencerahan kepada Masyarakat bahawa makyung tak ada elemen ini, tak ada elemen-elemen khurafat tak ada ritual-ritual yang boleh menyebabkan orang kerasukan tak ada.. (Informan 4, Temu bual, 10 September 2024)

Beliau juga berpendapat bahawa kewujudan makyung patuh syariah memberi peluang kepada masyarakat untuk mengetahui bentuk makyung yang

sebenar. Melalui pendedahan ini, masyarakat dapat membuang tanggapan yang negatif tentang makyung tradisional seperti tanggapan masyarakat tentang adanya unsur khurafat atau elemen ritual sehingga menyebabkan kerasukan. Hal ini kerana masyarakat sering menganggap bahawa persembahan makyung boleh menyebabkan kerasukan. Kewujudan makyung patuh syariah sebenarnya ada juga memberi kebaikan kepada masyarakat seperti menarik minat generasi, memecahkan stigma masyarakat dan juga makyung sering dipersembahkan.

4.5 Adat Dan Pantang Larang

Masyarakat Melayu terkenal dengan pelbagai adat dan pantang larang. Adat merupakan sesuatu perkara yang telah dipraktikkan sejak zaman dahulu lagi yang berfungsi sebagai panduan untuk mengarahkan serta mengatur tingkah laku masyarakat (Marzali, 2012). Tujuan adat dilaksanakan untuk memastikan kehidupan pada zaman dahulu selamat, teratur dan juga harmoni. Manakala pantang larang pula bermaksud sesuatu yang tidak boleh dilakukan berdasarkan adat atau kepercayaan (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005). Seni persembahan makyung juga tidak terlepas daripada adat dan pantang larang. Menurut Informan 1, zaman dahulu makyung juga mempunyai pantang larang. Beliau menyatakan *“Dia makyung ni ada pantang larang juga kalau ore dulu. Ore dulu kalau kita nak langkah kot depan ni pon tak boleh. Pantang larang kalau nak buat tebolah-tebolah gapo tak boleh.”*[Makyung pada zaman dahulu ada pantang larang juga. Orang dulu kalau kita nak langkah depan ni pon tak boleh. Pantang larang kalau nak buat perangai tak elok tak boleh] (Informan 1, Temu bual, 21 Julai 2024)

Informan 1 menyatakan bahawa dalam persembahan makyung juga ada pantang larangnya pada zaman dahulu. Mereka yang membuat persembahan makyung tidak boleh sesuka hati melangkah ke hadapan dan mereka juga tidak dibenarkan berkelakuan tidak sopan atau perangai yang tidak elok. Hal ini menyebabkan pelakon dilihat tidak sopan dan kurang manis. Antara adat lain yang dilakukan adalah dengan memegang kaki rebab. Pernyataan ini di nyatakan oleh Informan 2. Kenyataan beliau adalah seperti *“Kalau kak yana dulu tengok makyung di kampung la dulu, pakyung kan dia mesti pergi pegang kaki*

rebab tu. Dia bukan sembah. Itulah pandangan masyarakat sekarang. Dia menganggap benda tu khurafat. Lagi , Tok guru kak yana cakap, pakyung jange tubik selagi tak bertabuh. Sebab tu kak yana lepas makeup kak yana akan duduk di bilik....” (Informan 2, Temu bual, 1 Ogos 2024).

Sebelum memulakan persembahan makyung, pakyung perlu memegang kaki rebab sebagai tanda hormat kepada alat muzik utama yang digunakan dalam persembahan makyung. Bagi Informan 2, perkara itu bukanlah bermaksud pakyung tersebut sembah kepada alat muzik rebab tetapi hanya sebagai simbolik sebelum memulakan persembahan. Informan 2 berpendapat bahawa masyarakat sering tersalah anggap dengan perkara yang dilakukan dalam persembahan makyung. Informan 2 juga menyatakan bahawa guru beliau berpesan sebelum upacara bertabuh pakyung tidak dibenarkan keluar daripada bilik dandan. Informan 2 juga menyatakan bahawa beliau kebiasaannya tidak akan keluar bilik selepas selesai bersolek sehingga tiba masa untuk persembahan. Pelakon makyung juga perlu menjaga batas antara satu sama lain. Pernyataan ini dinyatakan oleh Informan 3,

So kalau ada adegan peluk-peluk kalau lelaki dia tak boleh la peluk Perempuan. Dia kena jaga la kita bukan sama sama muhrim. Maknanya kalau Perempuan sama Perempuan, kalau watak tu raja ada adegan dia nak peluk permaisuri, anak dia yang Perempuan tak ada masalah. Sebabnya dia sama-sama Perempuan dia boleh sentuh. That's why masa tu Perempuan yang jadi raja atau pakyung. Kalau lelaki bukan mahram tak boleh sentuh dik haa tapi kita kena ingat raja dia ada 2 orang pengasuh, Pengasuh tu dua dua adalah lelaki. Okay, jadi pengasuh mestilah dia nak bergurau dengan raja dia, raja dia nak bergurau dengan dia tapi dia ada batas. Peran-peran atau pengasuh ni biasanya dia kalau nak marah ke pengasuh dia tak akan pegang tangan tak akan pegang kaki dia tapi dia akan pegang kain batik lepas yang dipakai oleh pengasuh itu. Walaupun dia nak Tarik, dia akan Tarik kain haa tu namanya menjaga batas. (Informan 3, Temu bual, 6 Ogos 2024)

Persembahan makyung amat menitikberatkan batasan pergaulan antara pelakon lebih-lebih lagi sekiranya ada adegan yang melibatkan interaksi antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram. Mereka tidak dibenarkan menyentuh antara satu sama lain termasuk adegan peluk bagi menjaga kesopanan dan mematuhi nilai agama. Jika terdapat adegan yang melibatkan perempuan sama perempuan seperti raja perempuan (pakyung) ingin memeluk isterinya atau anak perempuannya adalah dibenarkan kerana tidak melanggar batasan. Disebabkan ini jugalah watak raja sering dibawa oleh wanita demi menjaga batas pergaulan dan mudah untuk mereka berinteraksi di atas pentas. Walaubagaimanapun, watak peran akan dibawa oleh lelaki dan kebiasaannya raja perempuan (pakyung) akan menggunakan kain batik lepas sebagai simbolik dan juga menjaga batas antara mereka. Makyung bukan hanya pantang larang tetapi makyung juga mempunyai disiplin dalam persembahan. Kenyataan ini dinyatakan oleh Informan 2 seperti:

kita menari kena ikut gong tak boleh lintas gendang. Jadi mana mana kumpulan makyung dia ada style. Tapi bagi kak yana itu tidak merubah itu adalah versi dan style masing-masing melainkan lah menari salah gong ha tu salah. Selagi dia selari dengan nyanyi dan juga muzik boleh je itu adalah style masing masing (Informan 2, Temu bual, 1 Ogos 2024)

Menurut Informan 2, tarian makyung harus mengikut rentak gong dan tidak boleh melawan alunan gendang. Hal ini kerana elemen penting dalam persembahan makyung adalah keselarasan antara muzik dan nyanyian. Persembahan akan dilihat tidak cantik sekiranya tidak mengikut tempo gong dan melanggar muzik. Setiap ahli kumpulan mempunyai gaya persembahan yang tersendiri. Informan 2 berpendapat selagi tiada kesalahan gerak dan nyanyian perkara tersebut tidak menjadi satu masalah. Akhir sekali, Informan 2 menyatakan bahawa:

nak pergi mana mana ada lagu. Contoh nak pergi keluar kena susun betul betul ayat lirik jangan bertukar. Tu je la. Dia tak ada pantang larang. Orang dulu makyung dengan sekarang tak sama, orang dulu pagi petang kerja lain, malam main makyung je. Kalau macam kak yana ni kijo lagi apa lagi. Jadi energi la

kena jaga sebab cepat mengah kan. Untuk kita dewa muda berat la banyak lagi kena belajar, sudut-sudut jalan cerita. (Informan 2, Temu bual, 1 Ogos 2024)

Setiap pergerakan termasuk keluar dan masuk perlulah diiringi dengan lagu. Susunan lirik juga perlulah betul semasa persembahan dipersembahkan. Pada zaman dahulu penggiat makyung menumpukan sepenuhnya masa mereka dalam bermain makyung. Manakala masyarakat pada masa kini mereka perlu membahagikan masa antara pekerjaan asal dan latihan makyung. Hal ini menjadikan masyarakat pada masa kini mudah penat dan mereka perlu menjaga energi semasa melakukan persembahan supaya tidak mudah penat. Bagi pelakon yang membawa watak dewa muda menghadapi cabaran lebih besar kerana mereka perlu mempelajari pelbagai perkara dari pelbagai sudut.

4.6 Perbezaan Dan Persamaan Makyung Tradisional Dan Makyung Patuh Syariah

Jadual 4.6 : Perbezaan dan persamaan Makyung Tradisional dan Makyung Patuh Syariah

Sumber : Kajian Lapangan (2024)

Bil	Perkara	Makyung Tradisional	Makyung Patuh Syariah
1	Nama	Makyung asli / Makyung tradisional	Makyung patuh syariah
2	Fungsi persembahan	Hiburan dan sembuh penyakit	Hiburan sahaja
3	Negeri yang dibenarkan	Semua negeri	Hanya di negeri Kelantan
4	Pelakon	Lelaki dan perempuan	Lelaki sahaja
5	Watak	Semua watak dimainkan	Watak seperti jin, iblis, dewa dan yang melibatkan wanita tidak dimainkan
6	Lagu	Lagu yang asal	Masih menggunakan lagu asal

7	Alat muzik	Alat muzik yang sama	Masih menggunakan alat muzik yang sama
8	Gerak Tarian	Gerak tarian yang asal	Masih menggunakan gerak tarian Makyung Tradisional
9	Pakaian	Pakaian yang asal	Masih menggunakan pakaian asal
10	Cerita	Terdapat 12 jenis cerita	Empat cerita sahaja (buat masa sekarang) dan nama diubah
11	Skrip	Skrip yang asal	Mengikut kesesuaian cerita
12	Struktur	Semua struktur dimainkan	Beberapa struktur tidak dimainkan
13	Buka Panggung	Dilaksanakan	Tidak dilaksanakan
14	Mantera	Dibaca	Tidak dilaksanakan
15	Elemen keagamaan	Tidak ada	Ada elemen agama

Makyung merupakan salah satu warisan tradisional yang terdapat di Kelantan. Selepas pihak kerajaan negeri telah membenarkan semula persembahan makyung dipentaskan, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri (JKKN) Kelantan telah mewujudkan makyung patuh syariah. Walaubagaimanapun, kewujudan makyung patuh syariah mempunyai perbezaan dengan makyung tradisional atau makyung asal. Perbezaan yang berlaku dalam seni persembahan ini tidaklah banyak, akan tetapi memberi sedikit kesan kepada persembahan tersebut.

Jadual 4.6 merumuskan bahawa terdapat perbezaan dan persamaan antara makyung tradisional dan juga makyung patuh syariah. Terdapat beberapa elemen yang mempunyai perbezaan dari segi nama, tujuan persembahan, tempat persembahan, pelakon, watak, lagu, alat muzik, gerak tarian, pakaian, cerita, skrip, struktur, buka panggung, mantera dan juga elemen keagamaan. Nama asal seni persembahan yang berasal dari negeri Kelantan ini adalah makyung asli atau makyung tradisional. Selepas

seni persembahan ini dibenarkan dipentaskan semula namanya telah berubah kepada makyung patuh syariah. Selain daripada nama, fungsinya juga telah berubah. Fungsi makyung tradisional adalah sebagai hiburan dan alat menyembuh penyakit masyarakat. Akan tetapi makyung patuh syariah hanya berfungsi sebagai hiburan semata-mata. Seni persembahan makyung tradisional dipentaskan di semua negeri yang ada di Malaysia dan juga luar negara akan tetapi persembahan makyung patuh syariah hanya dipentaskan di negeri Kelantan bagi mematuhi enakmen yang telah ditetapkan.

Bagi pelakon pula, makyung tradisional melibatkan pelakon lelaki dan wanita manakala makyung patuh syariah hanya melibatkan pelakon lelaki sahaja. Semua watak dalam makyung tradisional boleh dipentaskan tanpa sebarang halangan. Untuk watak makyung patuh syariah, watak-watak yang bersifat seperti iblis, jin dan dewa tidak dibenarkan untuk dipersembahkan. Begitu juga dengan watak seperti permaisuri, puteri raja, dayang dan semua watak yang melibatkan wanita. Dari segi lagu, alat muzik, dan, gerak tarian dan juga pakaian, tiada perbezaan antara makyung tradisional dan juga makyung patuh syariah. Makyung patuh syariah masih mengekalkan perkara yang sama dalam persembahannya. Cerita pokok yang terdapat dalam makyung tradisional sebanyak 12 jenis cerita manakala setakat tahun 2024 cerita untuk persembahan makyung patuh syariah hanya 4 sahaja.

Seterusnya, dari segi skrip makyung tradisional masih menggunakan skrip yang asal. Bagi makyung patuh syariah, skripnya telah diolah mengikut kesesuaian cerita yang ingin dipentaskan. Apabila skrip telah berubah, struktur cerita juga berubah. Terdapat beberapa struktur yang telah dikeluarkan dalam makyung patuh syariah tetapi dalam makyung tradisional masih dikekalkan. Dalam persembahan makyung tradisional aktiviti seperti buka panggung dan juga mantera masih dilaksanakan dan juga diamalkan. Dalam makyung patuh syariah, buka panggung dan bacaan mantera tidak dilaksanakan. Akhir sekali adalah elemen keagamaan. Makyung tradisional tidak mempunyai elemen keagamaan tetapi dalam persembahan makyung patuh syariah ada elemen keagamaan.

4.7 Persepsi Masyarakat Terhadap Makyung Tradisional Dan Makyung Patuh Syariah

Seni persembahan makyung merupakan seni persembahan yang berasal daripada negeri Kelantan dan mempunyai peranan yang penting dalam warisan negeri Kelantan. Walaubagaimanapun, terdapat pelbagai persepsi daripada masyarakat terhadap seni persembahan ini. Persepsi merujuk kepada pandangan, rasa atau penilaian seseorang terhadap sesuatu perkara (Joanes et al., 2014). Setiap individu mempunyai penilaian atau pendapat mereka tersendiri tentang seni persembahan makyung. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, semua maklumat yang diperoleh adalah daripada responden borang soal selidik dan informan temu bual. Responden yang telah menjawab borang soal selidik yang telah diedarkan adalah seramai 420 orang. Manakala bagi informan yang telah ditemu bual adalah seramai 17 orang. Terdapat beberapa soalan berkaitan persepsi masyarakat terhadap elemen, struktur, muzik, lakonan, tarian dan juga persembahan dalam seni persembahan makyung tradisional dan juga makyung patuh syariah.

Kajian ini berpandukan skala likert lima mata dengan skala bermula dengan sangat tidak setuju (1) tidak setuju (2), tidak pasti (3), setuju (4) dan sangat setuju (5). Analisis dan pentafsiran data skala likert adalah berdasarkan bacaan purata (mean) dari Pimental (2010) iaitu 1.00 - 1.79 (sangat tidak setuju), 1.80 - 2.59 (tidak setuju), 2.60 - 3.39 (tidak pasti), 3.40 - 4.19 (setuju) dan 4.20 - 5.00 (sangat setuju). Bahagian ini membincangkan dapatan mengenai elemen yang terdapat dalam makyung.

MALAYSIA
KELANTAN

4.7.1 Persepsi Masyarakat Terhadap Elemen Yang Terdapat Dalam Makyung

Jadual 4.7 : Elemen yang terdapat dalam Makyung

Sumber : Kajian Lapangan (2024)

No	Elemen yang terdapat dalam makyung	Mean	Std
1	Elemen tarian yang terdapat dalam makyung tradisional dan makyung patuh syariah adalah sama	3.39	1.17
2	Elemen lakonan yang terdapat dalam makyung tradisional dan makyung patuh syariah adalah sama	3.39	1.11
3	Elemen muzik yang terdapat dalam makyung tradisional dan makyung patuh syariah adalah sama	3.37	1.22
4	Elemen nyanyian yang terdapat dalam makyung tradisional dan makyung patuh syariah adalah sama	3.28	1.21

Jadual 4.7 menunjukkan elemen yang terdapat dalam makyung tradisional dan makyung patuh syariah. Berdasarkan Jadual 4.7, terdapat empat pernyataan berkaitan elemen yang terdapat dalam makyung dan kesemua skor purata adalah tidak pasti atau bersifat neutral. Bagi elemen tarian yang terdapat dalam makyung tradisional dan juga makyung patuh syariah adalah sama mendapat skor tertinggi sebanyak 3.39 (SD:1.17). Selain itu, elemen kedua yang mendapat skor tidak pasti atau bersifat neutral adalah elemen lakonan yang terdapat dalam makyung tradisional dan makyung patuh syariah adalah sama (M: 3.39, SD: 1.11). Elemen yang ketiga mendapat skor tidak pasti atau bersifat neutral adalah elemen muzik yang terdapat dalam makyung tradisional dan makyung patuh syariah adalah sama (M: 3.37, SD:1.22). Akhir sekali, elemen keempat yang mendapat nilai terendah bagi skor tidak pasti atau bersifat neutral adalah elemen nyanyian yang terdapat dalam makyung tradisional dan makyung patuh syariah adalah sama (M: 3.28, SD: 1.21).

4.7.2 Persepsi Masyarakat Terhadap Struktur Yang Terdapat Dalam Makyung

Jadual 4.8 : Struktur yang terdapat dalam makyung

Sumber : Kajian Lapangan (2024)

No	Struktur yang terdapat dalam Makyung	Mean	Std
1	Struktur pecah cerita masih dipersembahkan dalam persembahan makyung tradisional dan makyung patuh syariah	3.50	1.07
2	Struktur tutup panggung atau tarian ragam masih dipersembahkan dalam persembahan makyung tradisional dan makyung patuh syariah	3.47	1.17
3	Struktur Barat dan mengenal raja masih dipersembahkan dalam makyung tradisional dan makyung patuh syariah	3.44	1.14
4	Struktur "Adik berkabar kepada abe (tarian sendayung makyung)" dipersembahkan dalam makyung tradisional	3.44	1.10
5	Struktur "Gerak Pengasuh Ghase Ghorok (sendayung pakyung)" dipersembahkan dalam makyung tradisional	3.41	1.10
6	Struktur Berkabar peran sore masih dipersembahkan dalam persembahan makyung tradisional dan makyung patuh syariah	3.39	1.11
7	Struktur Berkabar peran dua masih dipersembahkan dalam persembahan makyung tradisional dan makyung patuh syariah	3.38	1.17
8	Struktur "Gerak Pengasuh Ghase Ghorok (sendayung pakyung)" tidak dipersembahkan dalam makyung patuh syariah	3.37	1.15
9	Struktur pengasuh mencari saing masih dipersembahkan dalam persembahan makyung tradisional dan makyung patuh syariah	3.36	1.24
10	Pembukaan (lagu mengiringi pakyung masuk menyanyi lagu mengadap rebab) persembahan	3.35	1.22

	makyung tradisional dan makyung patuh syariah masih sama		
11	Persembahan mengadap rebab masih dipersembahkan dalam makyung tradisional dan makyung patuh syariah	3.34	1.17
12	Struktur "Adik berkabar kepada abe (tarian sendayung makyung)" sudah tidak dipersembahkan dalam makyung patuh syariah	3.31	1.17
13	Struktur "Gerak Pengasuh Halus Perlahan (Pakyung Muda/Kesah Barat)" tidak dipersembahkan dalam makyung tradisional dan makyung patuh syariah	3.22	1.19

Berdasarkan Jadual 4.8, terdapat beberapa struktur yang terdapat dalam makyung tradisional dan juga makyung patuh syariah. Terdapat 13 pernyataan untuk membezakan struktur makyung patuh syariah dan juga makyung tradisional. Keputusan yang diperoleh daripada masyarakat adalah setuju dan tidak pasti. Antara pernyataan yang mendapat skor purata setuju adalah ‘struktur pecah cerita masih dipersembahkan dalam persembahan makyung tradisional dan makyung patuh syariah’ dengan skor purata 3.50 (SD 1.07), ‘struktur tutup panggung atau tarian ragam masih dipersembahkan dalam persembahan makyung tradisional dan makyung patuh syariah’ dengan skor purata 3.47 (SD 1.17), ‘struktur barat dan mengenal raja masih dipersembahkan dalam makyung tradisional dan makyung patuh syariah’ dengan skor purata 3.44 (SD 1.14), ‘struktur “Adik berkabar kepada abe (tarian sendayung makyung)” dipersembahkan dalam makyung tradisional’ dengan skor purata 3.44 (SD 1.14), ‘struktur “Gerak Pengasuh Ghase Ghorok (sendayung pakyung)” dipersembahkan dalam makyung tradisional’ dengan skor purata 3.41 (SD 1.10).

Seterusnya pernyataan yang mendapat skor tidak pasti adalah struktur Berkabar peran sore masih dipersembahkan dalam persembahan makyung tradisional dan makyung patuh syariah dengan skor 3.39 (SD 1.11), struktur Berkabar peran dua masih dipersembahkan dalam persembahan makyung tradisional dan makyung patuh syariah dengan skor 3.38 (SD 1.17), ‘struktur “Gerak Pengasuh Ghase Ghorok (sendayung

pakyung)” tidak dipersembahkan dalam makyung patuh syariah’ dengan skor 3.37 (SD 1.15), ‘struktur “pengasuh mencari saing” masih dipersembahkan dalam persembahan makyung tradisional dan makyung patuh syariah’ dengan skor 3.36 (SD 1.15), ‘pembukaan (lagu mengiringi pakyung masuk menyanyi lagu mengadap rebab) persembahan makyung tradisional dan makyung patuh syariah’ masih sama dengan skor 3.35 (SD 1.22), ‘persembahan mengadap rebab masih dipersembahkan dalam makyung tradisional dan makyung patuh syariah’ dengan skor 3.34 (1.17), ‘struktur "Adik berkabar kepada abe (tarian sendayung makyung)" sudah tidak dipersembahkan dalam makyung patuh syariah’ dengan skor 3.31(SD 1.17) dan akhir sekali ‘struktur "Gerak Pengasuh Halus Perlahan (Pakyung Muda/Kesah Barat)" tidak dipersembahkan dalam makyung tradisional dan makyung patuh syariah’ dengan skor 3.22 (SD 1.19).

4.7.3 Persepsi Masyarakat Terhadap Muzik Dan Nyanyian Yang Terdapat Dalam Makyung

Jadual 4.9 : Muzik dan Nyanyian Persembahan Makyung

Sumber : Kajian Lapangan (2024)

No	Muzik dan Nyanyian Persembahan Makyung	Mean	Std
1	Alat muzik yang digunakan dalam Makyung tradisional dan Makyung patuh syariah adalah sama	3.50	1.17
2	Lagu yang terdapat dalam Makyung tradisional dan Makyung patuh syariah masih sama	3.46	1.15
3	Cara nyanyian mengikut kredabiliti pemegang watak	3.45	1.14
4	Elemen nyanyian dikurangkan dalam persembahan Makyung tradisional dan makyung patuh syariah	3.41	1.12

Jadual 4.9 menjelaskan tentang muzik dan nyanyian persembahan makyung. Responden bersetuju dengan empat pernyataan iaitu alat muzik yang digunakan dalam makyung tradisional dan makyung patuh syariah adalah sama dengan skor sebanyak 3.50 (SD 1.17), makyung tradisional dan makyung patuh syariah masih sama dengan skor purata 3.46 (SD 1.15). Cara nyanyian mengikut kredibiliti pemegang watak dengan skor purata sebanyak 3.45 (SD 1.14) dan elemen nyanyian dikurangkan dalam persembahan makyung tradisional dan makyung patuh syariah dengan skor purata 3.41 (SD 1.12)

4.7.4 Persepsi Masyarakat Terhadap Lakonan Dan Persembahan Yang Terdapat Dalam Makyung

Jadual 4.10 : Lakonan dan Persembahan Makyung

Sumber : Kajian Lapangan (2024)

No	Lakonan dan Persembahan Makyung	Mean	Std
1	Makyung patuh syariah tidak membawa watak seperti jin, iblis dan dewa	3.46	1.18
2	Sekiranya persembahan Makyung patuh syariah dipersembahkan oleh perempuan, hanya penonton perempuan sahaja dibenarkan	3.43	1.20
3	Makyung tradisional masih mempunyai watak seperti jin, iblis dan dewa	3.42	1.17
4	Watak yang dibawakan dalam persembahan Makyung tradisional adalah watak lelaki dan perempuan	3.41	1.24
5	Sekiranya persembahan Makyung patuh syariah dipersembahkan oleh lelaki, penonton lelaki dan perempuan dibenarkan	3.40	1.21
6	Watak yang dibawakan dalam persembahan Makyung patuh syariah adalah watak lelaki sahaja atau perempuan sahaja	3.38	1.18

Jadual 4.10 menunjukkan persepsi masyarakat dari segi lakonan dan persembahan makyung. Terdapat lima pernyataan yang dipersetujui oleh responden dan satu pernyataan tidak pasti. Pernyataan pertama yang dipersetujui oleh responden adalah makyung patuh syariah tidak membawa watak seperti jin, iblis dan dewa dengan skor purata 3.46 (SD 1.18). Pernyataan seterusnya yang dipersetujui oleh responden adalah mengenai pernyataan persembahan makyung patuh syariah dipersembahkan oleh perempuan, hanya penonton perempuan sahaja dibenarkan dengan skor purata 3.43 (SD1.20). Pernyataan ketiga yang dipersetujui adalah makyung tradisional masih mempunyai watak seperti jin, iblis dan dewa dengan skor purata 3.42 (SD 1.17). Pernyataan keempat adalah watak yang dibawakan dalam persembahan makyung tradisional adalah watak lelaki dan perempuan dengan skor purata 3.41 (SD 1.24) dan pernyataan akhir sekali mendapat skor setuju adalah sekiranya persembahan makyung patuh syariah dipersembahkan oleh lelaki, penonton lelaki dan perempuan dibenarkan dengan skor 3.40 (1.21). Responden kurang pasti dengan pernyataan mengenai watak yang dibawakan dalam persembahan makyung patuh syariah adalah watak lelaki sahaja atau perempuan sahaja dengan skor 3.38 (1.18).

4.7.5 Persepsi Masyarakat Terhadap Tarian Makyung

Jadual 4.11 : Tarian Persembahan Makyung

Sumber : Kajian Lapangan (2024)

No	Tarian Persembahan Makyung	Mean	Std
1	Gerak tarian yang dipersembahkan dalam makyung tradisional dan makyung patuh syariah adalah sama	3.33	1.22

Jadual 4.11 hanya mempunyai satu sahaja pernyataan yang berkaitan tarian persembahan makyung. Pernyataan tersebut mendapat skor purata tidak pasti dengan jumlah 3.33 (SD 1.22) iaitu berkaitan gerak tarian yang dipersembahkan dalam makyung tradisional dan makyung patuh syariah adalah sama.

4.7.6 Persepsi Masyarakat Terhadap Persembahan Makyung

Jadual 4.12 : Persembahan Makyung

Sumber : Kajian Lapangan (2024)

No	Persembahan Makyung	Mean	Std
1	Tiada mantera yang dibaca dalam makyung patuh syariah	3.47	1.17
2	Makyung tradisional dan makyung patuh syariah tidak dibenarkan dipersembahkan pada hari keagamaan seperti Maulidur Rasul atau hari khamis malam jumaat	3.46	1.23
3	Persembahan makyung patuh syariah dipersembahkan pada acara keramaian di Kelantan sahaja	3.45	1.18
4	Upacara buka panggung tidak dilakukan pada persembahan makyung patuh syariah	3.45	1.13
5	Persembahan makyung tradisional dipersembahkan pada Hari Ulang Tahun Raja, Musim Menuai dan juga acara keramaian	3.44	1.14
6	Pakaian dan aksesori yang di pakai oleh pelakon dalam persembahan makyung tradisional dan makyung patuh syariah adalah sama	3.44	1.14
7	Terdapat elemen keagamaan seperti mempamerkan ayat alquran yang berkaitan dengan cerita pada skrin dalam makyung patuh syariah	3.43	1.20
8	Upacara buka panggung masih dilakukan pada persembahan makyung tradisional	3.42	1.21
9	Tujuan persembahan makyung tradisional untuk perubatan dan hiburan	3.41	1.23
10	Makyung tradisional mempunyai 12 cerita utama	3.41	1.15
11	Cerita yang dipersembahkan untuk makyung	3.41	1.14

	patuh syariah hanya 4 cerita utama iaitu Dewa Indera Indera Dewa, Raja Besar Maha Gading dan Raja Panah dan Raja lakleng		
12	Mantera dibaca di dalam makyung tradisional	3.39	1.19

Persepsi masyarakat tentang persembahan makyung telah dinilai dalam jadual 4.12. Terdapat 12 pernyataan yang telah dinyatakan dalam jadual 4.12. Sebanyak 11 pernyataan yang dipersetujui responden dan satu pernyataan tidak pasti. Pernyataan yang dipersetujui responden adalah ‘tiada mantera yang dibaca dalam makyung patuh syariah’ dengan skor purata 3.47 (SD 1.17), ‘makyung tradisional dan makyung patuh syariah tidak dibenarkan dipersembahkan pada hari keagamaan seperti Maulidur Rasul atau hari khamis malam jumaat’ dengan skor purata 3.46 (SD 1.23). Pernyataan seterusnya yang dipersetujui responden adalah persembahan ‘makyung patuh syariah dipersembahkan pada acara keramaian di Kelantan sahaja’ dengan skor purata 3.45 (SD 1.18), ‘upacara buka panggung tidak dilakukan pada persembahan makyung patuh syariah’ dengan skor purata 3.45 (SD 1.13), ‘persembahan makyung tradisional dipersembahkan pada Hari Ulang Tahun Raja, Musim Menuai dan juga acara keramaian’ dengan skor purata 3.44 (SD 1.14), ‘pakaian dan aksesori yang dipakai oleh pelakon dalam persembahan makyung tradisional dan makyung patuh syariah adalah sama’ dengan skor purata 3.44 (SD 1.14). Pernyataan ketujuh yang dipersetujui responden adalah ‘terdapat elemen keagamaan seperti mempamerkan ayat alquran yang berkaitan dengan cerita pada skrin dalam makyung patuh syariah’ dengan skor purata 3.43 (SD 1.20), ‘Upacara buka panggung masih dilakukan pada persembahan makyung tradisional’ dengan skor 3.42 (SD 1.21), ‘tujuan persembahan makyung tradisional untuk perubatan dan hiburan’ dengan skor purata 3.41 (SD 1.23), ‘makyung tradisional mempunyai 12 cerita utama’ dengan skor purata 3.41 (SD 1.15) dan akhir sekali ‘cerita yang dipersembahkan untuk makyung patuh syariah hanya empat cerita utama iaitu Dewa Indera Indera Dewa, Raja Besar Maha Gading, Raja Panah dan Raja Lakleng’ dengan skor purata 3.41 (SD 1.14). Pernyataan yang mendapat skor tidak pasti pula adalah ‘mantera dibaca di dalam makyung tradisional’ dengan skor 3.39 (SD 1.19)

Dalam dapatan kajian ini, teori persepsi merupakan teori yang paling sesuai untuk digunakan bagi kajian persepsi masyarakat Bachok, Kelantan terhadap makyung tradisional dan makyung patuh syariah. Teori ini menerangkan tentang bagaimana pandangan seseorang individu terhadap sesuatu perkara atau benda. Dengan menggunakan teori ini kajian ini dapat mengenal pasti bagaimana elemen dalam makyung tradisional dan makyung patuh syariah mempengaruhi persepsi masyarakat. Teori ini juga mampu membantu pengkaji dalam membuat perbandingan terhadap pandangan masyarakat terhadap kedua-dua makyung. Berdasarkan daripada data yang diperoleh, masyarakat menerima kewujudan makyung tradisional dan makyung patuh syariah di negeri Kelantan.

4.8 Cabaran Melaksanakan Makyung

Tradisi seni persembahan Melayu merupakan seni warisan yang kaya dengan nilai seni dan identiti masyarakat melayu. Walaubagaimanapun, seni ini telah mengalami pelbagai cabaran dan transformasi seiring dengan perkembangan zaman dan pengaruh globalisasi. Informan 4 menyatakan bahawa “...*zaman Khatijah Awang ha kan Kumpulan Makyung timbul balik selepas hilang balik selepas makyung diharamkan di Kelantan pada awal 90-an. Jadi bila hilang itu makyung mati di negeri sendiri.* (Informan 4, Temu bual, 10 September 2024).

Berdasarkan pernyataan Informan 4, Khatijah Awang merupakan seorang tokoh penting dalam seni persembahan makyung. Kumpulan beliau telah wujud selepas kejatuhan seni persembahan makyung. Namun begitu, kewujudan kumpulan Khatijah Awang hanya sementara kerana pada awal 90-an seni persembahan makyung telah diharamkan oleh kerajaan negeri. Selepas daripada itu, seni persembahan makyung dianggap mati di negeri sendiri. Selepas seni persembahan makyung diharamkan, kerajaan negeri tidak memberikan galakan kepada penggiat makyung untuk terus mempersembahkan persembahan mereka. Hal ini dapat dibuktikan melalui kenyataan Informan 1,

Takdok, kerajae mano nok bui. Kerajae klate dia memang tak beri galakan dah. Pasal dia tak wi campur tino. Sikit lagi tak ada mek nisah Pok Din ni takdok dah warisan ore klate hok asli. Tu ore bagi bangsal tu satu nak jadi buat pelapih la tapi dah takdok ore nak blajar...

[tak ada, kerajaan mana nak bagi. Kerajaan Kelantan dia memang tak bagi galakan dah. Pasal dia tak bagi campur perempuan. Sikit lagi tak ada mek nisah dan Pok Din ni, tak ada dah warisan orang kelantan yang asli. Tu orang bagi bangsal tu satu untuk bagi jadi buat pelapis la tapi dah tak ada orang nak belajar..]

(Informan 1, Temu bual, 21 Julai 2024)

Melalui kenyataan Informan 1, beliau menyatakan bahawa kerajaan Kelantan tidak memberikan sokongan atau galakan terhadap seni tradisional Kelantan iaitu makyung disebabkan larangan yang dibuat oleh kerajaan negeri yang tidak membenarkan lelaki dan wanita berinteraksi dalam persembahan. Informan 1 juga ada menyatakan bahawa apabila beliau dan suaminya sudah tiada nanti mungkin selepas ini sudah tiada tokoh makyung seperti mereka yang mengetahui tentang seni persembahan makyung tradisional. Beliau juga ada menyatakan bahawa di tepi rumahnya terdapat satu bangsal yang dibangunkan sebagai usaha untuk dijadikan tempat untuk melatih pelajar yang ingin mempelajari ilmu makyung. Namun, masyarakat setempat kurang berminat untuk mempelajari seni persembahan tersebut. Selain daripada itu, kesan pengharaman persembahan makyung, banyak pengamal yang sudah berhijrah ke negeri lain. Seperti yang dikatakan oleh Informan 4,

Jadi apabila makyung tak boleh main di Kelantan, ada sebahagian pengiat-pengiat telah berhijrah ke Kuala Lumpur, ke Pulau Pinang ada yang pergi Singapore bekerja sebagai kerja kilang kerja banyak berhijrah lah. Kebanyakan yang pergi kuala lumpur tu bekerja dengan Kompleks Budaya Negara, Pemuzik Kompleks Budaya Negara, pemuzik di DBKL, pemuzik di

Petronas seni haa apa Pusat Seni Persembahan Petronas tu. (Informan 4, Temu bual, 10 September 2024).

Beliau berpendapat bahawa apabila makyung tidak boleh dipersembahkan di negeri Kelantan, separuh daripada penggiat atau pengamal makyung telah berpindah ke negeri luar dari Kelantan seperti Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan ada juga yang berpindah ke luar negara iaitu Singapore untuk bekerja di Kilang. Penggiat makyung yang berpindah ke Kuala Lumpur kebanyakannya mendapat peluang pekerjaan di institusi-institusi budaya seperti Kompleks Budaya Negara. Mereka berkhidmat sebagai pemuzik atau penghibur dalam pelbagai program seni anjuran institusi tersebut. Ada juga yang menyertai organisasi lain seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Pusat Seni Persembahan Petronas (Petronas Performing Arts Centre) untuk mereka terus aktif dalam bidang seni.

Situasi ini telah mengakibatkan penggiat di negeri Kelantan semakin berkurang. Apabila bilangan penggiat berkurang di negeri kelantan, secara tidak langsung bilangan pelapis juga berkurang disebabkan faktor hilangnya minat dalam diri generasi muda. Menurut Informan 1, *“Ada usoho jugok, tapi gak takdok ore nak ajar. Takdok murid, murid takdok. Budak-budak kot Klate lo ni dey demo dah besar habis ngaji, dia tak main goni dah dia toksey.”* [Ada usaha juga, tapi kan tak ada orang nak ajar. Tak ada murid, murid tak ada. Budak-budak dekat Kelantan sekarang ni bila mereka dah besar habis belajar dia tak main sekarang sebab dia tak nak] (Informan 1, Temu bual, 21 Julai 2024).

Berdasarkan pernyataan tersebut, informan menyatakan bahawa terdapat beberapa usaha yang telah dilakukan oleh beliau untuk memastikan ilmu makyung ini tidak dilupakan. Namun begitu, tidak ada individu yang berminat ingin mempelajari ilmu makyung. Generasi muda di Kelantan kebiasaannya apabila sudah besar dan selepas habis belajar, mereka tidak akan mempelajari ilmu makyung. Perkara ini dapat membuktikan bahawa generasi muda pada masa kini kurang minat untuk mempelajari ilmu seni persembahan makyung. Hilangnya minat generasi muda dalam seni persembahan makyung ini berpunca daripada gadget. Informan 1 juga menyatakan

bahawa “*Haaa lo ni ore tak tengok dah, ore tengok telipon dah loni. Nak tengok gapo ada dalam telipon. Nak tengok makyung, nak tengok dikir, nak tengok wayang kulit, silat semua ado dalam telipon blako.*” [Haaa sekarang ni orang tak tengok dah, orang sekarang tengok telefon dah sekarang. Nak tengok apa ada dalam telefon. Nak tengok makyung, nak tengok dikir barat, nak tengok wayang kulit, silat semua ada dalam telefon] (Informan 1, Temu bual, 21 Julai 2024).

Telefon pintar juga adalah salah satu cabaran yang menyebabkan generasi muda tidak berminat untuk mempelajari persembahan makyung. Dengan adanya telefon pintar, generasi muda mudah untuk mengakses segala perkara seperti persembahan makyung, dikir barat, wayang kulit dan juga silat. Disebabkan persembahan ini mudah diakses di telefon pintar, generasi muda berpendapat bahawa tiada kepentingan untuk mereka mempelajari seni persembahan tersebut. Selepas sekian lama makyung diharamkan pihak Jabatan Kebudayaan dan Kesenian negeri Kelantan telah mewujudkan persembahan makyung patuh syariah. Walaubagaimanapun, persembahan ini tidak diterima oleh pihak pengamal. Pernyataan ini dapat disokong dengan kenyataan daripada Informan 4 “*...penggiat tak terima, menganggap itu dalam bentuk yang baru yang menutup atau mengubah keaslian asal makyung bagi pandangan penggiat la..*” (Informan 4, Temu bual, 10 September 2024). Informan 4 menyatakan bahawa pihak pengamal atau penggiat tidak menerima persembahan makyung patuh syariah. Hal ini disebabkan mereka menganggap bahawa kewujudan persembahan makyung patuh syariah telah mengubah identiti sebenar seni tradisional tersebut. Kekurangan sokongan daripada penggiat menyebabkan seni persembahan makyung sukar untuk terus berkembang dan diketahui oleh masyarakat. Menurut Bernama (2019), para penggiat tidak boleh menjadikan peraturan sebagai satu halangan tetapi mereka perlu lebih kreatif dengan peraturan yang telah ditetapkan. Informan 5 menyatakan bahawa walaupun sudah wujudnya makyung patuh syariah, persembahan tidak sering diadakan.

Macam di Kelantan pon walaupun dah wujud patuh syariah tapi persembahan tu orang kata jarang jarang sekali dapat tengok haa sebab orang yang di luar dia tak tahu pemuliharaan tu ada tapi di pandangan mata dorang benda tu dah tak

ada, itu yang jadinya hampir pupus la ini lah itu lah. Biasalah macam tu lah kan. Lagi satu penggiat pon orang kata pemain rebab tinggal berapa je sekarang yang boleh main rebab. Yang boleh jadi peran betul betul peran hanya berapa orang boleh bawak character peran sebetul betulnya peran. (Informan 5, Temu bual, 9 Oktober 2024)

Menurut Informan 5, walaupun telah wujudnya makyung patuh syariah, persembahannya jarang dapat disaksikan oleh masyarakat. Hal ini menyebabkan masyarakat tidak nampak usaha pemuliharaan yang sedang dijalankan, kemudian beranggapan bahawa makyung sudah pupus dan sebagainya. Ketiadaan pemain muzik rebab yang mahir juga merupakan satu cabaran melestarikan makyung. Hanya beberapa orang sahaja lagi yang boleh bermain rebab dan juga hanya beberapa orang sahaja yang mampu membawa watak peran dengan sebaik mungkin. Untuk membawa watak peran seseorang itu perlu mahir dalam pelbagai aspek, kerana tanggungjawab sebagai peran ini sangat besar. Kekurangan tenaga mahir akan menimbulkan masalah yang besar dalam melestarikan seni persembahan makyung dan makyung patuh syariah. Cabaran yang terakhir ialah apabila mengalami kekangan dalam memperkenalkan makyung. Kenyataan ini dinyatakan oleh Informan 3,

Cabaran dia itulah sebab tak boleh buat persembahan so susah la untuk kita nak bagi generasi baru ni kenal. Dan kalau dalam institusi pon susah la untuk kita nak perkenalkan sedangkan tidak mendapat sambutan yang baik dekat sini. Tapi cabaran tu agak susah untuk kita nak menyebarkan ilmu la sebab negeri Kelantan pon kita nak tengok persembahan makyung pon susah. Tak banyak persembahan makyung. Jadi susah kita nak perform. Kalau kita buat persembahan juga nanti kita kena saman dik. Ha kena saman la sebab kita tak boleh buat persembahan kat luar secara terbuka. Cabarannya untuk orang yang nak mengajar (Informan 3, Temu bual, 6 Ogos 2024)

Cabaran utama dalam memperkenalkan persembahan makyung kepada generasi baharu. Para penggiat tidak dibenarkan untuk membuat persembahan dan perkara ini

menyukarkan generasi muda untuk mengenali seni persembahan tersebut. Di institusi pendidikan, usaha memperkenalkan makung tidak mendapat sambutan oleh para pelajar dan hal ini menyebabkan perkara tersebut menjadi semakin sukar. Negeri kelantan juga jarang mempersembahkan persembahan makyung sehingga menyebabkan perkembangan persembahan ini terbatas. Sekiranya persembahan dijalankan, terdapat beberapa risiko seperti tindakan undang-undang iaitu disaman oleh pihak berkuasa. Perkara ini menjadi satu cabaran yang besar kepada para pengamal yang ini menyebarkan ilmu makyung.

4.9 Pelestarian Persembahan Makyung

Selepas kerajaan negeri membenarkan persembahan makyung dipersembahkan, beberapa langkah pelestarian telah dilaksanakan bagi mengembalikan persembahan makyung dan memperkenalkan persembahan ini di seluruh dunia. Abd Azis (2021) menyatakan bahawa kita perlulah mencari cara yang lain daripada yang lain untuk melestarikan seni persembahan supaya seni tradisi ini tidak berada pada takuk yang lama. Namun, usaha yang dilakukan perlu mendapat bantuan, sokongan, pandangan dan juga pengurusan daripada semua pihak (Abd Azis, 2021).

4.9.1 Langkah Melestarikan Makyung Tradisional

Kajian ini berpandukan skala likert lima mata dengan skala bermula dengan sangat tidak setuju (1) tidak setuju (2), tidak pasti (3), setuju (4) dan sangat setuju (5). Analisis dan pentafsiran data skala likert adalah berdasarkan bacaan purata (mean) iaitu 1.00 - 1.79 (sangat tidak setuju), 1.80 - 2.59 (tidak setuju), 2.60 - 3.39 (tidak pasti), 3.40 - 4.19 (setuju) dan 4.20 - 5.00 (sangat setuju) (Pimental, 2010). Bahagian ini membincangkan berkaitan dapatan mengenai langkah melestarikan makyung tradisional

Jadual 4.13 : Langkah Melestarikan Makyung Tradisional

Sumber : Kajian Lapangan (2024)

No	Langkah Melestarikan Makyung Tradisional	Mean	Std
1	Mempromosikan persembahan makyung tradisional melalui platform media sosial	3.97	1.17
2	Menyediakan dana, tempat latihan dan platform untuk mempersembahkan makyung tradisional	3.89	1.17
3	Menjadikan makyung tradisional sebagai pendidikan formal di sekolah atau di institusi pendidikan	3.86	1.28
4	Mengkomersialkan persembahan makyung tradisional melalui aktiviti kebudayaan	3.86	1.11
5	Mengadakan kerjasama dengan universiti atau agensi untuk mempromosikan makyung tradisional	3.83	1.29
6	Mendokumentasikan persembahan makyung tradisional bagi memperkenalkan makyung tradisional	3.75	1.13
7	Mengadakan bengkel, seminar atau ceramah tentang makyung tradisional	3.72	1.23

Berdasarkan jadual 4.13, terdapat tujuh pernyataan berkaitan langkah melestarikan makyung tradisional. Responden bersetuju dengan semua pernyataan yang dinyatakan dalam borang soal selidik seperti mempromosikan persembahan makyung tradisional melalui platform media sosial dengan purata sebanyak 3.97 (SD: 1.17), menyediakan dana, tempat latihan dan platform untuk mempersembahkan makyung tradisional dengan purata 3.89 (SD:1.17), membantu pengamal dalam memastikan persembahan terus kekal dipersembahkan, menjadikan makyung tradisional sebagai pendidikan formal di sekolah atau di institusi pendidikan dengan purata sebanyak 3.86 (SD:1.28), mengkomersialkan persembahan makyung tradisional melalui aktiviti kebudayaan dengan purata sebanyak 3.86 (SD:1.11), mengadakan kerjasama dengan universiti atau agensi untuk mempromosikan makyung tradisional dengan purata

sebanyak 3.38 (SD:1.29), mendokumentasikan persembahan makyung tradisional bagi memperkenalkan makyung tradisional dengan purata sebanyak 3.75 (SD:1.13) dan akhir sekali ialah mengadakan bengkel, seminar atau ceramah tentang makyung tradisional dengan purata sebanyak 3.72 (SD:1.23).

Kesemua pernyataan di atas telah dipersetujui oleh responden. Pernyataan di atas menyatakan tentang kaedah pelestarian seni persembahan makyung supaya tidak ditelan zaman. Terdapat juga beberapa kaedah yang boleh dilakukan oleh pelbagai pihak dalam melestarikan persembahan makyung.

a) Institusi Pendidikan

Institut membawa maksud satu badan atau organisasi yang ditubuhkan dengan tujuan yang tersendiri (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005). Manakala pendidikan pula bermaksud ilmu dan juga etika yang diwujudkan untuk menjadi pedoman dan panduan dalam melakukan sesuatu perkara (Sarju et al., 2010). Oleh itu, Noor Azalan et al. (2023) mendefinisikan institusi pendidikan sebagai organisasi atau badan yang bertanggungjawab untuk menjalankan tugas dalam bidang pendidikan atau penyampaian ilmu kepada para pelajar. Institusi pendidikan terdiri daripada banyak cabang seperti sekolah, universiti, kolej dan sebagainya. Institusi pendidikan merupakan institusi yang banyak membantu dalam usaha pemeliharaan warisan. Merujuk kepada Informan 2, beliau menceritakan bahawa sekolah beliau terdapat satu kelab warisan. Pernyataan tersebut adalah seperti,

di sekolah menengah jelowat ada satu kelab yang dipanggil sebagai nama dia Simfoni Warisan. Simfoni Warisan ni adalah anak angkat kepada Majlis Kebudayaan Negeri Kelantan iaitu dibawah naungan dan juga nasihat arwah Encik Ahmad Syarifudin Abdul Rahman yang lebih mesra dipanggil ayah Din (Informan 2, Temu bual, 1 Ogos 2024)

Informan 2 menyatakan bahawa, sekolah menengah Jelawat terdapat satu kelab yang diberi nama Simfoni Warisan. Kelab ini merupakan kelab yang diwujudkan dan telah dianggap sebagai sekolah angkat oleh Majlis Kebudayaan Negeri Kelantan. Kelab Simfoni Warisan ini merupakan kelab kebudayaan yang telah dibimbing oleh arwah Encik Ahmad Syarifudin Abdul Rahman atau para pelajar memanggilnya sebagai Ayah Din. Kenyataan tersebut dapat membuktikan bahawa sekolah merupakan salah satu tempat yang mampu mendidik pelajar tentang ilmu seni persembahan. Kewujudan kelab tersebut mampu mengajar pelajar tentang seni persembahan yang terdapat pada negeri kelahirannya. Kenyataan ini juga dapat disokong dengan kenyataan Informan 2 yang menyatakan bahawa kelab tersebut mengajar semua jenis persembahan. Kenyataan seperti berikut, *“Ada wayang kulit, ada dikir barat, ada muzik tradisional kelantan la kertuk la rebana ubi macam macam.”* (Informan 2, Temu bual, 1 Ogos 2024)

Kenyataan tersebut menjelaskan bahawa di sekolah menengah Jelawat sangat mementingkan seni persembahan dengan mengajar persembahan wayang kulit, dikir barat, muzik tradisional kelantan, kertuk, rebana ubi dan pelbagai jenis lagi. Ilmu seni persembahan ini perlu disampaikan kepada generasi muda agar mereka tidak leka dengan gadget. Kaedah lain yang telah boleh dilaksanakan oleh pihak sekolah bagi menarik minat para pelajar adalah dengan memberikan anugerah kepada para pelajar yang mempunyai bakat yang luas dalam bidang seni persembahan ini. Informan 2 juga pernah menyatakan bahawa beliau pernah mendapat anugerah pelajar terbaik dalam bidang seni budaya. Informan 2 menyatakan, *“Ha masa tu ada majlis anugerah, kak yana dapat tokoh tunas budaya la.”* (Informan 2, Temu bual, 1 Ogos 2024)

Informan menyatakan bahawa ketika itu di sekolahnya terdapat satu majlis anugerah dan beliau mendapat anugerah Tokoh Tunas Budaya. Anugerah ini diberikan kepada beliau kerana beliau sangat aktif dalam bidang seni dan budaya sepanjang beliau berada di sekolah tersebut. Oleh itu, jelaslah menunjukkan

bahawa sekolah merupakan salah satu tempat untuk para pelajar mempelajari ilmu seni persembahan. Selain itu, universiti juga merupakan salah satu tempat untuk para pelajar mempelajari ilmu seni persembahan. Pembelajaran seni persembahan di universiti dapat membantu pelajar belajar dengan lebih luas dan mendalam. Hal ini kerana, terdapat beberapa universiti yang menjadikan seni persembahan makyung sebagai subjek tambahan yang boleh diambil oleh para pelajar. Informan 4 menyatakan terdapat satu subjek makyung yang telah diperkenalkan oleh sekolah dan pihak Universiti seperti:

Makyung jadi apabila subjek makyung diperkenalkan di sekolah-sekolah ha di Universiti, khususnya di USM ada subjek kokurikulum Makyung, di UM, di ASWARA, di UITM, ha maka makyung pon semakin berkembang di kalangan pelajar-pelajar universiti yang mengambil dalam bidang jurusan seni persembahan. Mereka mendalami dan adalah dan ada juga di ASWARA tu mereka jadi subjek yang wajib diambil 1 Semester kepada pelajar-pelajar teater dan juga pelajar bidang lain la. Jadi makyung Kembali aktif di Kuala Lumpur tetapi makyung mati di Kelantan kerana kekangan-kekangan aa kepayahan, risiko nak buat persembahan secara terbuka nak kena mohon permit dan sebagainya jadi tiada makyung tak ada makyung secara totalnya tak boleh perform tapi di kampung kampung buat. Orang kampung-kampung buat tapi secara senyap-senyap la tak boleh diwar-warkan. Okay itu keadaan makyung Sekarang dan makyung dipersembahkan di istana budaya kalau you google. Ada perform Istana Budaya, di luar negara bawak jelajah, makyung bawak jelajah merata-rata kecuali di Kelantan sahaja makyung tak boleh (Informan 4, Temu bual, 10 September 2024)

Pernyataan tersebut menunjukkan bahawa terdapat beberapa universiti yang telah memperkenalkan persembahan makyung dengan menjadikan seni persembahan tersebut sebagai subjek di universiti atau sekolah. Antara universiti yang telah mempunyai subjek makyung adalah Universiti Sains Malaysia (USM),

Universiti Malaya (UM), Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) dan juga Universiti Teknologi Mara (UiTM). Di ASWARA, subjek makyung merupakan subjek wajib bagi pelajar-pelajar yang mengambil jurusan teater dan seni persembahan yang lain. Menurut Hatta dan Hardwick (2024), kebanyakan makyung pada masa kini telah diajar oleh guru dan pensyarah di universiti awam dan swasta. Manakala pada zaman dahulu, kebanyakan pewaris makyung mempelajari persembahan ini dengan mengikuti ibu, bapa, atuk atau nenek mereka membuat persembahan. Dengan menjadikan makyung sebagai subjek di universiti, persembahan makyung mampu kembali aktif terutamanya di Kuala Lumpur. Namun begitu, situasi tersebut tidak berlaku di negeri Kelantan akibat kesukaran mereka untuk melakukan persembahan makyung. Sekiranya persembahan makyung ingin dipersembahkan di Kelantan, mereka perlu mendapatkan permit terlebih dahulu. Makyung pada masa kini dipentaskan di Istana Budaya dan dibawa keluar negara untuk memperkenalkan seni persembahan tersebut. Pernyataan Informan 4 tentang makyung dijadikan subjek utama di universiti disokong dengan pernyataan daripada Informan 2 yang juga menyatakan perkara tersebut,

...sekarang kebanyakan IPTA dah ada subjek makyung macam UPSI, UITM tapi setahu kak yana UPSI dengan UITM dah buang tapi mereka masih ada lagi pemuzik la ada subjek wayang kulit. ASWARA semestinya la, USM ada lagi subjek makyung, UM ada. Kebanyakan yang ada fakulti teater ada la subjek makyung. (Informan 2, Temu bual, 1 Ogos 2024)

Menurut Informan 2, pada masa kini kebanyakan universiti awam sudah mempunyai subjek makyung seperti UPSI, UITM, ASWARA, USM dan UM. Walaupun begitu, Informan 2 merasakan bahawa UPSI dan UITM sudah tidak mempunyai subjek makyung akan tetapi mereka masih ada pemain muzik bagi subjek wayang kulit. Kebanyakan universiti yang mempunyai subjek makyung ini merupakan universiti yang mempunyai fakulti teater. Kaedah pembelajaran juga merupakan salah satu perkara yang penting dalam melestarikan persembahan

makyung. Dengan kaedah pembelajaran yang betul dan mudah menyebabkan pelajar minat untuk mempelajari persembahan makyung. Informan 2 menerangkan kaedah yang digunakan semasa mengajar pelajar di Singapura seperti:

Lepastu lagi satu untuk menarik minat ni para tenaga pengajar kena ada kaedah pedagogi dia. Contoh macam kak yana buat bengkel rebab dekat Singapore hujung bulan 5 baru ni, bila ajar student dia kata ouh okay senang, ouhh boleh. Walaupun susah dorang nak adapt benda tu tapi okay dorang boleh terima cepat, sebab kena ada kaedah. Kak yana tak salahkan veteran, kalau pengamal tradisional dia tak boleh nak cakap la 1 2 3 4 5 6 7 8. Dia mesti akan cakap “ha lepastu gini angkat” tetapi kita generasi pengajar ni kita kena cari satu kaedah. Macam kak yana dok ajar ke Thailand kan kak yana cakap “mengadap rebab ada 6 bahagia atau movement. No 1 2 3 dan 6 adalah benda yang sama, no 4 dan 5 pergerakan sama. Maknanya dia ada 2, pergerakan pertama adalah 1 ketepi kekiri ketengah lepastu ketengah sekali lagi untuk no 6 (sambil tunjuk movement tangan)” lepastu budak boleh buat dah sebab benda yang sama yang penting kena dengar bunyi gong. Kalau gong slow, slow la kita gerak. (Informan 2, Temu bual, 1 Ogos 2024)

Menurut Informan 2, untuk menarik minat pelajar dalam mempelajari makyung, tenaga pengajar atau pengamal perlu menggunakan kaedah pedagogi. Kaedah pedagogi merupakan kaedah yang digunakan oleh tenaga pengajar dalam menyampaikan ilmu kepada pelajar dengan pelbagai teknik dan cara untuk mereka mudah faham dan mahir dalam perkara yang mereka pelajari. Informan 2 berkongsi pengalaman beliau sendiri semasa beliau mengajar di bengkel rebab yang berlangsung di Singapura kebanyakan pelajar menyatakan bahawa mereka mampu melakukan kerana kaedah yang digunakan oleh beliau untuk mengajar para pelajar mudah untuk difahami. Walaupun pada awalnya mereka sukar untuk melakukannya, akhirnya mereka dapat melakukannya dan mempraktikkannya.

Menurut Informan 2, pengamal veteran mungkin tidak tahu kaedah yang mudah untuk mengajar para pelajar. Mereka sering menggunakan kaedah dengan menyatakan “haa buat macam ni, ha macam ni pulak” kepada pelajar. Hal ini menyebabkan pelajar sukar untuk memahami dan merasakan perkara tersebut sukar untuk dipelajari. Informan 2 berkongsi lagi, semasa beliau mengajar di Thailand, beliau telah menerangkan kepada pelajar bahawa pergerakan mengadap rebab terbahagi kepada enam bahagian. Dengan pendekatan yang digunakan pelajar lebih mudah faham dan dapat mengikuti gerakan tersebut dengan lebih cepat. Beliau juga sangat mementingkan pergerakan mengikut bunyi gong. Sekiranya bunyi gong perlahan, maka pergerakan yang perlu dilakukan juga perlahan. Oleh itu, Dengan kaedah pengajaran yang betul mampu menarik minat pelajar mempelajari sesuatu seni persembahan. Isu jantina sepatutnya tidak boleh dijadikan sebagai satu masalah dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran. Ilmu yang ingin disampaikan perlu diberikan kepada semua pelajar tidak kira sama ada lelaki atau wanita. Berdasarkan kenyataan daripada Informan 3, beliau menyatakan bahawa pada zaman dahulu alat muzik hanya dipelajari oleh pelajar lelaki seperti:

Kalau zaman dulu memang lelaki je main tapi semenjak ada Akademi Seni Kebudayaan ni dikenali sebagai ASK sekarang ada Aswara. So masa Aswara tu dia ajar blako apa apa seni teater ke muzik ke tari ke gapo ke dia belajar. Jadi adalah Wanita Wanita yang belajar main muzik. Main muzik biasa Perempuan dia tak main muzik sebab nak pukul gendang tu nak kena ada tenaga yang banyak kan. Gendang tu nanti kasar tangan untuk Perempuan tak sesuai lah untuk Perempuan nak main alat muzik. Tapi ada lah alat muzik macam akak, akak boleh main gong. Ha makyung akak boleh main gong. Gong tak pe sebab dia tak melibatkan kita tepuk gendang tu. Tapi boleh je kalau kita berminat kita belajar biasa zaman dulu rasanya tak ada lah Perempuan yang main muzik. Biasa dia focus untuk perform sahaja lah. Kak yana, Puan liyana tu boleh main semua alat muzik makyung. Semua. Dia boleh main rebab, gendang, semua alat

muzik wayang kulit dia boleh main semua. Dia memang hebat kak yana. Lagi muda dari saya tapi dia memang hebat makyung, dia memang dah power makyung dari kecik dia main makyung. (Informan 3, Temu bual, 6 Ogos 2024)

Pada zaman dahulu, permainan muzik tradisional biasanya dimainkan oleh kaum lelaki. Hal ini disebabkan kerana untuk bermain alat muzik seseorang itu memerlukan kekuatan fizikal yang tinggi dan disebabkan itu wanita dianggap tidak boleh bermain alat muzik. Fokus untuk wanita biasanya dalam aspek persembahan seperti tarian, nyanyian dan lakonan. Namun, sejak kewujudan ASWARA, perempuan mula dibenarkan untuk mempelajari alat muzik. Terdapat sesetengah pelajar wanita tidak ingin bermain alat muzik seperti gendang kerana untuk bermain gendang memerlukan tenaga yang kuat dan akan menyebabkan tangan mereka menjadi kasar. Kebiasaannya untuk wanita, mereka akan bermain alat muzik seperti gong kerana tidak memerlukan kekuatan yang kuat. Walaupun begitu, Informan 3 menyatakan bahawa terdapat seorang pengamal yang bernama Puan Liyana atau dikenali sebagai kak yana, mempunyai kebolehan dalam bermain semua jenis alat muzik yang terdapat dalam persembahan makyung seperti rebab, gendang dan alat muzik wayang kulit. Kehebatan beliau disebabkan minat beliau dalam seni persembahan sejak kecil lagi. Seterusnya, pihak universiti juga boleh melakukan beberapa program lain untuk mengekalkan makyung. Tujuan program diadakan bagi memberi pendedahan kepada orang ramai tentang aktiviti kebudayaan. Informan 3 memberikan contoh aktiviti yang dijalankan di Universiti Malaysia Kelantan seperti:

Kalau macam di UMK kita ada la buat program macam dalam setahun tu kita buat bengkel makyung, ataupun persembahan makyung atau pon kita menyertai persembahan makyung yang dianjurkan oleh universiti Malaysia. Contoh kita banyak collab dengan USM, Songkla Universiti, Pattani yang dekat dekat la. Kita pernah buat program gabung tiga negara, Makyung kan ada tiga negara Malaysia, Thailand dengan

Indonesia. Kita pernah buat program kita buat bengkel kita perform.
(Informan 3, Temu bual, 6 Ogos 2024)

Di Universiti Malaysia Kelantan (UMK), pelbagai program sering diadakan bagi memperkenalkan persembahan makyung. Program seperti bengkel dan persembahan sering dilaksanakan setiap tahun kepada para mahasiswa dan mahasiswi. UMK juga sering berkolaborasi dengan universiti lain seperti Universiti Sains Malaysia (USM) dan institusi luar negara seperti Universiti Songkla dan Pattani di Thailand untuk melakukan persembahan makyung. Kerjasama ini dilaksanakan bagi menjayakan program antarabangsa termasuk bengkel dan persembahan yang menggabungkan ketiga-tiga negara iaitu Indonesia, Thailand dan juga Malaysia. UMK juga pernah berkolaborasi bersama USM bagi menjayakan program segar angin yang melibatkan pelajar UMK. Kenyataan ini dinyatakan oleh Informan 2,

Kalau macam UMK bagus la ada subjek makyung, ada group makyung. Patutnya UMK lagi la kena jaga sebab duduk di Kelantan. Haritu kak yana tanya juga raja tak boleh buat ke makyung penuh “tokleh na kena buat bengkel dulu” tu yang kak yana buat bengkel Segar Angin 2019 buat di Pengkalan Chepa. Buat la persembahan makyung walaupun sedikit tapi ore tino boleh naik la.(Informan 2, Temu bual, 1 Ogos 2024)

Informan 2 berpendapat bahawa UMK perlu memainkan peranan yang penting kerana UMK merupakan universiti yang berada di negeri Kelantan. Usaha UMK dalam memperkenalkan subjek makyung merupakan satu usaha yang bagus dalam melestarikan seni persembahan tersebut. Informan 2 pernah bertanya kepada seorang kakitangan kebudayaan UMK sekiranya boleh atau tidak jika ingin melakukan persembahan makyung. Tetapi beliau berkata tidak boleh kerana kebanyakan pelajar tidak mengetahui tentang makyung. Oleh itu mereka perlu melakukan bengkel makyung terlebih dahulu untuk menarik lebih ramai pelajar. Demi menjayakan bengkel tersebut Informan 2 bersama pihak kebudayaan UMK

telah mewujudkan satu program yang diberi nama Bengkel Segar Angin. Tujuan bengkel ini adalah untuk mengembalikan makyung di negeri Kelantan. Selain program segar angin, UMK juga telah melakukan satu program yang dipanggil mengadap rebab. Program tersebut telah melibatkan 500 orang pelajar. Pernyataan ini selari dengan kenyataan daripada Informan 11, *“UMK ada buat juga kan, Mengadap rebab book of record tu kan. Haa mengadap rebab kan biasa 15 orang gitu je maa ni dia buat 500 orang mengadap rebab mokyong buat di Universiti la Canselor mari apa semua.”* (Informan 11, Temu bual, 24 Oktober 2024)

Menurut Informan 11, Universiti Malaysia Kelantan telah melakukan satu program iaitu acara Mengadap Rebab. Program mengadap rebab ini berjaya mencipta sejarah dengan mendapat *Malaysia Book of Records (MBOR)*. Kebiasaannya mengadap rebab hanya melibatkan 15 orang sahaja tetapi dalam program ini, seramai 500 orang peserta telah menyertai program mengadap rebab yang berlangsung di Dewan Keusahawanan, Universiti Malaysia Kelantan seperti Rajah 4.3. Acara ini telah dihadiri oleh Canselor Universiti. Semasa program Largest Mengadap Rebab Performance Malaysia Book of Record, anak kandung Primadona Makyung, Khadijah Binti Awang iaitu Pn Norhayati bin Zakaria telah menghadiri dan membimbing persembahan tersebut (Universiti Malaysia Kelantan, 2022).



Rajah 4.3 : Program Mengadap Rebab

Sumber daripada google

Selain daripada UMK terdapat juga universiti lain yang melaksanakan program untuk memelihara persembahan makyung. Informan 2 menyatakan

bahawa UPSI telah bekerjasama dengan pihak JKKN untuk melakukan persembahan makyung. Menurut Informan 2,

Yang kak yana ingat yang buat baru ni pon sebab UPSI, buat kajian boleh la buat la persembahan makyung. Ha lepastu pentas sekali dekat JKKN, masatu kita panggil semua veteran blako kak yana sorang je orang muda sebab tak cukup watak kena masuk berlakon jadi kak yana belajar lagu tu la. Mai tahu dorang “kita nak bawak cerito gapo yo ni” “ha cerita dewa kecil, okay mu bawak watak tu, mu jadi watak ni” kak yana jadi gading emas lepastu kak yana tanya dekat poksu tu nak cakap apa. Dia pon cerita la gading emas ni dia nak selamatkan adik dere, ha lepastu terus persembahkan (Informan 2, Temu bual, 1 Ogos 2024)

Menurut Informan 2, makyung telah mendapat perhatian apabila Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) telah melaksanakan kajian dengan kerjasama pihak Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri (JKKN). Pihak UPSI telah meminta pihak JKKN untuk mempersembahkan persembahan makyung di pentas JKKN. Persembahan tersebut melibatkan warga pengamal veteran dan seorang pelapis muda iaitu Informan 2. Semasa persembahan tersebut berlangsung, Informan 2 telah diberi peluang untuk memegang watak Gading Emas dalam cerita Dewa Kecil. Informan 2 menyatakan bahawa beliau banyak bertanya kepada beberapa orang veteran yang dikenali berkaitan watak yang perlu dibawa. Poksu yang merupakan veteran dalam makyung telah menerangkan kepada Informan 2 serba sedikit tentang sinopsis watak cerita tersebut. Dengan bimbingan dan panduan yang diberikan oleh poksu, Informan 2 telah berjaya melakonkan watak tersebut. Penglibatan veteran dapat membantu pengamal yang ada pada masa kini untuk menambah serba sedikit ilmu mereka dalam seni persembahan makyung.

b) Badan Kerajaan

Untuk memelihara seni persembahan ini semua pihak perlulah memainkan peranan dalam melestarikannya. Selain institusi pendidikan, badan kerajaan juga merupakan pihak yang bertanggungjawab dalam memelihara warisan negara. Badan kerajaan merupakan badan yang bekerja di bawah kerajaan seperti Jabatan Kebudayaan Kesenian Negara (JKKN). Antara aktiviti yang pernah JKKN laksanakan bagi memelihara persembahan makyung adalah melakukan program perantisan. Kenyataan ini dinyatakan oleh Informan 5 seperti:

kami JKKN kita buat pemuliharaan tu ada program perantisan ha kan ke sekolah sekolah kita still buat untuk mengadap rebab ke apa. Kita memelihara benda tu haa tapi orang tak nampak benda tu. So macam haa Kumpulan kesenian JKKN kat sini dia adalah Kumpulan Makyung Kijang Emas. Diaorang tu semua dilatih untuk mengenal makyung. Belajar macam mana menyanyi macam mana berlakon macam mana ni macam mana tu tapi so far alhamdulillah bila puan Rohani melatih dorang bertahun tahun semenjak UNESCO ni kan, Kumpulan kijang Emas ni ditubuhkan 2005 haa miera tu salah satu daripada Makyung Kijang Emas haaa so yang tinggal kat sini Kijang Emas (Informan 5, Temu bual, 9 Oktober 2024)

Pihak JKKN telah banyak melakukan usaha pemuliharaan untuk persembahan makyung. Antara program yang dijalankan adalah program perantisan. Menurut laman web rasmi Jabatan Kebudayaan Kesenian Negara (2024) program perantisan berfungsi untuk memelihara dan memastikan seni persembahan di setiap negeri mampu melahirkan pelapis baharu. Program ini mempunyai mentor dan mentee yang berpengalaman untuk mengajar seni persembahan tersebut. Informan 5 menyatakan, program ini melibatkan kerjasama dengan sekolah-sekolah yang ada di Kelantan untuk memperkenalkan upacara mengadap rebab. Walaupun perkara ini tidak dilihat oleh masyarakat tetapi usaha

ini masih terus dijalankan oleh pihak JKKN. Di JKKN Kelantan terdapat satu kumpulan seni yang diberi nama Makyung Kijang Emas. Kumpulan ini telah ditubuhkan pada tahun 2005 untuk memelihara semula makyung selepas makyung diiktiraf oleh UNESCO. Ahli kumpulan makyung kijang emas ini telah dilatih tentang nyanyian, lakonan dan juga teknik persembahan yang betul oleh Puan Rohani. Informan 5 menyatakan lagi bahawa program perantisan tersebut melibatkan beberapa buah sekolah. Menurut pernyataan Informan 5,

Ouhh okay kita ada Kumpulan perantisan dan kita buat disini lah dan kita ada panggil beberapa sekolah yang kita urmm yang ni penglibatan dengan JPN juga la untuk kita pelihara makyung tu apa yang sekarang dengan kita ada enam buah sekolah haa dengan kita untuk kita ajar dorang dalam makyung lah. Untuk sesi ni dia baru belajar mengadap rebab la haa kita ambik step by step dari peringkat pertama peringkat kedua peringkat ketiga tapi memang betul betul sekolah yang bawah kita dulu yang dah boleh Teknik nyanyian, lakonan ha tu sekolah Penambang lah urmm (Informan 5, Temu bual, 9 Oktober 2024)

Pihak JKKN telah melaksanakan program perantisan makyung dengan melibatkan enam buah sekolah yang berada di Kelantan. Program ini telah mendapat kerjasama dengan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) bagi memastikan program ini dapat dilaksanakan dengan berkesan. Pelajar yang menyertai program perantisan ini akan mempelajari ilmu makyung secara berperingkat. Mereka akan mempelajari asas makyung seperti upacara mengadap rebab. Terdapat satu sekolah iaitu Sekolah Penambang, pelajarinya sudah menguasai elemen dalam persembahan makyung seperti teknik nyanyian dan lakonan. Secara tidak langsung program ini mampu melahirkan pelapis baharu dalam persembahan makyung. Antara program lain yang telah dilakukan oleh pihak JKKN adalah dengan melakukan pameran makyung. Kenyataan ini dinyatakan oleh Informan 5,

Kita ada buat di pameran pameran. Kalau di kita buat pameran pameran di IPT ke di luar ke kita bermula dengan Busana makyung untuk menarik minat. Busana dia kan cantik so bila orang tengok cantiknya apa semua so kat situlah kita bermulanya dengan penerangan-penerangan apa itu makyung. Ouh gini ke gitu ke selalunya gitu lah. Ouh ni ke ni ni, ni tanjak apa ni bulat gini en mahkota apani haa. Kita cuba suntik elemen elemen begitu la baru orang macam ouhh gini makyung gitu makyung. Haa ada juga yang macam dia Nampak eyy berhantu lah. Baru kita letak costume. Tak ada apa pon costume sebenarnya kan. Nampak rotan tu eyy berhantu lah apa lah. Saya tanya dia apa kenapa macam tu kan, apa yang Nampak berhantu kan disini. Dia kata dulu dulu orang citer orang dulu dulu. Haa itu dulu, dulu lain sekarang lain. Itu je lah saya boleh cakap kan. Tu lah kadang kadang pendapat orang ni berbeza macam macam. Tu jelah cabaran dia. (Informan 5, Temu bual, 9 Oktober 2024)

Pihak JKKN juga telah menggunakan pameran sebagai kaedah untuk mempromosikan dan memperkenalkan persembahan makyung kepada masyarakat dengan melakukan pameran di Institut Pengajian Tinggi (IPT) atau menyertai program luar. Semasa pameran dilakukan, mereka akan meletakkan busana makyung di bahagian paling hadapan untuk menarik minat pengunjung yang datang hadir. Kebanyakan masyarakat tertarik dengan pakaian makyung yang cantik dan menarik sehingga menyebabkan mereka ingin tahu tentang pakaian yang dipamerkan. Semasa pameran tersebut, kakitangan JKKN yang bertugas akan menerangkan tentang pakaian makyung seperti mahkota, tanjak dan peralatan yang digunakan dalam persembahan. Penjelasan yang diberikan dapat memberikan kefahaman kepada masyarakat dan mengubah persepsi masyarakat terhadap persembahan makyung. Hal ini kerana sesetengah masyarakat menganggap semua perkara berkaitan makyung mempunyai unsur mistik. Fungsi pameran ini dilaksanakan bagi menjelaskan dan mengubah persepsi masyarakat tentang makyung. Walaubagaimanapun, cabaran tentang perbezaan pendapat ini sukar untuk diubah oleh masyarakat. Selain daripada pihak JKKN, pihak kerajaan

juga perlu membantu para pengamal dengan memberikan gaji kepada mereka. Menurut Informan 1,

Takdok, toksey kita tanya toksey. Rasa kalau ada bagi gaji dio sekali dia belajar menari 20 ya rasa ada. Tapi kita nak ambik untung mana, kita pon nak makan tak boleh. Kalau kerajaan hok beri tu takpo la kerajaan tanggung.

[Tak ada, tak nak kita tanya tak nak belajar. Rasa kalau ada bagi gaji dekat dia sekali belajar menari dapat RM 20 mungkin mereka nak. Tapi kita nak ambik untung mana, kita pon nak makan tak boleh. Kalau kerajaan nak bagi tu tak apa la kerajaan tanggung] (Informan 1, Temu bual, 21 Julai 2024)

Informan 1 menyatakan bahawa kebanyakan pelajar tidak mahu belajar persembahan makyung. Mereka mungkin akan berminat sekiranya mereka diberikan ganjaran wang apabila mempelajari persembahan makyung. Namun penggiat juga tidak mempunyai kos kewangan yang cukup sekiranya mereka ingin memberikan bayaran kepada pelajar. Oleh itu Informan 1 mencadangkan sekiranya pihak kerajaan memberikan bantuan dari segi kewangan kepada para penggiat yang mengajar pelajar yang ingin mempelajari ilmu makyung.

c) Badan Bukan Kerajaan

Selain badan kerajaan, badan bukan kerajaan juga perlu membantu mengekalkan seni persembahan makyung. Usaha badan bukan kerajaan secara tidak langsung mampu memperluaskan usaha pemuliharaan seni persembahan makyung. Dengan penglibatan badan bukan kerajaan, makyung dapat dipromosikan melalui pelbagai saluran. Informan 2 menyatakan bahawa,

Habis je lagu mengadap rebab dua lapis dia suruh kak yana menyanyi lagu cakne, lagu gading bertimang, lagu pandan wangi, lagu jembal ha tu lagu ore tak boleh nyanyi blako doh loni. Lepastu 2 tahun lepas USM dia ambil inisiatif untuk rekod la buat rakaman tapi rakaman tu kak yana tak boleh bagi lagi sebab rakaman tu dah dihantar ke IPO la untuk kita punya penerbitan. Kalau mai nak tahu lepas cik mat tu bagi kak yana suruh belajar lagu makyung kan masatu kak yana degree tahun 1 dia panggil kak yana buat rakaman lagu makyung bersama USM sebanyak 13 lagu. Yang ni lagu yang biasa la dalam makyung. Lagu pakyung, lagu mengadap rebab, lagu sedayung makyung, lagu barat anjung, barat cepat. Ni lagu basic dalam makyung so yang seterusnya rakaman bersama PETRONAS ha yang tu hak cipta dia. Yang terbaru ni yang ini lagu yang sudah tidak dinyanyikan lagi mengadap rebab 2 lapis ni gading bertimah, pandang wangi, megulik anak kumbang, pakyung muda, seri gunong, yong makyung, mengulit dua dadong (Informan 2, Temu bual, 1 Ogos 2024).

Pernyataan tersebut menjelaskan tentang pengalaman Informan 2 menyanyikan lagu-lagu tradisional makyung yang jarang dinyanyikan pada masa kini seperti cakne, gading bertimang, pandan wangi dan jembal. Kebanyakan pengamal masa kini sudah tidak mahir untuk menyanyikan lagu-lagu tersebut. Universiti Sains Malaysia (USM) telah mengambil inisiatif ini untuk merakam lagu-lagu makyung yang sudah tidak dimainkan lagi sebagai langkah untuk memelihara lagu tersebut. Informan 2 menyatakan lagi bahawa sejak tahun pertamanya dalam pengajian, Cik Mat telah meminta beliau untuk mempelajari lagu-lagu makyung. Beliau juga turut terlibat dalam merakam 13 buah lagu asas makyung seperti lagu pakyung, mengadap rebab, sendayung makyung, barat anjung dan juga barat cepat. Selain daripada rakaman daripada pihak USM, Informan 2 juga terlibat dengan rakaman bersama PETRONAS. Lagu-lagu yang dinyanyikan semasa rakaman bersama PETRONAS adalah lagu yang sudah lagi tidak dinyanyikan iaitu lagu mengadap rebab 2 lapis. Antara lagu mengadap rebab

dua lapis adalah gading bertimah, pandang wangi, mengulik anak kumbang, pakyung muda, seri gunung, yong makyung, mengulik dua dadong. Usaha ini bukan hanya untuk mendokumentasikan seni makyung tetapi ia juga berfungsi sebagai pemuliharaan warisan untuk generasi masa hadapan.

d) Media Sosial

Media sosial memainkan peranan yang penting dalam melestarikan seni persembahan melalui teknologi. Media sosial merujuk kepada platform digital seperti Facebook, Instagram, Youtube, tiktok dan lain-lain. Terdapat beberapa usaha pelestarian persembahan makyung yang telah dilakukan di media sosial. Seperti yang dinyatakan oleh Informan 11, seorang pensyarah daripada ASWARA telah menyertai podcast, “...ASWARA kan dia punya sorang pensyarah tu kan dia dia pernah buat dalam podcast apa haritu. Saya tengok dia pakai tudung, dia pakai ni tutup rambut dia kan...” (Informan 11, Temu bual, 24 Oktober 2024)

Informan 11 menyatakan bahawa beliau pernah melihat di satu channel youtube, seorang pensyarah daripada ASWARA telah menyertai satu perbincangan di youtube dan menceritakan tentang makyung. Semasa perbincangan di dalam youtube tersebut beliau memakai pakaian makyung dan memakai tudung untuk menutup rambutnya.

e) Individu

Di samping itu, individu juga memainkan peranan yang penting dalam pelestarian makyung. Penglibatan individu bukan hanya mengfokus kepada penggiat atau pengamal tetapi semua masyarakat yang menyedari tentang kepentingan melestarikan warisan budaya. Antara langkah yang telah dilaksanakan oleh individu adalah dengan mempelajari ilmu makyung. Pernyataan ini selari dengan kenyataan Informan 2,

Jadi bila kita belajar muzik rebab automatik kita kena belajar menyanyi kalau tak macam mana kita nak main rebab, kita nak apply lepastu kita nak buat bunga lagi kan semua, Jadi kak yana betul betul belajar makyung 2007 lah. Daripada 2007 kak yana belajar makyung menyanyi menyanyi sampailah tahun 3 jadi pakyung bersama dengan adi guru Fatima Abdullah lah dan juga Pak Nasir Adi guru Wayang Kulit. (Informan 2, Temu bual, 1 Ogos 2024)

Untuk mempelajari persembahan makyung, pelbagai elemen perlu dikuasai termasuk muzik, nyanyian dan tarian. Informan 2 berkongsi apabila beliau mempelajari muzik, beliau perlu belajar nyanyian kerana nyanyian dan muzik merupakan elemen yang saling berkait rapat. Beliau menyatakan lagi bahawa beliau telah mempelajari ilmu makyung secara serius bermula tahun 2007. Selepas tiga tahun mempelajari ilmu makyung, beliau diberi kepercayaan untuk memegang watak pakyung yang merupakan watak utama dalam persembahan makyung. Ilmu ini telah diperoleh daripada gurunya iaitu Fatimah Abdullah dan Pak Nasir yang merupakan guru wayang kulit. Keinginan beliau dalam mempelajari ilmu makyung telah menjadikan beliau seorang yang sangat hebat dalam seni makyung. Selain daripada mempelajari ilmu makyung, terdapat seorang pengkaji yang telah melakukan kajian tentang makyung dan telah membukukan kajian beliau. Pernyataan ini juga telah dinyatakan oleh Informan 2, *“So mai boleh research juga dalam buku Makyong The Malay Dance Drama yang ditulis oleh Mubbin Shaperd tahun 1974.”* (Informan 2, Temu bual, 1 Ogos 2024).

Informan 2 menyatakan terdapat seorang pengkaji yang bernama Mubbin Shaperd telah menulis sebuah buku yang bertajuk Makyong: The Malay Dance Drama. Buku ini telah diterbitkan pada tahun 1974. Kewujudan buku ini dapat membantu individu untuk mendapatkan ilmu pengetahuan yang lebih mendalam tentang makyung dari segi elemen, pakaian dan pelbagai lagi. Kaedah lain yang

dilakukan bagi mengekalkan makyung adalah dengan mewujudkan makyung kijang emas. Berdasarkan kenyataan Informan 5, beliau menyatakan bahawa kumpulan makyung kijang emas diwujudkan selepas makyung diiktiraf UNESCO, “Kijang emas ni wujud selepas aa apa makyung diiktiraf unesco. Selepas makyung diiktiraf unesco, inisiatif ketua pengarah Dato Norliza Rofli wujudkan Kumpulan makyung kijang emas ni untuk bertapaknya makyung ni supaya pemuliharaan makyung ni dikekalkan.” (Informan 5, Temu bual, 9 Oktober 2024)

Kumpulan makyung Kijang Emas telah ditubuhkan selepas makyung diiktiraf oleh UNESCO sebagai warisan budaya tidak ketara dunia. Pengiktirafan ini telah menyebabkan Dato' Norliza Rofli yang merupakan ketua pengarah, membuat keputusan untuk menubuhkan satu kumpulan makyung yang diberi nama makyung Kijang Emas. Penubuhan kumpulan ini bertujuan untuk memelihara keaslian seni persembahan ini. Usaha lain yang telah dilakukan oleh pengamal makyung adalah dengan menyertai kelas perantisan makyung di diwujudkan oleh makyung. Pernyataan ini dinyatakan oleh Informan 3,

Saya bermula main Mak Yung tahun 2006 sebagai pelatih bagi kelas perantisan Mak Yung di bawah JKKN lah, Jabatan Kebudayaan Kesenian Negara. Masa tu dia direct under Kementerian. KEKWA masa tu, Kementerian Kebudayaan Warisan. Tahun 2006 selepas setahun makyung diiktiraf oleh UNESCO 2005. 2006 mula join JKKN buat kelas di Kelantan. Masa tu pun tengah belajar so macam mana boleh terlibat tu daripada kelas tu lah. So, daripada mother, daripada mama minat Mak Yung tapi tak sempat belajar so, dia minta pergi belajar Mak Yung. Jadi, daripada situ kita belajar tahun 2006 and then, kita ada rasa minat tu. Sampailah 2008 sebagai pelatih kelas perantisan Mak Yung dan sebagai pelatih kita kena datang training dan juga buat persembahan di bawah JKKN Kelantan (Informan 3, Temu bual, 6 Ogos 2024)

Menurut Informan 3, beliau mula menyertai makyung pada tahun 2006 sebagai pelatih dalam kelas perantisan yang dianjurkan oleh JKKN di bawah Kementerian Kebudayaan dan Warisan (KEKWA). Kelas perantisan ini bermula selepas makyung diiktiraf oleh UNESCO pada tahun 2006. Ketika Informan 3 menyertai kelas perantisan makyung, beliau masih dalam proses pembelajaran dan minat dalam makyung muncul ketika menyertai kelas tersebut. Informan 3 juga terpengaruh dalam makyung disebabkan oleh mama yang merupakan guru dalam persembahan makyung. Pada tahun 2008 beliau telah menjadi pelatih tetap di JKKN dan terlibat dengan persembahan yang diadakan di bawah pengurusan JKKN.

4.9.2 Langkah Melestarikan Makyung Patuh Syariah

Jadual 4.14 : Langkah Melestarikan Makyung Patuh Syariah

Sumber : Kajian Lapangan (2024)

No	Langkah Melestarikan Makyung Patuh Syariah	Mean	Std
1	Mengadakan kerjasama dengan universiti atau agensi yang berkaitan untuk mempromosikan makyung patuh syariah	3.95	1.24
2	Mengkomersialkan persembahan makyung patuh syariah melalui aktiviti kebudayaan	3.90	1.21
3	Mendokumentasikan persembahan Makyung patuh syariah bagi memperkenalkan makyung patuh syariah	3.89	1.27
4	Menyediakan dana, tempat latihan dan platform untuk mempersembahkan makyung patuh syariah	3.84	1.04
5	Mengadakan bengkel, seminar atau ceramah tentang makyung patuh syariah	3.73	1.01
6	Menjadikan makyung patuh syariah sebagai pendidikan formal di sekolah atau di institusi pendidikan	3.72	1.26
7	Mempromosikan persembahan makyung patuh syariah melalui sosial media	3.68	1.18

Berdasarkan jadual 4.14 terdapat tujuh pernyataan berkaitan langkah melestarikan makyung patuh syariah. Daripada data yang diperoleh, informan bersetuju dengan kesemua pernyataan yang dinyatakan diatas. Antara pernyataan yang mendapat skor tertinggi ialah mengadakan kerjasama dengan universiti atau agensi yang berkaitan untuk mempromosikan makyung patuh syariah mendapat skor purata 3.95 (SD:1.24). Ini menunjukkan bahawa majoriti responden memberikan penilaian yang positif terhadap kaedah ini. Kaedah ini dianggap efisien kerana mampu menarik perhatian orang ramai dalam mengetahui seni persembahan ini. Pernyataan ini dapat dibuktikan dengan kenyataan Informan 4,

... pada tahun 2020 saya ditempatkan sebagai ditanggungjawabkan sebagai pengarah JKKN Kelantan maka pada situlah bermulanya haa orang kata usaha-usaha untuk mengembangkan atau pelestarian makyung patuh syariah ini untuk diperkenalkan kepada khalayak di Kelantan secara terbuka di persembahkan di Kota Bharu dan daerah-daerah lain sehinggalah sekarang makyung patuh syariah hanya untuk negeri Kelantan sahaja.. (Informan 4, Temu bual, 10 September 2024)


Pernyataan tersebut menunjukkan pada tahun 2020, pihak Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Kelantan berusaha memperkenalkan makyung patuh syariah kepada masyarakat Kelantan dengan membuat persembahan secara terbuka dan dipersembahkan di Kota Bharu dan daerah-daerah lain. Persembahan ini telah mendapat sambutan dan diterima oleh masyarakat walaupun telah diolah dan diharmonikan menjadi persembahan baharu (Bernama, 2020). Pernyataan kedua yang mendapat skor purata tertinggi adalah mengkomersialkan persembahan makyung patuh syariah melalui aktiviti kebudayaan dengan skor purata 3.90 (SD:1.21). Aktiviti pengkomersialan seni budaya perlu dilakukan kerana mampu meningkatkan pemahaman dan penghargaan terhadap seni persembahan. Hal ini kerana sejak 30 tahun yang lepas, pelbagai pihak telah menyuarakan kegelisahan mereka mengenai masa depan seni persembahan tradisional Melayu (Saidon, 2014). Pihak Jabatan Kebudayaan dan Kesenian telah melakukan aktiviti komersial persembahan makyung patuh syariah dengan mempersembahkan

persembahan tersebut di Festival Kesenian Rakyat Kelantan. Kenyataan ini selaras dengan Informan 5, *“Okay semenjak patuh syariah ni dalam kita akan persembahkan sewaktu aaa apa tu aaa apa program festival rakyat Kelantan. Kita akan sentiasa selitkan dalam program tu.”* (Informan 5, Temu Bual, 9 Oktober 2024). Informan menyatakan sejak wujudnya makyung patuh syariah, apabila terdapat program Festival Rakyat Kelantan pihak Jabatan Kesenian dan Kebudayaan negeri Kelantan akan mempersembahkan persembahan tersebut.

Menurut Idris (2020), persembahan makyung merupakan sebahagian daripada program Jejak Warisan dan Jelajah Makyung Patuh Syariah di negeri Kelantan sempena tahun melawat Kelantan 2020. Program ini dilaksanakan di beberapa lokasi antaranya Kota Bharu, Tanah Merah, Jeli, Machang dan Kuala Krai. Skor purata ketiga tertinggi adalah mendokumentasikan persembahan makyung patuh syariah bagi memperkenalkan makyung patuh syariah dengan jumlah purata 3.86 (SD:1.28). Menurut Sinar Harian (2023), elemen-elemen seni ini didokumentasikan agar generasi muda dapat melihat, menghargai dan menjadikannya sebagai rujukan untuk di masa hadapan. Aktiviti pendokumentasian ini bukan hanya memelihara warisan tetapi dapat membantu dalam memudahkan akses kepada masyarakat luar. Informan 5 menjelaskan bahawa terdapat satu video persembahan makyung patuh syariah telah dimasukkan ke dalam youtube sepertimana yang dikatakan oleh beliau semasa sesi temu bual pada 9 Oktober 2024, *“Dekat youtube pon baru masuk satu je patuh syariah rasanya itu pon separuh.”* (Temu bual, 9 Oktober 2024). Oleh itu, video yang telah didokumentasikan dapat membantu masyarakat daripada tidak tahu kepada memahami tentang makyung patuh syariah.

Skor purata seterusnya yang tertinggi adalah menyediakan dana, tempat latihan dan platform untuk mempersembahkan makyung patuh syariah dengan skor purata 3.84 (SD:1.04), mengadakan bengkel, seminar atau ceramah tentang makyung patuh syariah mendapat skor purata sebanyak 3.73 (SD:1.01), menjadikan makyung patuh syariah sebagai pendidikan formal di sekolah atau di institusi pendidikan mendapat skor purata 3.72 (SD:1.26) dan yang terakhir adalah mempromosikan persembahan makyung patuh syariah melalui media sosial dengan skor purata 3.68 (SD:1.18). Menurut Mohd Noor et

al. (2020), media berperanan sebagai tempat menyebarkan maklumat dan menjadi alat bantuan dalam melaksanakan aktiviti komunikasi. Media sosial bukan hanya berfungsi sebagai platform untuk bersosial tetapi turut digunakan sebagai medium menyebarkan maklumat dan isu (Pitchan dan Omar, 2019). Kewujudan media sosial memudahkan info untuk disampaikan seperti persembahan makyung patuh syariah sering dipromosikan di facebook Jabatan Kesenian Kebudayaan Negara dan juga Istana Budaya.



Rajah 4.4 : Mempromosikan makyung patuh syariah di Facebook JKKN

Sumber daripada Facebook

Berdasarkan Rajah 4.4, terdapat dua gambar yang telah dimuat naik oleh pihak Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara pada laman sosial mereka. Tujuan gambar tersebut dimuat naik adalah untuk mengajak dan menarik orang ramai untuk menyaksikan persembahan makyung patuh syariah pada tarikh yang telah ditetapkan. Pengaruh media sosial telah mengubah kaedah penyampaian maklumat secara lebih terbuka.

4.10 Kepentingan Makyung Kepada Masyarakat

Seni persembahan makyung mempunyai kepentingannya yang tersendiri. Seni persembahan memiliki tujuan tersendiri sehingga mampu memberikan manfaat yang besar kepada seluruh masyarakat. Kepentingan memelihara makyung terletak pada peranannya dalam memperkenalkan nilai-nilai budaya, sejarah, dan identiti bangsa kepada generasi muda. Terdapat pelbagai kepentingan dalam seni persembahan makyung sehingga seni persembahan ini perlu dipelihara dan pulihara.

a) Hiburan

Seni persembahan makyung telah dikenali sebagai salah satu bentuk aktiviti rekreasi dan hiburan yang penting dalam kalangan masyarakat Kelantan. Kenyataan tersebut dapat dilihat daripada kenyataan Informan 10 seperti “...*ha dok pahtu kadang kadang penglipur lara. Hiburan la ha penglipur lara dia ado cerito cerito khusus.*” [ha tak lepastu kadang kadang penglipur lara. Hiburan la ha penglipur lara dia ada cerita cerita khusus] (Temu bual, 15 Oktober 2024). Informan 10 menyatakan bahawa persembahan makyung seperti penglipur lara atau hiburan yang mempunyai pelbagai jenis cerita khusus. Masyarakat dahulu menjadikan persembahan makyung sebagai medium untuk menyampaikan cerita-cerita mitos yang mempunyai nilai dan pengajaran. Selain daripada penglipur lara, persembahan makyung juga dapat membantu mengisi masa lapang masyarakat kerana ia berbentuk seni hiburan. Menurut informan 1,

...Tapi kita dulu tak po kito tok sekolah, mak bapak pon tak kijo. Hantar gi main makyung tahey sikit dia serabut kot rumahnyo. Ha ore lain pulak srabuk dok jagonyo. Kelik gak kade-kade male jumaat tido rumah, ha hari jumaat tu tolak ore ambik gi la. Seminggu main sekali ...

[...tapi kita dahulu tak ada sebab kita tak sekolah. Mak ayah pon tak kerja. Hantar pergi main makyung hilang la sikit serabut kat rumah. Haa

orang lain yang jaga pulak serabut. Balik pulak kadang-kadang malam jumaat (hari khamis) baru tido rumah. Hari jumaat orang datang ambik pula. Seminggu berlatih makyung sekali..] (Informan 1, Temu bual, 21 Julai 2024)

Semasa pengkaji menemu bual informan 1, beliau menyatakan bahawa masyarakat zaman dahulu tidak bersekolah. Oleh itu, ibu bapa mereka menghantar anak-anak pergi mempelajari makyung untuk menghilangkan bosan di rumah. Daripada pernyataan ini kita dapat lihat bahawa persembahan makyung pernah menjadi hiburan untuk masyarakat pada zaman dahulu. Disebabkan tiada aktiviti untuk dilakukan oleh itu masyarakat pada zaman dahulu telah menjadikan seni persembahan makyung sebagai salah satu permainan mereka. Informan 15 menyatakan bahawa “...*Makyung ni satu permainan tradisional Kelantan la secara ringkasnya. Permainan tradisional Kelantan yang mana kalau ore dulu dulu dia minat la.*” [Makyung ni satu permainan tradisional secara ringkasnya. Permainan tradisional Kelantan yang mana kalau orang dulu dulu dia minat la] (Informan 15, Temu bual, 24 Oktober 2024).

Pernyataan Informan 15 menyatakan bahawa seni persembahan makyung sebagai salah satu permainan tradisional Kelantan. Masyarakat pada zaman dahulu sangat menggemari makyung kerana makyung bukan sahaja sebagai hiburan tetapi medium penyampaian cerita. Selain mempelajari ilmu makyung, pada zaman dahulu makyung juga dijadikan sebagai salah satu persembahan semasa Hari Ulang Tahun Raja. Pernyataan ini dapat dibuktikan melalui Informan 11 yang menyatakan,

... Zamey mokcik gitu zamey budak budak tu banyok la ada permainan macey yang dio buat setahun skali ko gapo. Dio buat tu macey puja Pantai key hari jadi raja dulu. Macey main teri, main nora, mokyong tu dio ado lah di pata tu pata bachok. Dio banyak meney la macey kugire, pacarage, dikir barat...

[Zaman makcik dulu zaman budak-budak tu banyak la ada permainan macam yang dia buat setahun sekali ke apa. Dia buat macam puja pantai kan hari jadi raja dulu. Macam main teri, main menora, makyung, tu dia ada lah di pantai tu pantai Bachok. Dia banyak mainan la macam kugiran, pancaragam, dikir barat] (Informan 11, Temu bual, 24 Oktober 2024)

Menurut Informan 11, semasa beliau masih kecil terdapat pelbagai persembahan seperti makyung, menora, main teri, pancaragam dan sebagainya semasa upacara ulang tahun raja yang diadakan setiap tahun. Beliau juga ada menyatakan bahawa zaman dahulu kebiasaanya persembahan akan habis sekitar jam tiga atau empat pagi. Acara ini diadakan sebagai hiburan kepada masyarakat dan juga langkah untuk melestarikan warisan budaya.

b) Perubatan Tradisional

Selain daripada hiburan, makyung juga dianggap penting kepada masyarakat kelantan untuk memulihkan orang sakit. Berdasarkan Razak et al. (2018), mein teri, makyung, kuda kepong dan ulik mayang merupakan salah satu amalan perubatan tradisional melayu yang popular. Informan 7 menjelaskan bahawa,

Dia mace bagi ore dulu key perubatan tradisional la key. Kalu ado ore sakit gak ore main mokyong puteri gak. Mokcik pernah tengok sebab tok makcik dio ore utamo dale main mokyong la. Kalau nak main mokyong ore panggil tok makcik

[Dia macam bagi orang dulu kan perubatan tradisional la kan. Kalau ada orang sakitkan main makyung puteri la. Makcik pernah tengok sebab nenek makcik dia orang utama dalam permainan makyung. Kalau nak

main makyung orang akan panggil nenek makcik] (Informan 7, Temu bual, 15 oktober 2024)

Menurut Informan 7, bagi masyarakat pada zaman dahulu makyung merupakan satu persembahan yang mampu mengubat orang sakit. Sekiranya ada orang yang sakit, nenek beliau akan bermain makyung puteri (main puteri). Beliau juga menyatakan bahawa beliau pernah melihat neneknya mengubat orang sakit kerana nenek beliau merupakan orang penting dalam persembahan makyung. Kebiasaanya masyarakat akan memanggil nenek beliau sekiranya ingin mengubat orang sakit atau bermain makyung. Daripada pernyataan beliau, dapat menggambarkan bahawa makyung merupakan permainan yang penting dalam kehidupan masyarakat zaman dahulu. Informan 9 pula menyatakan bahawa permainan makyung ini adalah kaedah untuk segar angin.

Dia ore kalu dulu ore prikat prikat tuo dulu key dia kata nk wi segar angin. Angin ni semangat la jiwa dia tu ada semangat teri tu. Haa semangat teri tu. Haa kalu boleh main teri tu segar dia. Ore kata jiwa dia tu segar, kalau tak boleh main teri gak monyok nok demam la gapo. Jenis jenis ore la setengah setengah ore. Bukey semuo ore suko teri ni.

[Dia orang kalau dulu orang peringkat-peringkat tua dulu kan dia kata nak buat segar angin. Angin ni semangat la jiwa dia tu ada semangat teri tu. Haa semangat teri tu. Haa kalau boleh main teri tu segar la dia. Orang kata jiwa dia tu segar, kalau tak boleh main teri nanti monyok nak demam la apa. Jenis-jenis orang la setengah orang. Bukan semua orang suka teri] (Informan 9, Temu bual, 15 Oktober 2024)

Menurut Informan 9, individu yang telah mencapai usia lanjut akan melakukan aktiviti untuk menyegarkan tubuh dan fikiran. Angin yang dimaksudkan oleh informan adalah semangat dalam bermain makyung. Sekiranya seseorang itu tidak dirawat dia akan terus tidak bermaya dan seakan demam. Walaubagaimanapun, tidak semua orang suka merawat dengan kaedah teri ini.

Bagi Informan 17 pula, beliau berpendapat “*sometime makyung aa tak tahu sama ke tak dengan main teri tapi macam main teri tu kan untuk menyembuh penyakit/hantu kan. Tapi sometime orang associated makyung tu with untuk aaa what that terms aaa Pelepas angin*” [Kadang-kadang makyung tak pasti sama atau tidak dengan main teri tapi macam main teri tu kan untuk menyembuh penyakit atau hantu kan. Tapi kadang-kadang orang kaitkan makyung tu dengan perkataan pelepas angin] (Informan 17, Temu bual, 27 Oktober 2024).

Informan 17 menyatakan bahawa beliau tidak pasti makyung dan main teri sama atau tidak tetapi main teri berfungsi untuk menyembuh orang sakit dan menghalau hantu. Manakala makyung pula berfungsi sebagai pelepas angin. Musa dan Yunos (2011) menyatakan pelepas angin adalah penyakit angin merujuk kepada masalah kesihatan yang berpunca daripada angin yang tersekat atau saluran angin yang tersumbat dalam tubuh. Salah satu cara yang digunakan oleh masyarakat Kelantan untuk melegakan keadaan ini adalah melalui kaedah main teri dan makyung.

c) Persembahan Istana

Persembahan makyung sebenarnya mempunyai kepentingan lain bagi masyarakat. Masyarakat berpendapat bahawa seni persembahan makyung ini penting kepada mereka kerana persembahan makyung merupakan persembahan istana. Persembahan istana merupakan persembahan yang dipentaskan khusus untuk golongan diraja, kerabat istana atau majlis rasmi yang melibatkan istana sahaja. Berdasarkan kenyataan Informan 11 “*Mokyong ni hok menari ni dok “ea ea ea eaa” Aahahah raja raja haa raja raja mokyong tu. Mene raja raja mokyong tu.*” [makyung ni yang menari ni yang “ea ea ea eaaa(nyanyian makyung)” HAHHAHA raja-raja haa raja raja makyung tu. Mainan raja raja makyung tu] (Informan 11, Temu bual, 24 Oktober 2024).

Berdasarkan kenyataan Informan 11, beliau berpendapat bahawa seni persembahan makyung ini perlu dipelihara kerana persembahan ini merupakan persembahan raja-raja. Persembahan makyung ini sebagai satu bentuk hiburan eksklusif yang dinikmati oleh raja-raja dan kerabat istana. Hardwick (2014), menyatakan bahawa permainan makyung adalah hiburan yang sangat disukai oleh golongan raja-raja Patani dan Kelantan. Selain daripada persembahan makyung, ada juga beberapa persembahan lain yang dikategorikan sebagai persembahan istana seperti tarian asyik. Tarian asyik merupakan tarian tradisional negeri Kelantan yang dipersembahkan di Istana Raja-Raja Kelantan (Hanafi & et al., 2018). Tarian ini menampilkan 12 orang penari wanita yang anggun dengan gerakan yang lembut dan memukau.

d) Nasihat

Setiap persembahan makyung yang dipersembahkan mengandungi unsur nasihat yang disampaikan melalui cerita, dialog dan watak-wataknya. Dalam persidangan yang telah diadakan Kerajaan Negeri Kelantan telah berbincang dengan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara supaya memasukkan unsur nasihat dalam persembahan yang dipersembahkan (Ismail, 2020). Seni persembahan makyung mempunyai nilai sentimental yang tersendiri. Seni persembahan makyung bukan hanya hiburan semata tetapi ia juga dianggap sebagai seni persembahan yang mempunyai nilai budaya serta unsur keagamaan yang mendalam (Yaacob, 2024). Perkara ini turut dinyatakan oleh Informan 3, *“...cerita-cerita yang kita bawa tu biasanya cerita-cerita tu tak ada pon berkaitan khurafat ke apa tak ada. Cerita mengenai yang ada nilai-nilai murni yang tersendiri setiap yang dibawa iaitu dalam persembahan makyung. Jadi dia ada nilai-nilai dia lah.”* (Informan 3, Temu bual, 6 Ogos 2024)

Pengkaji telah menemu bual bersama Informan 3, beliau menyatakan bahawa cerita dalam persembahan makyung yang biasanya dibawa bukanlah cerita berkaitan khurafat. Kebiasaannya cerita yang dipersembahkan mempunyai

nilai-nilai murni yang tersendiri. Dalam persembahan makyung terdapat satu watak bernama peran dan ditugaskan untuk menyampaikan nasihat . Kenyataan ini disokong dengan kenyataan dari Informan 5 “... *So peran akan menambahkan lagi dari segi orang kata menguatkan nasihat-nasihat tu lagi. Sebab peran tua ni dia iq [pemikiran] dia tinggi, dia kena seorang yang orang kata kan berpengalaman. Haa kita selitkan disitu.*” (Informan 5, Temu bual, 9 Oktober 2024).

Berdasarkan pernyataan Informan 5, beliau menyatakan bahawa watak peran perlu memainkan peranan penting dalam menyampaikan nasihat dan mesej moral kepada penonton. Watak peran akan memperkukuhkan lagi penyampaian nasihat-nasihat dalam persembahan supaya nasihat yang disampaikan lebih berkesan dan mendalam kepada penonton. Untuk menjadi seorang peran tua, seseorang itu mestilah mempunyai pemikiran yang tajam dan matang. Seorang yang membawa watak peran juga mestilah seorang yang sudah belajar dan memahami selok-belok kehidupan.

4. 11 KESIMPULAN

Kesimpulannya, dalam bab ini telah membincangkan tentang hasil dapatan kajian yang diperoleh sepanjang melakukan kajian tentang persepsi masyarakat Bachok, Kelantan tentang makyung tradisional dan makyung patuh syariah. Hasil dapatan kajian ini diperoleh dengan menggunakan kaedah campuran iaitu kualitatif dan juga kuantitatif. Kesemua hasil dapatan kajian ini diperoleh dengan menggunakan kaedah temu bual dan soal selidik. Seramai 5 orang pengamal makyung dan 12 orang masyarakat awam telah ditemu bual untuk mendapatkan data dan maklumat tentang makyung. Setiap soalan yang ditemu bual berfungsi untuk memperoleh data bagi menjawab kesemua objektif kajian. Proses temu bual tersebut telah dilakukan secara atas talian dan secara bersemuka. Hal ini bagi memudahkan pengkaji untuk bertanya soalan secara terbuka dan menambahkan lagi kefahaman pengkaji bagi setiap data yang diperoleh. Bagi data kuantitatif pula, kaedah tinjauan (survei) dilakukan. Pengkaji telah mengedarkan borang soal selidik melalui *Google Form* bagi memperoleh data kajian. Borang ini telah diedarkan dengan menggunakan kaedah *convinient sampling* dan juga *random sampling*. Tujuan kaedah ini dilakukan bagi melihat persepsi masyarakat sama ada mereka menerima atau tidak makyung tradisional dan makyung patuh syariah. Data daripada kaedah kuantitatif ini telah dibuat berdasarkan data temu bual dengan menyokong jawapan informan dengan keputusan skor purata daripada masyarakat.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 5

KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Bab lima merupakan bab yang akan merumuskan keseluruhan kajian persepsi masyarakat Bachok, Kelantan terhadap penerimaan makyung tradisional dan juga makyung patuh syariah daripada bab satu, bab dua, bab tiga dan bab empat. Dalam bab ini, beberapa perkara akan dibincangkan seperti rumusan bab, dapatan utama dan juga cadangan yang boleh dijalankan pada masa akan datang.

5.2 Rumusan Bab

Kajian berkaitan makyung tradisional dan makyung patuh syariah telah dijalankan bagi mengetahui persepsi masyarakat di Bachok, Kelantan. Tujuan kajian ini dijalankan adalah bagi mengenal pasti perbezaan antara makyung tradisional dan juga makyung patuh syariah di Kelantan, mengkaji penerimaan masyarakat terhadap makyung tradisional dan makyung patuh syariah di Kelantan dan juga menganalisis langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh masyarakat Bachok bagi melestarikan makyung tradisional dan makyung patuh syariah di kalangan masyarakat Kelantan. Oleh itu, kajian ini mempunyai lima bab bagi mencapai ketiga-tiga objektif kajian tersebut.

Bab satu dalam kajian ini telah menghuraikan serba sedikit tentang warisan, seni persembahan dan juga makyung. Beberapa perkara seperti latar belakang makyung dan makyung patuh syariah telah diterangkan dalam bab ini. Terdapat beberapa masalah dalam seni persembahan makyung yang telah dijumpai dan dinyatakan bagi menjalankan kajian ini seperti makyung telah diharamkan, generasi masa kini kurang minat, kurang tenaga mahir makyung dan makyung hampir pupus. Beberapa subtopik lain seperti persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian kepada negara, masyarakat dan

individu, skop kajian serta lokasi kajian juga terdapat dalam bab satu. Tujuan objektif kajian adalah untuk menetapkan matlamat yang perlu dicapai sepanjang melakukan kajian ini. Skop kajian dan lokasi kajian bertujuan untuk menghadkan fokus kajian semasa kajian dilaksanakan.

Bab dua pula merupakan bab yang mempunyai banyak maklumat yang diperoleh daripada sumber pembacaan. Dalam bab ini pula beberapa sorotan kajian telah digunakan sebagai sokongan maklumat kajian. Sorotan kajian ini berkaitan tentang warisan budaya, seni persembahan, seni teater, makyung dan pelestarian seni persembahan. Pada bahagian sorotan kajian makyung terdapat beberapa subtopik kecil, antaranya definisi makyung, sejarah makyung, peranan makyung kepada masyarakat, makyung tradisional dan juga makyung patuh syariah dan juga perkembangan makyung patuh syariah. Selain sorotan kajian, dalam bab ini juga terdapat penggunaan teori yang berfungsi sebagai panduan untuk pengkaji memahami kajian yang ingin dijalankan. Teori yang telah digunakan adalah teori persepsi. Teori persepsi ini dipilih untuk memahami persepsi masyarakat Bachok, Kelantan tentang makyung tradisional dan makyung patuh syariah.

Selain itu, bab tiga menerangkan mengenai kaedah metodologi dan analisis data yang telah digunakan sepanjang proses kajian ini dilaksanakan. Kaedah metodologi dan analisis data bertujuan untuk memastikan kaedah yang digunakan sesuai dan data yang diperoleh merupakan data yang tepat. Sepanjang melaksanakan kajian ini, kaedah campuran telah digunakan iaitu kualitatif dan juga kuantitatif. Kajian ini menggunakan kaedah kajian kes dan juga tinjauan kerana memerlukan penglibatan secara langsung untuk mengetahui tentang makyung. Bagi kaedah kajian, pengkaji menggunakan kaedah temu bual, pemerhatian, tinjauan dan juga soal selidik. Soalan yang diajukan berbentuk '*open-ended*' dan temu bual tersebut dijalankan antara pengamal makyung seramai 5 orang dan juga masyarakat seramai 12 orang untuk memperoleh pengetahuan dan pandangan mereka. Bagi soalan soal selidik, pengkaji telah mengedarkan secara rawak dengan menggunakan kaedah random sampling dan Convinient sampling. Untuk kaedah pengumpulan data, pengkaji telah menggunakan data primer seperti temu bual, analisis kandungan, tinjauan dan borang soal selidik. Manakala data sekunder pula merujuk

kepada kajian lepas atau bacaan daripada buku. Untuk mengumpul data pula, pengkaji telah menggunakan analisis data tematik dan deskriptif.

Seterusnya, bab empat pula menerangkan tentang dapatan kajian yang diperoleh dalam kajian berkaitan persepsi masyarakat Bachok, Kelantan terhadap makyung tradisional dan makyung patuh syariah. Dapatan kajian diperoleh selepas proses temu bual dan soal selidik dijalankan oleh pengkaji. Daripada data yang diperoleh, pengkaji telah menghuraikan lapan tema dalam bab tersebut. Terdapat juga dapatan baharu yang dibincangkan dalam bab tersebut. Antaranya ialah mengenai sejarah makyung, punca makyung diharamkan, waktu persembahan makyung tradisional dan makyung patuh syariah, jenis pakaian yang digunakan semasa persembahan makyung tradisional dan makyung patuh syariah, struktur persembahan makyung tradisional dan makyung patuh syariah dan juga elemen yang terdapat dalam makyung tradisional dan makyung patuh syariah. Selain daripada itu, dapatan baharu yang diperoleh adalah mengenai cabaran mempersembahkan makyung, adat dan pantang larang yang terdapat dalam makyung dan juga kepentingan persembahan makyung kepada masyarakat. Dapatan baharu ini secara tidak langsung memberi data yang baharu kepada pengkaji dalam melaksanakan tugas ini. Akhir sekali, data yang dikumpul telah melengkapi objektif kajian yang dikaji.

5.3 Dapatan Utama

Hasil daripada kajian yang dilakukan, dapatan utama yang dikenal pasti adalah persamaan dalam makyung tradisional dan makyung patuh syariah lebih banyak berbanding perbezaan. Berdasarkan sesi temu bual yang telah berlangsung dengan beberapa orang pengamal makyung, mereka menyatakan dari segi elemen tarian, nyanyian, muzik dan alat muzik yang digunakan dalam persembahan adalah masih sama. Tiada perubahan yang berlaku kepada elemen-elemen tersebut. Namun begitu, dari segi struktur terdapat beberapa perkara yang telah diubah mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh kerajaan negeri Kelantan. Perubahan yang berlaku adalah beberapa struktur seperti buka panggung tidak lagi dipersembahkan. Perbezaan yang berlaku

bukanlah berfungsi untuk mengubah keaslian persembahan tersebut, malah bertujuan untuk memastikan persembahan makyung terus dipersembahkan di negeri Kelantan.

Selain itu, walaupun terdapat perbezaan pada persembahan makyung patuh syariah, masyarakat masih mempunyai persepsi yang tersendiri tentang kewujudan makyung tradisional dan makyung patuh syariah. Perkara ini dapat dilihat dari kenyataan yang dinyatakan oleh pengamal yang di temu bual. Antara persamaan dalam persembahan makyung tradisional dan makyung patuh syariah adalah dari segi pakaian, lagu, alat muzik dan gerak tarian. Terdapat juga beberapa perbezaan yang telah dikenalpasti dalam persembahan makyung tradisional dan makyung patuh syariah seperti fungsi persembahan, pelakon, watak yang dipersembahkan, cerita, skrip dan struktur persembahan. Persepsi masyarakat terhadap makyung tradisional dan makyung patuh syariah juga dapat dilihat melalui skor purata dapatan kajian. Antara persepsi yang diberikan oleh masyarakat adalah sebagai hiburan, perubatan tradisional, persembahan istana dan juga sebagai nasihat. Setiap masyarakat mempunyai persepsi yang tersendiri berkaitan makyung tradisional dan makyung patuh syariah. Hal ini menyebabkan seni persembahan ini menjadi lebih unik dan menarik.

Seterusnya, terdapat pelbagai langkah pelestarian dalam mengekalkan makyung tradisional dan makyung patuh syariah di Bachok, Kelantan. Berdasarkan borang soal selidik terdapat 7 langkah pemeliharaan makyung tradisional dan makyung patuh syariah. Antaranya mempromosikan persembahan makyung tradisional dan makyung patuh syariah melalui platform media sosial, menyediakan dana, tempat latihan dan platform untuk mempersembahkan makyung tradisional dan makyung patuh syariah, menjadikan makyung tradisional dan makyung patuh syariah sebagai pendidikan formal di sekolah atau di institusi pendidikan, mengkomersialkan persembahan makyung tradisional dan makyung patuh syariah melalui aktiviti kebudayaan, mengadakan kerjasama dengan universiti atau agensi untuk mempromosikan makyung tradisional dan makyung patuh syariah, mendokumentasikan persembahan makyung tradisional dan makyung patuh syariah bagi memperkenalkan makyung dan yang terakhir ialah mengadakan bengkel, seminar atau ceramah tentang makyung tradisional dan makyung patuh syariah.

Langkah-langkah ini perlu dilakukan bagi memastikan seni persembahan ini terus dipelihara dan dijaga oleh masyarakat.

Akhir sekali, kepentingan Mak Yong terhadap masyarakat tidak dapat dinafikan kerana ia bukan sekadar hiburan tetapi juga satu bentuk warisan budaya yang sarat dengan nilai-nilai kehidupan. Mak Yong merupakan salah satu seni persembahan tradisional yang sangat penting bagi masyarakat Kelantan kerana bukan hanya berfungsi sebagai hiburan tetapi juga berfungsi sebagai medium penyampaian ilmu dan moral. Setiap persembahan makyung yang dipentaskan mengandungi mesej mendalam yang bertujuan untuk memberikan pengajaran kepada penonton. Kisah-kisah yang disampaikan dalam Mak Yong selalunya merangkumi unsur-unsur nasihat, adat resam, dan norma sosial yang penting untuk dipelajari oleh generasi muda. Para pelakon sering menyelitkan elemen pendidikan dalam dialog dan lakonan mereka sama ada dalam bentuk sindiran halus, perumpamaan atau kisah tauladan yang boleh dijadikan pedoman dalam kehidupan seharian. Mak Yong juga memainkan peranan dalam memperkukuhkan identiti budaya masyarakat setempat dan mengekalkan warisan seni tradisional agar tidak pupus ditelan zaman. Oleh itu, persembahan Mak Yong bukan sahaja menghiburkan tetapi juga berperanan dalam mendidik dan menyampaikan nilai-nilai kehidupan kepada masyarakat yang menontonnya.

5.4 Cadangan

Seni persembahan merupakan warisan negara yang tidak ternilai. Seni persembahan bukan berfungsi sebagai hiburan semata-mata, malah seni persembahan merupakan budaya dan identiti negara Malaysia. Kepelbagaian negara kita Malaysia dalam seni persembahan menyebabkan negara kita dipandang tinggi oleh negara lain. Oleh itu, setiap seni yang ada di Malaysia perlulah dipelihara dan dipulihara bagi memastikan persembahan tersebut tidak hilang di telan zaman. Semua pihak perlulah memainkan peranan dalam memastikan seni persembahan ini terus kekal dan berkembang dari masa ke masa. Sepanjang kajian dilaksanakan, pengkaji mendapati

terdapat beberapa cadangan yang ingin dicadangkan untuk memastikan seni persembahan ini terus kekal relevan.

Antara cadangan yang ingin dicadangkan oleh pengkaji adalah menjalankan penyelidikan berterusan berkaitan makyung tradisional dan makyung patuh syariah. Salah satu faktor persembahan makyung patuh syariah kurang diberikan perhatian adalah kerana persembahan ini merupakan persembahan yang baru diperkenalkan oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Kelantan pada tahun 2019. Kajian berkaitan makyung patuh syariah perlulah dijalankan secara lebih mendalam supaya dapat menjadi rujukan kepada masyarakat luar yang ingin mengetahui tentang makyung patuh syariah. Walaubagaimanapun, kajian makyung tradisional juga perlu dilakukan kerana masih terdapat beberapa perkara yang belum dikaji secara lebih terperinci. Hatta dan Hardwick (2024), ilmu makyung yang telah dikaji masih belum lengkap dan menyukarkan pewaris baharu yang ingin mempelajari ilmu makyung dengan lebih mendalam. Dengan kajian yang berterusan dapat membantu semua pihak dalam mengetahui tentang ilmu makyung.

Selain itu, pihak yang bertanggungjawab perlu memperbanyakkan lagi persembahan makyung tradisional dan makyung patuh syariah. Kurangnya persembahan menyebabkan persembahan ini semakin dilupakan oleh masyarakat di dalam dan di luar negeri Kelantan. Makyung yang menjadi salah satu identiti negeri Kelantan perlulah terus diperkenalkan supaya masyarakat dapat mengetahui kewujudan seni persembahan tersebut. Pihak yang bertanggungjawab boleh menjadikan seni persembahan makyung sebagai persembahan wajib yang perlu dipersembahkan sekiranya terdapat festival keramaian di Kelantan. Bagi di luar negeri Kelantan, pihak yang bertanggungjawab boleh menjalankan persembahan makyung di universiti atau di mana-mana tempat yang dapat menarik minat orang ramai untuk melihat persembahan tersebut. Pelaksanaan ini secara tidak langsung dapat menarik lebih ramai masyarakat untuk mengetahui seni persembahan yang ada di Kelantan dan juga Malaysia.

RUJUKAN

- A'idrus, F. A., & Mahmad, S. N. I. (2016). *Transkrip wawancara bersama Ruhani Binti Mohd Zain tokoh mak yong*.
- Abd Azis, M. H. (2021). Seni dan budaya tradisi perlu anjakan paradigma. *Bernama*.
<https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1947937>
- Abdullah, M.G. (2009). *Mak yong dalam bentuk teater: Meneliti aspek pengarahannya oleh Norzizi Zulkifli*. Jurnal Melayu, 4, 111-125
<https://journalarticle.ukm.my/3012/1/7-Ghani.pdf>
- Abdullah, S. M. (2019). Kelantan lifts ban on mak yong. *New Straits Times*.
http://discol.umk.edu.my/id/eprint/12785/1/KELANTAN%20LIFTS%20BAN%20N%20MAK%20YONG_NST_26SEP2019-1.png
- Adeniran, A. O. (2019). Application of Likert scale's type and Cronbach's alpha analysis in an airport perception study. *Scholar Journal of Applied Sciences and Research*, 2(4), 1-5.
- Ahmad, M. F. (2019). *Teater muzikal Melayu: Satu kajian terhadap struktur persembahan melalui pembentukan lagi dramatik* [Ijazah Sarjana Muda]. Universiti Sains Malaysia.
- Amy Luo. (2019). *Content Analysis | Guide, Methods & Examples*. Scribbr.
- Arifin, L. (2015). Pakyung makin pupus. *Berita Harian Online*.
<https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/03/41643/pakyung-makin-pupus>
- Azlan, M. A. K., & Chong, L. S. (2018). The origins of kelantanese mak yong. *Advances in Natural and Applied Sciences*, 12(1), 11.
- Bernama. (2016). Subjek seni, budaya harus diwujudkan di sekolah. *Malaysia Kini*.
<https://www.malaysiakini.com/hiburan/356798>
- Bernama. (2019). Penggiat seni sambut baik hasrat k'jaan PAS benarkan makyung. *Malaysia Kini*. <https://www.malaysiakini.com/hiburan/493531>
- Bernama. (2020). Tarian makyung patuh syariah diterima masyarakat. *Harian Metro*
<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/10/626849/tarian-makyung-patuh-syariah-diterima-masyarakat>
- Bhandari, P. (2023). *What is quantitative research? | Definition, uses & methods*. Scribbr. <https://www.scribbr.com/methodology/quantitative-research/>
- Booth D. (2019) 'Bibliometric analysis of University of Newcastle authored systematic reviews', Health Libraries Australia Conference 2019 (18-19 July), Monash

University

- Brace, I. (2018). *Questionnaire Design: How to Plan, Structure and Write Survey Material for Effective Market Research*. Kogan Page, Limited.
<https://books.google.com.my/books?id=g692tAEACAAJ>
- Braun dan Clarke. (2006). *Thematic Analysis - an overview* | *ScienceDirect Topics*.
- Bryman, A., & Bell, E. (2018). *Business Research Methods* (5th ed.). Oxford University Press.
- Catalyst, H. (2021). *Getting started with mixed methods research*. Diakses melalui https://catalyst.harvard.edu/wp-content/uploads/2021/03/CEP-website_MMR-2-pager.Pdf
- Charmaz K. (2006). *Constructing grounded theory: A practical guide through qualitative analysis*. 2006; Thousand Oaks, CA: Sage.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2017). *Research Methods in Education* (8th ed.). Routledge. <https://doi.org/10.4324/9781315456539>
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2016). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches*. Sage publications.
- Dainal, E. (2023). Satu tinjauan seni persembahan dari pandemik ke pasca covid-19: Maya atau konvensional? *Jurnal Kinabalu*, 29, 79–95.
- Daud, H. (2013). *Tradisi lisan dan pelancongan di Malaysia: Satu saranan*. *TENIAT: International Journal of Creative Futures and Heritage*, 1(1).
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). *Kamus Dewan* (Edisi Keempat). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Bahasa Pustaka. (2017). *Pelestarian*. Prpm.dbp.gov.my.
- Farhan, A. (2024), Kenapa makyong pernah diharamkan di Kelantan. The Patriots. <https://thepatriots.asia/kenapa-makyong-pernah-diharamkan-di-kelantan/>
- Fereday, J., & Muir-Cochrane, E. (2006). Demonstrating rigor using thematic analysis: A hybrid approach of inductive and deductive coding and theme development. *International journal of qualitative methods*, 5(1), 80-92.
- Fowler, G., McClure, M., & Cipolla, C. (2019). A Utica case study: The impact of permeability estimates on history Matching, fracture length, and well spacing. In *SPE Annual Technical Conference and Exhibition?*
- George, E. R., Sabin, L. L., Elliott, P. A., Wolff, J. A., Osani, M. C., McSwiggan Hong, J., & Berry, W. R. (2022). Examining health care champions: a mixed-methods study

- exploring self and peer perspectives of champions. *Implementation Research and Practice*, 3(3), 263348952210778. <https://doi.org/10.1177/26334895221077880>
- Ghouse, M., & Nasaruddin. (2000). *Teater tradisional Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Groves, P. L. (2019). *A case study of hispanic STEM teacher preparation*. The University of Texas Rio Grande Valley
- Hanafi, H., Muhamat Laila, N. A., Wan Mohd Saman, W. S. W. M. S., & Hussin. (2018). Menjejaki seni warisan tarian asyik menerusi kaedah sejarah lisan: Tari asyik tari diraja. *Jurnal Sejarah Lisan Malaysia*, 2(2).
- Hardwick, P. A. (2009). *Stories of the wind: The role of mak yong in shamanistic healing in Kelantan, Malaysia* [Doctor of Philosophy]. Indiana University.
- Hardwick, P. A. (2014). View of the body becoming: Transformative performance in Malaysian mak yong. *Iammonline.com*, 6(1).
- Harrison, R. (2010). *Understanding the politics of heritage*. Manchester : University Press
- Hasanah, S. A. N., Agustina, D., Ningsih, O., & Nopriyanti, I. (2024). Teori tentang persepsi dan teori atribusi kelley. *CiDEA Journal*, 3(1), 44–54.
- Hashim, M. H. (2019). 29 tahun PAS tawan hati rakyat Kelantan. *Sinar Harian*.
- Hatta, N. S., & Hardwick, P. A. (2024). Kaedah tradisional pewarisan ilmu permainan makyung di Kelantan. *Jurai Sembah*, 5(2).
- Helmy, K. (2021). *Makyong*. Upm.edu.my; PUSAT KEBUDAYAAN DAN KESENIAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH.
- Hissham, M. K. H. N., Ramli, M. A., & Syed Jaafar, S. M. J. (2019). Unsur kearifan tempatan dalam seni persembahan Melayu-Islam: Analisis dari perspektif hukum Islam. *Jurnal Fiqh*, 16(2), 321–352. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/92158/>
- Idris, S. R. (2020). Mak yong patuh syariah di Kelantan. *Berita Harian Online*. https://www.bharian.com.my/rencana/sastera/2020/10/742447/mak-yong-patuh-syariah-di-kelantan#google_vignette
- Ismail, M., Sikandar, S. A., & Ahmad, M. F. (2023). *Memupuk kemahiran auditorik dan kinestetik pelajar sekolah rendah melalui teater tradisional mak yong*. *PENDETA*, 14(2), 201–208. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol14.2.16.2023>

- Ismail, M. A. (2020). Persembahan makyong diselit petikan al Quran. *Harakahdaily*.
<https://harakahdaily.net/index.php/2020/08/11/persembahan-makyong-diselit-petikan-al-quran/>
- Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara. (2022). *Seni Persembahan*. Portal Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara
https://pemetaanbudaya.jkkn.gov.my/senibudaya/senarai?category_id=1
- Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara. (2024). *Program Myseni Budaya*.
<https://portal.jkkn.gov.my/ms/program-mysenibudaya>
- Jabatan Warisan Negara. (2015). Inventori Elemen: Makyong.
https://heritage.gov.my/images/04_wtk/WTk_UNESCO/CAW%20SENI%20PERSEREMBAHAN/AttributeMakyong.pdf
- Jabatan Warisan Negara. (2023). *Warisan Tidak Ketara*. Heritage 2023.
<https://www.heritage.gov.my/my/utama-warisan-tidak-ketara>
- Jabatan Warisan Negara. (2024). Teater: *Warisan Tidak Ketara*.
<https://www.heritage.gov.my/my/teater.html>
- Jamil, N. (2016). *Penglibatan golongan belia dalam bidang teater di Sabah* [Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian]. Universiti Malaysia Sarawak.
- Joanes J., Ahmad Soffian A., Goh X. Z, & Kadir S. (2014). *Persepsi & Logik*.
https://www.academia.edu/23620455/Persepsi_and_Logik
- Jones, P. (2007). Drama as Therapy Volume 1: Theory, Practice and Research (2nd ed.). Routledge. <https://doi.org/10.4324/9780203932902>
- Kahn, S. M., Shamsuddin, E., & Abdullah, N.N (2011). Mendepani seni warisan dan kreatif dalam mencapai satu gagasan Melayu nusantara. Persidangan Universiti Islam Negeri Sunan, Gunung Djati, Bandung
- Kahn, S. M. (2011). Pengurusan artistik: kajian mengenai peranan set selaku tenaga kreatif dalam seni persembahan pentas di Malaysia. *Core.ac.uk*, 6(2).
- Kemad, L. (2006). *Teater moden Sabah: 1946 hingga 1980-an*. Dewan Bahasa Pustaka.
- Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. (2003). *Makyong*. Portal Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan .
<https://www.kkd.gov.my/pdf/buku/makyong.pdf>
- Kementerian Komunikasi Malaysia. (2024). *Jenis Warisan*. Portal Kementerian Komunikasi Malaysia
<https://www.komunikasi.gov.my/65-bahankpkk/dokumen/594-jenis-warisan>
- Khan, M. P., Abdul Aziz, A., & Mat Daud, K. A. (2018a). Documentation of intangible

- cultural heritage (ICH): Mak yong performing art collection. *International Journal of Information and Knowledge Management (IJKM)*, 8(1).
<https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/29882/>
- Khan, M. P., Abdul Aziz, A., & Mat Daud, K. A. (2018b). Perlindungan seni persembahan tradisional mak yong : Evolusi pendokumentasian maklumat warisan di institusi warisan negara (IWN). *International Journal of Creative Future & Heritage (IJCFH)*, 6(2), 199–215.
<http://journal.umk.edu.my/index.php/teniat/article/view/203/206>
- Krippendorff, K. (2013). *Content analysis an introduction to its methodology* (3rd ed.). SAGE Publications Asia-Pacific Pte. Ltd.
- Marzali, A. (2012). Kategori adat dalam budaya Melayu - Nusantara. *Jurnal Pengajian Melayu*, 23(1), 1–25.
- Mat Hayin, N. A. (2018). Perjuangan seni teater. *Harian Metro Online*.
<https://www.hmetro.com.my/nuansa/2018/06/346724/perjuang-seni-teater>
- Md Azahri, Z., Mat Desa, M. A., & Mohd Bakhir, N. (2014). Penyampaian visual melalui teknik holografi dalam mengangkat kesenian tradisional mak yong. In: *1st International Conference on Creative Media, Design & Technology (REKA) 2014*.
- Merriam, S. B., & Grenier, R. S. (Eds.). (2019). *Qualitative research in practice: Examples for discussion and analysis*. John Wiley & Sons.
- Mohamed Mokhtar, M., & Jamil, M. (2021). Sudut pandangan pelaksanaan kajian kes kualitatif terhadap naturalisasi penyelidikan pendidikan bahasa melayu. *Asian Journal of Civilizational Studies*, 3(2).
- Mohammed Azanan, M. F., Tan, K. M. M., Jamaludin, A., & Kamarudin, H. D. (2021). Merungkai seni teater tradisional makyung: Sejarah 400 tahun lampau serta pengiktirafan UNESCO. *Jurnal Sejarah Lisan Malaysia*, 2600–7088(5(1)).
- Mohd Noor, N. A., Abd Aziz, A. S., & Ahmad, R. (2020). Penyalahgunaan media sosial: Kerangka institusi dan undang-undang di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)*, 5(18), 57–67.
- Mohd Noordin, H. (2009). *Estetika persembahan mak yong* [Ijazah Sarjana Muda]. Universiti Malaya.
- Mohd Shariff, N. N. A. (2023). *Rebab sebagai simbol antropomorphisme dalam seni persembahan* [Ijazah sarjana muda]. Universiti Malaysia Kelantan.
- Muhamad Jefri, N. A. (2023). *Melestarikan warisan kebudayaan tidak ketara yang hampir pupus*. Dewan Budaya.

<https://dewanbudaya.jendeladb.my/2023/09/13/7065/>

- Musa, A., & Yunos, Y. (2011). Simptom-simptom penyakit dalam main teri: Satu kajian kes di kampung Pasir Mas, Kelantan. *Jurnal Melayu*, 8, 233–249.
- Mustafa, N. A., Abdullah, N. C., & Mohd Dian, A. (2020). Survival of makyung in Kelantan : The challenge under the federal centric environment. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 13(2).
- Nasuruddin, M. G., & Ishak, S. (2014). Main puteri traditional malay healing ceremony . *World Academy of Science, Engineering and Technology International Journal of Humanities and Social Sciences*, 8(2).
- Nasuruddin, M. G. (1994). *Tarian melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nawyi, N. (2017). *Persepsi masyarakat terhadap seni persembahan rodat di kampung Pasir Panjang, Terengganu* [Ijazah Sarjana Muda]. Universiti Malaysia Sarawak.
- Noor Azalan, N. A., Ahmad Jais, N. F., Mokhta, A. I., & Khazri Osman. (2023). Peranan institudi pendidikan dalam memupuk kefahaman ahli sunnah wal jamaah. In *ResearchGate*. Seminar Pengukuhan Kefahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah 2023, Malaysia. [https://www.researchgate.net/publication/372493546 PERANAN INSTITUSI PENDIDIKAN DALAM MEMUPUK FAHAMAN AHLI SUNAH WAL JAMAAH](https://www.researchgate.net/publication/372493546_PERANAN_INSTITUSI_PENDIDIKAN_DALAM_MEMUPUK_FAHAMAN_AHLI_SUNAH_WAL_JAMAAH)
- Nord, C. (1997). *Translating as a purposeful activity: Functionalist approaches explained*. Manchester: St. Jerome Publishing .
- Norman, G. (2017). Generalization and the qualitative–quantitative debate. *Advances in Health Sciences Education*, 22, 1051-1055
- Oxford English Dictionary. (2024). culture, n. meanings, etymology and more | Oxford English Dictionary. *Oed.com*. <https://doi.org/10.1093/OED/4985345143>
- Petronela, T. (2016). *The importance of the intangible cultural heritage in the economy* [PhD, The Bucharest University of Economic Studies]. <https://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S2212567116302714?via%3Dihub>
- Pimentel, J. L. (2010). A note on the usage of Likert Scaling for research data analysis. *USM R&D Journal*, 18(2), 109-112.
- Pitchan, M. A., & Omar, S. Z. (2019). Dasar keselamatan siber Malaysia: Tinjauan terhadap kesedaran netizen dan undang-undang. *Jurnal Komunikasi*, 35(1), 103–119.

- Rahim, N. F. A. (2020). Kelantan benarkan Mak Yong kalau patuhi syariah. *Berita Harian Online*.
- Razak, N. A. R., Khairul Anuar, N. S. I., Hussin, N., & Wan Mohd Saman, W. S. (2018). Main teri: Warisan perubatan tradisional dalam kalangan masyarakat Melayu. *Jurnal Sejarah Lisan Malaysia*, 2(2).
- Saidon, Z. L. (2014). Kelestarian dan pengkomersialan seni persembahan tradisional Melayu dalam konteks industri kreatif: Cabaran & Peluang. In *Kongres Warisan Melayu Sedunia 2014*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Samsuddin, M. E. (2012). Teater melayu makyung : Kajian kreativiti koreografi. *Tesis Phd. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Melayu*.
- Sarju, H., Hamzah, R., & Udin, A. (2010). Pendidikan: Matlamat dan fungsinya. *Jurnal of Social Sciences and Humanities*, 4(1), 7--8.
- Saunders, M. N. K., Lewis, P., & Thornhill, A. (2023). *Research methods for business students*. PEARSON EDUCATION LIMITED.
- Seidman, I. (2013) *Interviewing as Qualitative Research: A Guide for Researchers in Education and the Social Sciences*. Teachers College Press, New York.
- Shafii, A. H. (2004). Pengurusan Pementasan Teater Komersil Mak Yong di Kelantan, 1950an dan 1960an. *Wacana Seni Journal of Arts Discourse*, 3, 31-60.
- Sheppard, M. (1969). Ma'Yong, the Malay Dance Drama. *Malaysian Society for Asian Studies*.
- Sinar Harian. (2023). Inisiatif dokumentasi, arkib seni gambus. <https://www.sinarharian.com.my/article/275572/berita/nasional/inisiatif-dokumentasi-arkib-seni-gambus>
- Singer, E., & Couper, M. (2017). Some Methodological Uses of Responses to Open Questions and Other Verbatim Comments in Quantitative Surveys. *Methods, Data, Analyses*, 11, 20. <https://doi.org/10.12758/mda.2017.01>
- Sitas, R., & Stewart, M. (2023). From heritage conservation to heritage justice in Cape Town. *City, Culture and Society*, 35, 100551.
- Smith, D. R., Patterson, R. D., Turner, R., Kawahara, H., & Irino, T. (2005). The processing and perception of size information in speech sounds. *The Journal of the Acoustical Society of America*, 117(1), 305-318.
- Sripaoraya, K. (2022). The Kelantan mak yong: Dancing toward a compromise between culture and religion. *Harmonia: Journal of Arts Research and Education*, 22(1), 15--27.

- Sukirman, S. N. (2020). Asal Usul Tarian Tradisional Pelbagai Budaya di Luar dan Di Sabah: The Various Traditional Origins of Cultural Dance Outside and In Sabah. *Jurnal Gendang Alam* , 10(2).
- Syahirah, N., & Raja Halid, R. I. (2020). Kumpulan makyong sri gabus dan bunga emas seri temenggong: Satu kajian estetika tari. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 8(1).
- Tahir, J. Md. (2009). *Peran dalam teater tradisional makyong* [Ijazah Sarjana Muda]. Universiti Sains Malaysia.
- Tan, S. B., & Shafii, A. S. H. (2021). Sanjungan untuk para penggiat makyong di Yala, Selatan Thailand. *SPAFA Journal*, 5.
- Tehrani, F. (2019). *Membunuh Mak Yong dan Petala Indra*. Malaysiakini. <https://www.malaysiakini.com/columns/463364>
- Tenny, S., Brannan, J., & Brannan, G. (2022, September 18). *Qualitative study*. National Library of Medicine; StatPearls Publishing. <https://www.ncbi.nlm.nih.gov/books/NBK470395/>
- UNESCO. (2008). *Mak yong theatre*. <https://ich.unesco.org/en/RL/mak-yong-theatre-00167>
- UNESCO. (2024). World Heritage. *UNESCO World Heritage Convention* <https://whc.unesco.org/en/about/#:~:text=Heritage%20is%20our%20legacy%20from,sources%20of%20life%20and%20inspiration>.
- Universiti Malaysia Kelantan. (2022). *Largest “mengadap rebab” performance & perasmian kumpulan makyong Bunga Emas Sri Temenggong*. <https://umktv.umk.edu.my/kejayaan/340-largest-mengadap-rebab-performance-perasmian-kumpulan-mak-yong-bunga-emas-sri-temenggong.html>
- Waelde, C. (2022). *Intangible cultural heritage, intellectual property and the public domain*. In Research Handbook on Intellectual Property and Cultural Heritage.
- Yaacob, S. Z. (2024). *Makyong patuh syariah: Impak terhadap persepsi pengamal dan masyarakat Kelantan* [Ijazah Sarjana Muda]. Universiti Malaysia Kelantan.
- Yadim. (2018, May 15). *Jawatankuasa fatwa bincang pengharaman Makyong - Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia*. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Yatim, R. (2015). *Adat: The legacy of minangkabau*. Kuala Lumpur: Yayasan Warisan Negara
- Yin, R. K. (2018). *Case study research and applications*.
- Yusof, G.-S.. (1976). *The Kelantan “mak yong” dance theatre: A study of performance*

structure. University of Hawai'i at Manoa.

Yousof, G. S. (2016). Traditional Malay theatre. PTS Publications & Distributors Sdn Bhd

Yousof, G.-S. (2017). The mak yong dance theatre as spiritual heritage: Some insights.

Journal of Archaeology and Fine Arts in Southeast Asia, 1(1).

Yousof, G.-S. (2019). Mak Yong: World Heritage Theatre. Penang: Areca Books Asia.

Zahari, N. A., & Zakaria, N. H. N. (2021). Transkrip temu bual bersama Encik Rosnan Bin Abdul Rahman tokoh seni kebudayaan mak yong mengenai pengalaman beliau pak yong. *Universiti Teknologi Mara*.

Zahari, R., & RS, S. U. (2011). *Makyung, the mystical heritage of Malaysia*. Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.

Zakia, H. K., Nurhamsyah, M., & Putro, J. D. P. (2013). Pusat seni teater di Kota Pontianak. *Jurnal Teknik Sipil Untan*, 13(1).

Zinurin, F. N. (2023). *Penghayatan masyarakat Johor terhadap tarian tradisional Melayu Zapin* [Ijazah Sarjana Muda]. Univeristi Malaysia Kelantan.

Zulkafli, N., Pati Khan, M., & Mohd Nordin, N. (2023). Mak yong patuh syariah: An alternative highlighting the islamic compliance in traditional malay theatre. *Journal of Islamic*, 8(54).

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN